

Jilid II
Bil. 2



Hari Rabu
9hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed	}	[Ruangan 209]
Y.B. Tuan Woon See Chin		
Y.B. Dr V. David		

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 210]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 277]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 277]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAND, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

„ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

Yang Berhormat TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

Yang Berhormat 'TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kempas).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

., DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

., DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

., TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 9hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACuti kepada Ahli-ahli—
Kebenaran

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Drs. Suleiman bin Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi kawasan Titiwangsa dari 7hb Mac-20hb Mac, 1988;
2. Y.B. Tuan Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan bagi kawasan Senai dari 7hb Mac-19hb Mac, 1988;
3. Y.B. Dr V. David bagi kawasan Puchong dari 7hb Mac 1988 hingga selama Yang Berhormat di dalam tahanan.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANKEBUDAYAAN NEGARA—
PROGRAM KHAS RTM

1. Tuan Lainus anak Andrew Luwak minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian membuat rancangan supaya satu program khas setiap minggu untuk menayangkan kebudayaan-kebudayaan negara kita yang sebegitu banyak secara tayangan perlahan (slow-motion) supaya semua rakyat Malaysia berpeluang belajar kebudayaan sesuatu kaum.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa RTM selalu menyiarkan rancangan-rancangan yang menunjukkan kebudayaan penduduk-penduduk negara kita, baik secara tersendiri atau melalui rancangan-rancangan lain. Sebagai lanjutan kepada usaha-usaha itu, RTM sedang menyusun dan merakamkan rancangan-rancangan khas yang memaparkan kebudayaan tanahair secara yang lebih terperinci dan rancangan-rancangan ini akan disiarkan tidak lama lagi.

Rakaman-rakaman yang dibuat adalah dalam bentuk gerak biasa dan bukan gerak perlahan (slow motion). Ini ialah kerana "slow motion" hanya berupa satu teknik persembahan yang

dibuat untuk beberapa ketika sahaja dalam sesuatu filem untuk memberi tekanan dramatik tertentu. RTM juga sedia menggunakan teknik ini di mana sesuai. Rancangan yang sudah dibuat dan yang sedang disusun itu adalah dijangka mencukupi untuk memberi pengetahuan dan pemahaman mengenai kebudayaan tanahair kita kepada penduduk-penduduk Malaysia sendiri supaya mereka cintakan kebudayaan sendiri dan kepada masyarakat luar negeri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Negeri Sarawak dan Sabah terdapat berpuluh-puluh masyarakat Orang Asli, sementara rakyat Malaysia pun tidak begitu faham cara hidup mereka dan apakah tindakan akan diambil oleh RTM supaya menyiarkan rencana khas untuk memperkenalkan kebudayaan mereka kepada semua rakyat negara ini supaya menganjur integrasi nasional ini. Adakah rancangan spesifik untuk menyiarkan cara hidup dan kebudayaan bagi masyarakat Kayan, Kenyah, Ukit, Kalabit dan sebagainya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan tadi, bahawa kita di RTM sekarang sedang merancang untuk menyiapkan satu rancangan kebudayaan-kebudayaan yang terdapat di tanahair kita dengan secara terperinci ataupun dengan cara yang lebih teratur. Pada masa-masa yang lalu kita pernah membuat rencana-rencana kebudayaan sama ada berupa tarian ataupun yang lain-lain yang mana kita pernah paparkan melalui televisyen, tetapi ini kebanyakan secara rencana selitan di antara lain-lain rancangan yang dikeluarkan di TV. Tetapi dalam rancangan yang saya sebutkan tadi, yang terperinci ini, akan merupakan satu rancangan yang lebih teratur yang akan dipersembahkan sama ada melalui televisyen atau melalui lain-lain upacara persembahan.

MENGETAR JALAN RAYA SIMPANG BATU LINTANG KE MIRI

2. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerja mengetarkan jalan raya persekutuan dari Simpang Batu Lintang, Sarawak ke Miri akan bermula. Pernahkah Menteri Kerja Raya sendiri mengadakan lawatan ke Sarawak supaya lebih mengetahui sebenar keadaan jalan raya tersebut dan jika tidak, bila.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah pun memulakan kerja-kerja pembinaan dan menaikkan taraf jalan raya utama daripada Bau-Lundu ke Miri termasuklah bahagian-bahagian daripada Simpang Batu Lintang ke Miri. Saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bahagian jalan raya tersebut adalah terlalu panjang dan memerlukan perbelanjaan yang besar dan masa yang lama untuk menyiapkannya. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan negara.

Walau bagaimanapun, beberapa bahagian jalan raya dari simpang Batu Lintang ke Miri sedang dalam pembinaan seperti bahagian jalan dari Durin ke Ulu Oyak 17.6 km; Batang Oyak ke Batang Mukah, Batang Suai ke Sungai Niah 27 km; dan Sungai Niah ke Sungai Bekas 34 km, manakala beberapa bahagian lagi telah pun dipanggil tender dan sebahagian lagi dalam proses untuk memanggil tender.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri telah pun melalui jalan raya utama itu dengan kenderaan untuk mengetahui keadaan sebenar jalan raya di Sarawak. Oleh kerana itulah beliau telah memohon

peruntukan yang besar bagi kerja-kerja membina dan menaikkan taraf jalan raya utama tersebut.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa projek pembinaan mengetar jalan raya di antara simpang Batu Lintang dengan simpang Betong telah pun diiklankan tendernya pada tahun 1987. Soalan saya ialah minta Timbalan Menteri menjelaskan apakah sebab projek itu tidak dapat dilaksanakan pada tahun 1987.

Yang kedua, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah di atas untuk menentukan bahawa projek ini tetap dilaksanakan pada tahun 1988?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek untuk pembinaan jalan raya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Tawaran Kontrak. Jadi saya mohon Yang Berhormat bersabar sedikit sampai ketikanya projek itu dilaksanakan.

INDUSTRI HOTEL

3. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kebudayaan Belia dan Pelancongan menyatakan apakah usaha-usahanya mengurangkan beban perindustrian hotel menghadapi sebanyak 63 pelbagai permohonan lesen dan "permit" daripada Kerajaan Tempatan, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan lain-lain pihak berkuasa dalam operasi-operasi hotel. Pada masa kemelesetan ekonomi sekarang dan untuk membantu usaha Menteri Pelancongan menjayakan menarik lebih ramai pelancong-pelancong negeri luar, adakah cadangan menubuhkan suatu "one-stop authority" untuk memudahkan operasi-operasi hotel.

15-3-88.

39. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada polisi "Agensi Setempat" untuk mempercepat, memudah dan memperkemaskan sistem pelesenan kepada perusahaan perhotelan yang baru-baru ini diumumkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kiranya Kementerian menghadapi masalah apakah rancangan-rancangan untuk mengatasinya.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar yang akan dikemukakan pada 15hb yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar tentang masalah yang dihadapi oleh para pengusaha hotel di negara kita ini di dalam mendapatkan lesen dan juga permit untuk menjalankan operasi sesebuah hotel. Dan walaupun betul seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa 63 jenis lesen diperlukan tetapi perlu diberi keterangan sedikit supaya tidak disalah fahamkan oleh kita semua.

Sebenarnya 14 daripada lesen-lesen yang 63 diperlukan ini adalah lesen yang diperlukan sekali sahaja dan bukan khusus hanya untuk operasi hotel, misalnya perlu mendapat Temporary Certificate of Fitness, itu satu. Construction licence, itu pun perlu juga, termasuk lagi misalnya untuk kebenaran memasang electricity cable, telephone dan sebagainya. Bukan hanya untuk hotel ini sahaja

diperlukan tetapi juga untuk bangunan lain. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian masih berusaha untuk menyenangkan dan mengurangkan lagi beban kepada para pengusaha-pengusaha hotel ini. Maka itu Kementerian telah mendapat kerjasama daripada Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia ataupun MAMPU untuk membuat kajian bagi mengatasi masalah ini. Mengikut kajian MAMPU yang telah pun dikemukakan kepada Kementerian bahawa beberapa cadangan ataupun tindakan akan diambil sama ada dari jangka pendek dan dari jangka panjang.

Untuk tindakan jangka pendek kajian ini telah mencadangkan agar ditubuhkan "Pusat Serenti" perkhidmatan pelesenan perniagaan hotel. Dan sebagai tindakan jangka panjang kajian ini mencadangkan supaya diadakan satu lesen yang standard bagi pelesenan hotel-hotel di negara kita ini. Dan saya percaya setelah cadangan ini dikaji dan disetujui untuk dilaksanakan, segala masalah-masalah dapat dikurangkan bagi pengusaha-pengusaha hendak menjalankan perusahaan hotel di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir)

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL—LATIHAN

5. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan daripada Sekolah-sekolah vokasional di negeri itu tidak dilengkapi dengan alat-alat moden bagi membolehkan

pelatih-pelatih menghayati mata pelajaran yang dipilih dengan penuh minat; dan

- (b) apakah tindakan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi taraf Sekolah-sekolah Vokasional di negeri itu supaya dapat melahirkan pelatih-pelatih yang berkemahiran.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat 4 buah Sekolah vokasional di negeri Sabah dan sebuah lagi di Labuan dan Sekolah-sekolah Menengah Vokasional ini sepertimana juga di negeri-negeri lain dibekalkan dengan alat kelengkapan yang sesuai dengan kursus-kursus dan taraf latihan yang dijalankan. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil tindakan untuk menentukan supaya latihan di Sekolah-sekolah Menengah Vokasional berjalan dengan berkesan. Walaupun terdapat beberapa cadangan supaya diberi kelengkapan tambahan, kita tidak dapat memenuhi semua permintaan tersebut tetapi dapatlah dipertimbangkan dari masa ke semasa.

- (b) Kementerian juga berusaha untuk membekalkan guru-guru terlatih serta pentadbir sekolah yang berpengalaman. Sistem baru pendidikan vokasional untuk Sekolah-sekolah Menengah Vokasional telah juga dilaksanakan mulai tahun 1987. Dalam sistem baru pendidikan ini, kurikulumnya telah diperluas dan disesuaikan dengan perkembangan teknologi, keperluan industri dan pekerjaan semasa supaya dapat menyediakan pelajar-pelajar dalam lebih daripada satu bidang pekerjaan.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Yang pertama, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menambah bilangan Sekolah-sekolah Menengah Vokasional di negara ini, kalau ya, berapa jumlahnya?

Soalan yang kedua, adakah kurikulum di Sekolah-sekolah Menengah Vokasional turut terlibat dengan Kurikulum Bersepadu sepertimana yang dibuat untuk sekolah-sekolah menengah biasa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian memang bercadang untuk menambah jumlah Sekolah Menengah Vokasional walaupun tidak dapat saya pastikan sekarang jumlahnya.

Kedua, mengenai kurikulum baru vokasional itu sebenarnya memenuhi sebahagian dari falsafah dan pendekatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Tetapi oleh kerana jenis kursus di Sekolah Menengah Vokasional itu menuntut supaya kita memberi perhatian khusus dalam bidang-bidang seperti elektronik, elektrik, kimpalan dan fabrikasi logam, otomotif, bengkel mesin dan lain-lain, maka tidak dapatlah kita memberikan pendekatan kesepaduan pendidikan sepertimana yang dibuat dalam **KBSM** bagi sekolah-sekolah menengah lainnya.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah lain-lain cara untuk melatih orang-orang supaya mendapat kemahiran dalam bidang perindustrian selain daripada mengadakan vocational schools di seluruh negara kita? Saya ingin mendapat tahu juga daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau berpuas hati di atas keadaan vocational

schools sahaja untuk melatih orang-orang mahir di dalam bidang perindustrian kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang terdapat cara-cara yang lain kerana apa yang dikendalikan di sekolah-sekolah vokasional itu tidak mencukupi dan tidak mampu serta berupaya untuk memenuhi seluruh keperluan industri tempatan dan juga pusat-pusat yang memerlukan pelajar-pelajar yang mempunyai latihan yang hampir sama. Sebab itulah kegiatan ini turut dikendalikan oleh lain-lain Kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Buruh dan juga MARA untuk dapat menampung kekurangan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menyelaraskan pendidikan dan latihan vokasional ini yang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi pada masa ini dilaksanakan oleh berbagai-bagai Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan sendiri melalui Sekolah-sekolah Menengah Vokasional, Kementerian Buruh, Kementerian Belia dan Sukan, MARA dan lain-lain lagi kerana pada masa ini boleh dikatakan ada di antara pusat-pusat latihan itu menjalankan latihan-latihan dalam bidang yang sama dan bertindih antara satu dengan lain dan tanpa penyelarasan yang teliti maka pusat-pusat latihan dan pendidikan tersebut mengeluarkan pelatih-pelatih dengan tidak berasaskan kepada keperluan pasaran buruh atau tenaga kerja semasa. Jadi, apakah usaha Kerajaan untuk menentukan supaya pendidikan dan latihan vokasional yang dijalankan oleh berbagai Kementerian dan agensi ini mengeluarkan pekerja-pekerja

yang terlatih di dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh negara pada satu-satu masa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambut baik pandangan Ahli Yang Berhormat ini tetapi perulah saya jelaskan bahawa semua badan yang mengendalikan program latihan vokasional dan kemahiran telah dituntut supaya merubah suai kurikulum yang diperkenalkan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian. Sekiranya ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya maka soal pertindihan itu tidak akan berterusan. Walau bagaimanapun, saya akui bahawa pada peringkat ini beberapa langkah tambahan perlu diambil untuk mengurangkan masalah seperti mana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

RANCANGAN FELDA—JUMLAH PENEROKA

6. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) berapa ramaikah peneroka-peneroka yang tinggal di rancangan-rancangan FELDA sejak mula FELDA dibuka sehingga akhir tahun 1987?
- (ii) berapakah jumlah peneroka-peneroka yang telah diberi hakmilik-hakmilik tanah sehingga tahun 1987; dan
- (iii) berapakah jumlah peneroka-peneroka yang dijangka akan menerima hakmilik tanah pada tahun 1988.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) sehingga akhir tahun 1987 terdapat 106,510 peneroka telah ditempatkan di 290 rancangan FELDA.

- (ii) Sehingga akhir tahun 1987 terdapat 5,527 peneroka di 30 rancangan telah menerima hakmilik. Daripada jumlah ini, 4,768 peneroka adalah daripada rancangan getah manakala 759 peneroka lagi daripada rancangan sawit.

- (iii) Pada tahun 1988 dijangka 2,750 peneroka di 13 rancangan akan menerima hakmilik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan peneroka yang menerima tanah hakmilik begitu kecil kalau dibandingkan dengan jumlah peneroka yang sebenarnya, apakah cara-cara Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Adakah kerana lambat menyerah hakmilik ini disebabkan interest yang dikenakan kepada peneroka begitu lama? Adakah Kementerian bercadang untuk mencari satu jalan supaya peneroka-peneroka diberi hakmilik secepat mungkin?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pemberian hakmilik ini telah pun dikanunkan di dalam perjanjian di antara FELDA dengan peneroka waktu mereka ini mula-mula masuk di dalam tiap-tiap rancangan dan mengikut perjanjian di antara FELDA dengan peneroka mereka kena menyelesaikan bayaran kembali yang mengambil masa tidak kurang daripada 15 tahun. Jadi, selepas itu barulah hakmilik ini diuruskan kepada mereka yang berkenaan. Oleh kerana perkara-perkara ini telah pun dimeterikan di dalam perjanjian, jadi pada hemat Kerajaan tidak ada timbul apa-apa perkara dari sudut hendak memberikan hakmilik tersebut apabila sampai masanya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, berapakah jumlah daripada peneroka-peneroka yang telah memasuki rancangan ini

yang telah meninggalkan rancangan tersebut dan di samping itu apakah sebab-sebabnya?

Kedua, saya ingin bertanya juga, apakah syarat-syaratnya yang mereka ini akan dapat milik geran tanah diberi oleh pihak FELDA?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak berkait dengan soalan yang asal tetapi boleh dengan saya jelaskan sedikit.

Soal ada di antara peneroka-peneroka yang disingkirkan daripada rancangan-rancangan tanah FELDA adalah berbagai dan bergantung kepada tahap kesalahan dan juga keputusan yang dibuat di berbagai peringkat. Tetapi pada asasnya seseorang peneroka itu diambil tindakan untuk disingkir sekiranya telah melakukan kesalahan-kesalahan khususnya yang telah didapati salah oleh mahkamah.

Kedua, ada lagi kesilapan-kesilapan tatatertib yang dilakukan oleh peneroka-peneroka yang sukar untuk diterima bukan sahaja oleh pentadbiran FELDA, tetapi juga oleh peneroka-peneroka di tiap-tiap rancangan itu sendiri berdasarkan kepada perwakilan mereka yang ada di dalam tiap-tiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan. Itulah di antara sebab-sebab pokok.

Kalau diminta saya menyatakan angka, saya minta maaf, tak dapat saya hendak berikan ketika ini tetapi bilangan ini amat kecil. Daripada jumlah bilangan peneroka yang ada sekarang dianggarkan kira-kira 1% peneroka-peneroka yang diambil tindakan yang demikian.

Soal syarat hendak beri hakmilik, ini sebenarnya sudah ditentukan juga waktu mereka mula-mula masuk dahulu. Kita sekarang mempunyai 3

jenis sistem hakmilik. Semua peserta-peserta yang masuk di dalam rancangan FELDA diberi hakmilik individu di antara mula mereka masuk sehingga tahun 1974—itu sistem hakmilik individu dan daripada tahun 1974 sehingga 1985, itu kita beri hakmilik secara berkelompok dan semua peserta-peserta yang masuk selepas tahun 1985, ini diberi hakmilik dalam bentuk saham.

PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN—SOKONGAN MALAYSIA

7. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah bentuk bantuan dan sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin sejauh ini lebih-lebih lagi apabila tercetusnya peristiwa pembunuhan dan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan Gaza Strip yang bermula pada 9hb Disember 1987 lalu;
- (b) selain daripada bantuan moral dan kebendaan apakah lain-lain bentuk bantuan serta pertolongan yang akan diberikan kepada perjuangan rakyat Palestin; dan
- (c) adakah Kerajaan bersedia membuka peluang kepada rakyat Malaysia yang berhasrat untuk bersama-sama rakyat Palestin bagi membebaskan dan mendaulatkan tanahair mereka dari cengkaman dan kekejaman Israel.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, Malaysia sentiasa membantah dengan sekeras-kerasnya ke atas pembunuhan

dan kekejaman yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan Gaza. Malaysia telah mengeluarkan beberapa kenyataan mengutuk serangan ganas tentera Israel dalam mengawal rusuhan-rusuhan tersebut, termasuk kenyataan di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam membantu perjuangan rakyat Palestin, Malaysia baru-baru ini, iaitu pada 15hb Januari, 1988 telah melancarkan satu Tabung Rakyat Palestin yang bertujuan mengutip derma dari segenap lapisan masyarakat Malaysia sebagai salah satu tanda sokongan Malaysia terhadap perjuangan PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Setakat ini jumlah derma yang dipungut ialah \$251,783.04 dan usaha-usaha sedang dibuat untuk menyerahkan derma ini.

- (b) Segala sumbangan serta sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin amatlah disanjung tinggi oleh PLO. Bantuan moral dan sumbangan kewangan amat diperlukan buat pada masa ini. Selain daripada ini Malaysia tidak mempunyai lain-lain bentuk bantuan. Walau bagaimanapun, Malaysia tetap mengikuti segala perkembangan yang berlaku di Tebing Barat dan Gaza dan berasaskan kepada kemampuan kita, akan memberi penuh sokongan dan bantuan yang sewajarnya.
- (c) Masalah di Palestin adalah disadari dan dipandang berat oleh banyak negara dan mereka sedang berusaha mencari jalan

penyelesaian secara aman, dan Malaysia sentiasa menyokong penyelesaian secara ini. Sepertimana saya sebutkan sebentar tadi, sokongan serta bantuan kebendaan yang Malaysia telah berikan kepada rakyat Palestin sudah sebegitu besar. Kerajaan Malaysia pada masa ini tidak ada rancangan untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk bersama-sama rakyat Palestin bagi membebaskan tanahair mereka dari cengkaman dan kekejaman Israel kerana pihak PLO tidak memerlukan penyertaan di dalam bentuk sedemikian daripada rakyat Malaysia di dalam perjuangan mereka itu. Setakat ini adalah wajar Malaysia memberi penuh sokongan moral dan bantuan kebendaan yang amat diperlukan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, khabarnya pihak zionis Israel tidak membenarkan segala bentuk bantuan yang kini sedang dikumpul, khususnya oleh orang-orang Islam termasuk daripada pihak kita sendiri sebanyak 250,000 tadi dan juga orang-orang bukan Islam sampai ke tangan pihak Palestin. Jadi, apakah tindakan Malaysia dalam hal ini bagi memastikan bahawa bantuan yang dikumpulkan itu sampai ke tangan orang-orang Palestin?

Kedua, adakah pihak Kerajaan bersedia orang-orang Palestin yang dizalimi oleh Israel itu kini menjadi warganegara Malaysia atau kalau tidak mahu bersedia menerima menjadi warganegara, adakah pihak Kerajaan bersedia menerima mereka sekurang-kurangnya mendapatkan tempat tinggal sebagaimana yang pernah kita berikan kepada pelarian-pelarian Kambojia ataupun pelarian-pelarian di negara jiran yang ada ini?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, setakat ini walaupun pada dasarnya regim Israel tidak menyokong mana-mana negara lain memberi bantuan tetapi cara rasmi kita belum terima apa-apa kenyataan berkenaan perkara tersebut. Kita berkeyakinan bahawasanya pihak PLO berkeupayaan untuk menentukan segala sumbangan derma ataupun lain-lain sumbangan yang dibuat oleh mana-mana negara akan dapat disampaikan kepada mereka yang memerlukan, itu sebab mengapa pihak Kerajaan sudah mengaturkan agar segala sumbangan yang dapat kita pungutkan disalurkan kepada PLO yang mana pula akan menentukan setiap duit ataupun sumbangan yang diterima itu dapat sampai ke sasaran.

Bahagian kedua, pada peringkat ini soal untuk kita memberi taraf kewarganegaraan kepada orang-orang Palestin atau memberi tempat tinggal sementara tidak timbul sebab tidak ada setakat ini mana-mana permohonan yang sedemikian.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berkenaan dengan bentuk-bentuk bantuan yang telah diberi kepada rakyat Palestin oleh Kerajaan Malaysia, di samping kutipan-kutipan derma melalui penubuhan Tabung Rakyat Palestin ini. Saya juga ingin tahu adakah cadangan bahawa bantuan-bantuan ini diberi kepada orang-orang Palestin di wilayah Palestin sendiri ataupun juga di perkhemahan-perkhemahan pelarian yang terdapat di negara Lubnan dan sebagainya.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak ada permohonan daripada mana-mana pihak yang kita menerima untuk rakyat Palestin menetap di negara kita, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan

kita sendiri bercadang ataupun ada rancangan untuk memberi latihan kepada rakyat Palestin sama ada dari segi ketenteraan ataupun memberi latihan dari segi pentadbiran supaya pada satu masa kelak apabila Palestin mencapai kemerdekaan maka mereka ini dapat membantu mentadbirkan negara Palestin?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bentuk bantuan yang kita beri setakat ini ialah hanya setakat sumbangan kewangan dan belum lagi kita memutuskan untuk memberi lain-lain bantuan. Itu untuk soalan pertama.

Yang kedua, sumbangan itu bukan untuk perkemahan pendatang ataupun "refugee" Palestin tetapi lebih untuk diberikan tumpuan kepada dalam kawasan wilayah rakyat Palestin yang sedang menjadi masalah sekarang ini.

Yang ketiganya, Kerajaan Malaysia sedia menimbangkan untuk memberi apa-apa latihan yang perlu kalau sekiranya terdapat mana-mana rakyat Palestin yang memerlukan pertolongan daripada segi mendapatkan latihan tertentu dalam negara kita ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berbesar hati di atas tindakan Kerajaan secara berani untuk membantu rakyat Palestin ini, tetapi saya ingin mengetahui atas idealisme apa maka kita memberi bantuan kepada rakyat Palestin ini. Adakah kerana golongan ini ditekan ataupun golongan ini menjadi golongan pelarian. Kalau golongan ini ditekan dan menjadi pelarian, apakah pandangan Kerajaan kita, tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan kita di atas masyarakat yang sama hidupnya seperti di Afghanistan ataupun masyarakat yang sama tertekan di Nicaragua.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat idealisme tentang mengapa

Kerajaan menyokong perjuangan rakyat Palestin agak jelas, iaitu tak lain dan tak bukan ialah Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong kepada mana-mana mereka yang tertindas dan tertekan, lebih-lebih lagi oleh anasir-anasir luar yang mana sekarang ini kita semua tahu bahawasanya rakyat Palestin sedang ditaklukki oleh regim Tel Aviv dan mereka sedang dalam keadaan yang amat tertekan sekali dengan satu sikap yang lebih jauh dari paras peri kemanusiaan di mana Kerajaan Malaysia amat memandang berat tentang pentingnya mana-mana regim ataupun Kerajaan mengamalkan sikap peri kemanusiaan ke atas negara-negara lain.

Yang keduanya, kita juga menyokong tentang masalah di Afghanistan dan juga lain-lain tempat yang mana terdapat rakyat setempat tidak dapat memutuskan nasib mereka sendiri tetapi diambillalih, dipengaruhi oleh anasir-anasir luar di mana kita sebagai satu negara yang berkecuali, yang bebas ingin melihatkan mana-mana negara itu diberi kebebasan untuk menentukan bentuk Kerajaan dan cara hidup mereka sendiri dan tidak diganggu-gugat ataupun dikuasai oleh mana-mana pihak yang lain.

GRADUAN MENGANGGUR

8. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan graduan yang menganggur dalam negara setakat 29-2-1988. Apakah tindakan terakhir yang telah diambil untuk membantu graduan menganggur, sejauh mana tindakan ini berkesan dan apakah tindakbalas daripada sektor swasta.

23. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah siswazah yang menganggur sehingga 1987; dan

- (b) rancangan-rancangan terbaru untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama pertanyaan No. 23 hari ini oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gopeng.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan siswazah menganggur yang telah mendaftar nama di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan sehingga pada 29-2-1988 ialah seramai 19,633 orang. Sebuah Jawatankuasa Kabinet Khas dinamakan Jawatankuasa Kabinet Program Peluang Pekerjaan Siswazah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh beberapa orang Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen telah dibentuk bagi merancang dan menyelaraskan langkah-langkah untuk membantu siswazah-siswazah mendapat pekerjaan. Sebahagian daripada program-program yang dibuat adalah seperti berikut:

(a) *Skim Khidmat Sambilan*

Pada asalnya melibat 4,000 orang siswazah bermula pada Julai 1986. Melalui program-program yang lain bilangan ini telah dapat dikurangkan kepada 3,000 orang.

(b) *Skim Latihan Khas*

Melalui skim ini siswazah telah diberi bimbingan dalam jurusan perniagaan supaya mereka lebih berdikari. Bagi kumpulan pertama seramai 309 orang siswazah telah mengikuti latihan fasa satu. Sebahagian dari

mereka ini kini sedang menjalankan usaha-usaha secara perniagaan persendirian.

Bagi kumpulan kedua seramai 200 orang siswazah sedang mengikuti kursus percukaian. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Hasil Dalam Negeri dan institusi-institusi pengajian tinggi. Kursus ini bermula pada Januari 1988 dan akan berjalan selama 6 bulan.

(c) *Skim Penempatan di Sektor Swasta*

Melalui program ini sektor swasta telah diminta supaya turut membantu mengatasi masalah ini dengan mengadakan skim latihan atau pengambilan siswazah menganggur mengikuti latihan serta mendapat pengalaman di firma-firma tertentu. Jika mereka didapati sesuai dan ada kekosongan maka mereka bolehlah diserapkan ke jawatan-jawatan tetap di organisasi-organisasi yang tersebut. Setakat ini sebanyak 11 buah syarikat terlibat dengan program ini dan memberi tempat kepada seramai 895 orang siswazah.

(d) *Skim Siswazah Tani*

Melalui skim ini siswazah-siswazah diberi peluang menceburi bidang perniagaan secara komersial dan dengan harapan mereka akan dapat memodenkan sektor pertanian di samping dapat memberi pekerjaan kepada siswazah-siswazah itu sendiri. Skim ini dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan seramai 380 orang siswazah telah pun berdaftar dengan Kementerian tersebut untuk menyertainya.

Mengenai sejauh mana tindakan-tindakan itu mendatangkan kesan, ianya belumlah dapat ditentukan dengan sepenuhnya kerana ianya

masih di peringkat awal perlaksanaannya. Seterusnya Kerajaan sedang berusaha memperbaiki keadaan ekonomi negara supaya lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan terutamanya di sektor swasta yang mana akan memberi peluang juga kepada siswazah-siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, 19,000 lebih siswazah-siswazah yang tidak ada kerja atau menganggur, adakah disebabkan kerana siswazah ini dipilih kerja atau memang tidak ada kerja. Kerja itu tidak ada.

Kedua, apakah sebenarnya khidmat sambilan yang boleh siswazah-siswazah ini mencari makan dan perniagaan-perniagaan yang akan digalakkan kepada siswazah tadi, cara, bentuk dan rupa mana. Kerana banyak peniaga-peniaga besar hari ini telah jatuh dan merosot. Maka dengan cara manakah dapat disesuaikan untuk siswazah-siswazah ini hidup boleh mencari makan. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana disebutkan bilangan menganggur yang didaftarkan dengan pihak Kerajaan ialah seramai 19,000 orang. Seperti mana saya terangkan, 4,000 orang telah pun diambilalih untuk ditempatkan di Jabatan-jabatan Kerajaan bertujuan supaya mereka ini mendapat kesempatan untuk mendapatkan pengalaman-pengalaman tertentu. Dengan pengalaman-pengalaman ini kita berharap mereka akan dapat mencari tempat di bidang-bidang swasta ataupun dengan bekerja sendiri dan ini ternyata sepertimana yang disebutkan tadi, daripada 4,000 orang yang telah pun diambil oleh

Kerajaan pada peringkat mula dan dengan adanya program-program yang kita susunkan. Hari ini hampir 1,000 orang telah pun dapat meninggalkan tempat yang mereka disangkutkan pada awalnya dan mendapat pekerjaan yang baik. Insya Allah, program-program yang kita terus susunkan ini maka banyak lagi akan dapat meninggalkan jawatan-jawatan dengan Kerajaan dan membuat pekerjaan-pekerjaan di luar.

Berkaitan dengan pilih kerja ataupun tidak, ini tidak berbangkit dan sebagaimana kita termaklum bahawa perlimpahan ini berlaku semasa ekonomi negara agak lembab berikutan dengan ekonomi dunia, maka itulah sebabnya kita dapati bahawa bilangan yang banyak itu seolah-olah meluak pada suatu masa yang tertentu sahaja.

Berkenaan dengan latihan untuk menyertai dalam bidang perniagaan, disebutkan peniaga-peniaga besar pun jatuh. Sebagaimana termaklum, perniagaan umumnya, bergantung kepada keadaan-keadaan ekonomi. Semasa ekonomi baik maka perniagaan tentulah baik dan banyak daripada orang yang menyertai perniagaan-perniagaan, sungguhpun pengurusannya mungkin tidak baik tetapi dalam keadaan ekonomi yang baik maka mereka terus mendapat keuntungan. Apabila keadaan lembab sedikit, maka perniagaan-perniagaan ini tentulah merasai kesan daripada kelembapan ini. Walau bagaimanapun, persediaan kita untuk siswazah-siswazah menyertai dalam bidang perniagaan ini adalah tertumpu kepada perniagaan yang lebih realistik yang lebih kecil, sebab itulah ditumpukan kepada bidang-bidang dalam bidang pertanian contohnya, dan bidang-bidang yang ada kaitan dengan pertanian seperti perniagaan baja bagi siswazah-siswazah, dalam bidang kursus pertanian dan juga dalam bidang-bidang penanaman yang

dahulunya tidak dibuat secara komersial dan kita harap dengan adanya pengalaman dan juga ilmu yang dimiliki oleh mereka ini, maka mereka dapat menjalankan program-programnya dengan lebih teratur dan lebih realistik.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada pada dasarnya Kerajaan pun akan memberi peluang dan bantuan yang sama kepada penganggur-penganggur yang bukan siswazah.

Kedua, apakah kadar pertumbuhan ekonomi minima yang diperlukan oleh negara kita untuk mewujudkan pekerjaan dan mengekalkan tahap pengangguran yang ada sekarang.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Berkenaan dengan dasar Kerajaan untuk memberi peluang yang sama, saya ingat ini memang diberikan peruntukan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang termaklum bahawa tanggungjawab Kerajaan yang utama ialah kepada pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan kerana pada peringkat mula biasiswa diberikan, mereka yang mendapat biasiswa telah pun diminta supaya mengikat janji dengan Kerajaan supaya memberikan khidmat mereka kepada Kerajaan. Maka apabila sampai kepada peringkat dia mana kita tidak dapat menawarkan kerja kepada mereka yang telah mengikat janji dengan Kerajaan, maka menjadi tanggungjawab Kerajaan sekurang-kurangnya untuk mencari jalan membantu mereka yang telah pun mengikat janji dengan Kerajaan.

Berkenaan dengan kadar pertumbuhan yang diperlukan supaya segala perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat diselesaikan oleh Kerajaan, saya minta tempohlah, kena buat kajian yang agak mendalam sedikit.

KAWASAN INDUSTRI

9. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan kawasan-kawasan industri-industri ringan di negeri-negeri yang pada masa ini hanya bergantung kepada ekonomi pertanian seperti di Kedah, Perlis dan Kelantan. Jika ya, bilakah rancangan ini akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kawasan-kawasan industri di negeri-negeri untuk semua jenis industri termasuk industri ringan adalah menjadi tanggungjawab secara langsung Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri dari segi strategi dan dasar bagi pembinaan kawasan-kawasan perindustrian tersebut supaya ianya dapat menarik pelabur-pelabur untuk mendirikan kilang-kilang mereka.

Negeri-negeri yang pada masa ini bergantung kepada ekonomi pertanian seperti Kedah Darulaman, Perlis dan Kelantan juga mempunyai kawasan-kawasan perindustrian yang telah dibangunkan dan juga yang akan dibangunkan. Di Kedah Darulaman terdapat 5 kawasan perindustrian dengan mempunyai kawasan yang dirancang seluas 495.55 hektar dan 3 lagi yang dicadangkan iaitu di Baling, Tanjung Pauh dan Mergong Barrage Tambahan. Di negeri Perlis, terdapat 2 kawasan perindustrian dengan kawasan dirancang seluas 106.35 hektar dan satu lagi dicadangkan iaitu di Kuala Perlis, manakala di negeri Kelantan, terdapat 5 kawasan perindustrian yang dibangunkan dengan kawasan dirancang seluas

680.37 hektar dan 3 lagi dirancang iaitu di Kemubu, Jeli Tambahan dan Pengkalan Chepa II Tambahan. Kawasan-kawasan perindustrian ini meliputi semua jenis industri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan seberapa banyak pelabur-pelabur untuk melabur di negeri masing-masing, tetapi lazimnya kita semua tahu bahawa pelabur-pelabur lebih berminat mendirikan kilang-kilang di negeri-negeri yang berhampiran dengan ibukota seperti Kuala Lumpur ataupun negeri-negeri yang mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti pelabuhan dan sebagainya. Walaupun Kerajaan apabila meluluskan sesebuah lesen kepada pelabur-pelabur ada memberi kaedah-kaedah seperti pengecualian cukai yang lebih panjang ataupun location tax incentives, dengan izin, kepada mereka yang ingin melabur luar daripada kawasan-kawasan tertentu. Jadi, dalam hal ini apakah langkah yang boleh Kerajaan ambil untuk menentukan supaya negeri-negeri yang agak jauh daripada ibukota dan negeri-negeri yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti pelabuhan dan sebagainya seperti negeri Kelantan, Terengganu dan mungkin Kedah dan Perlis, untuk mendapat nikmat daripada pelabur-pelabur khasnya daripada mereka yang melabur daripada luar negeri.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kerajaan Pusat ialah keseluruhan negara kita termasuk negeri-negeri yang kurang ada kemudahan-kemudahan. Tetapi Yang Berhormat mesti ingat kemudahan-kemudahan berkehendakkan belanja

yang banyak dan mengikut Pelan Induk Perindustrian lebih baik Kerajaan Pusat mengenalpasti tempat-tempat yang sudah ada kemudahan. Tetapi saya di sini ingin menekankan bahawa pihak Kerajaan Pusat menggalakkan pelabur-pelabur di negeri-negeri yang lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa tanggungjawab kita ialah tanggungjawab semua. Jadi dari segi memajukan kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing telah dikenalpasti negeri-negeri tersebut tadi yang disebut oleh Timbalan Menteri. Soalan saya ialah apakah prioriti ini dikenalpasti benar-benar oleh pihak Kementerian kerana dari segi opportunity cost, dengan izin, kemungkinan pelaburan dibuat di bandar-bandar besar yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang banyak adalah lebih menguntungkan negara daripada kawasan-kawasan luar bandar seperti negeri-negeri tersebut. Jadi adakah dikenalpasti akan prioriti oleh pihak Kementerian dari segi pelaburan ini dan dari segi menggalakkan pelaburan di negeri-negeri tersebut?

Yang keduanya, setakat ini adakah pihak Kementerian bercadang hendak membangunkan kawasan Simunjan supaya dapat menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di kawasan saya? (*Ketawa*)

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan Yang Berhormat berkenaan, saya harapkan dia boleh berjumpa dengan saya, kita boleh berunding. (*Ketawa*)

Mengenai soalan yang pertama, di sini saya mengulangi mengikut Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan sudah mengenalpasti satu corridor iaitu Ming

Corridor, dengan izin, dan di sinilah Kerajaan Pusat harap menggalakkan lebih kemajuan.

KOD ETIKA PENYIARAN BAGI ARTIS-ARTIS DI RTM

10. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah selalu terdengar sebilangan artis-artis digam (banned) tanpa RTM memberi sebab-sebab. Adakah wujud suatu code of conduct yang menghendaki perlakuan yang diterima oleh RTM; jika wujud, sila bentangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa RTM tidak pernah mengambil tindakan gam-menggam mana-mana artis, (*Ketawa*) dan istilah ini adalah digunakan oleh akhbar-akhbar sahaja. Tetapi jikalau ada artis yang tidak berdisiplin ketika mengadakan latihan dan persembahan atau yang tidak mematuhi garis panduan etika dan tertib persembahan di Televisyen seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan, tentulah RTM terpaksa mengecualikan mereka dari pertunjukan-pertunjukan tertentu sehingga mereka benar-benar berdisiplin dan mematuhi garis panduan itu.

Kementerian Penerangan memang mempunyai kod etika penyiaran tertentu bagi artis-artis dan sekarang ini kami sedang mengemaskinikan supaya kod-kod itu merangkumi berbagai-bagai aspek etika seperti pakaian, cara penyampaian, perhiasan dan lain-lain, supaya sesuai dengan keperluan masa, aspirasi negara dan tuntutan orang ramai. Ini akan digunakan oleh semua stesyen termasuk TV3 apabila kerja mengemaskinikan kod itu siap kelak dan dipersetujui oleh Jawatankuasa

Penyelarasan Program-program Televisyen yang terdiri daripada beberapa orang Menteri Kabinet. Penguatkuasaan kod itu adalah penting untuk menjamin supaya rancangan Televisyen tidak membenarkan budaya dan pengaruh-pengaruh yang tidak diingini meresap masuk ke dalam negara kita.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau RTM tidak pernah menggam artis-artis, soalan saya adakah pernah RTM gam ahli-ahli politik dan kalau ada, bolehkah ahli-ahli politik yang digam oleh RTM ini menubuhkan stesyen RTM sendiri seperti TV4 dan lain-lain? *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak bersangkut. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan apakah maksud "gam" itu, dengan tidak membenarkan Ogy Ahmad Daud mengambil bahagian, oleh kerana saya membaca itu dalam akhbar. Apa salahnya mengenai dengan Ogy Ahmad Daud ini, sebab saya ini peminatnya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan menyambut baik tentang garis panduan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Walau bagaimanapun, kalau kita bandingkan dengan tayangan-tayangan daripada filem-filem luar yang kita import, kenapakah filem-filem ini dibenarkan, kalau kita lihat tingkah-laku, pakaian, pertunjukan itu kalau hendak bandingkan pula dengan artis dalam negeri. Ini timbulnya konflik dari segi pandangan masyarakat terhadap bagaimana RTM ini mengaturkan dasar penyiaran negara ini.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri pun tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dengan "gam" itu kerana kita tidak ada istilah "gam". Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa perkataan "gam" ini hanya merupakan satu istilah yang digembar-gemburkan oleh akhbar-akhbar. Sebenarnya saya sendiri pun nama apa tadi? *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Dia buat tidak tahu. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen selalu jumpa.

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana saya jelaskan tadi kita tidak ada istilah "gam", tetapi mungkin ada beberapa orang artis tidak dapat diambil untuk memberi sesuatu pertunjukan ataupun persembahan di televisyen, mungkin pada waktu-waktu yang tertentu watak-watak ataupun rancangan-rancangan yang sesuai bagi artis yang berkenaan tidak ada ataupun belum ada. Apabila ada watak-watak yang difikirkan sesuai bagi program penerbitan rancangan, maka pada waktu itu artis yang berkenaan, yang sesuai dengan rancangan itu akan dijemput bagi tujuan yang berkenaan.

Soalan yang akhir mengenai garis panduan, sebenarnya garis-panduan ini amat jelas dan ia telah pun disusun oleh pihak Kementerian dan garis panduan itu sedang dikemaskinikan lagi, dan di peringkat Kerajaan telah pun ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri dan dianggotai oleh beberapa Menteri yang lain di antaranya ialah, Yang Berhormat

Menteri Pendidikan, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sudah tentu apabila Jawatankuasa ini selesai menyelaraskan ataupun selesai menyusun dengan penuh rapi kod-kod yang berkenaan, maka masalah-masalah garis panduan yang sedikit sebanyak masih ada mengenai beberapa perkara yang belum memuaskan itu insya Allah dapat diselesaikan.

LAWATAN KE NEGERI- NEGERI OLEH KETUA- KETUA PERWAKILAN ASING

11. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa Kementerian Luar Negeri melengahkan permintaan-permintaan ketua-ketua perwakilan asing di negara kita yang hendak melawat negeri-negeri di Malaysia. Apakah rahsia dibalik tindakan yang diambil ini dan apakah untung ruginya bagi negara Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya kurang tepat, malah tidak benar kerana Kementerian Luar Negeri telah dan sentiasa menggalakkan Ketua-ketua Perwakilan Negara Asing untuk melakukan lawatan ke negeri-negeri dalam negara.

Kebiasaan sekarang ialah permohonan untuk melakukan lawatan ke negeri-negeri dilakukan bersama permohonan untuk Mengadap-kunjungan Hormat ke atas Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri.

Majlis Mengadap dan Kunjungan Hormat harus diaturkan bersesuaian dengan limpah perkenan dan persetujuan Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri.

Dengan itu pihak Kerajaan-kerajaan Negeri terpaksa menunggu pada satu tarikh yang sesuai untuk menerima lawatan Ketua-ketua Perwakilan Negara Asing supaya kedua-dua tujuan tercapai dengan baiknya. Di sini kadangkala sesuatu permohonan lawatan terpaksa ditangguhkan untuk mencari tarikh yang paling sesuai.

Sekiranya pihak Ketua-ketua Perwakilan Negara Asing ingin melakukan lawatan ke negeri-negeri tanpa diaturkan serentak dengan Majlis Mengadap/Kunjungan Hormat, maka semua permohonan dapat diuruskan dengan lebih cepat.

Selaras dengan dasar negara menggalakkan penambahan modal dan perdagangan maka Kementerian Luar Negeri mengalu-alukan semua Perwakilan untuk melawat ke negeri-negeri bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan-pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan No. 12 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA—PENCAPAIAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah peratus pencapaian sebenar dalam pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1987. Adakah peratus ini melampaui jangkaan bagi pertumbuhan ekonomi tahun berkenaan dan terangkan apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi pencapaian tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Keadaan ekonomi Malaysia pada masa kini adalah terus bertambah baik.

Perkembangan-perkembangan terakhir menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi negara sebenar pada tahun 1987 dijangka meningkat sebanyak 4.7 peratus.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih baik ini adalah didorong oleh prestasi sektor luar negeri yang terus bertambah kukuh. Permintaan luar negeri terhadap keluaran-keluaran sektor perkilangan negara khususnya keluaran elektronik, tekstil dan keluaran berasaskan kayu serta getah terus meningkat. Di samping itu, pengeluaran sektor pertanian juga telah meningkat dengan pesat hasil daripada pemulihan harga barangan utama khususnya harga getah dan kayu balak. Minat untuk melabur di Malaysia terutama di kalangan pelabur-pelabur asing juga telah mula pulih, hasil daripada galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing. Selaras dengan prestasi sektor utama ekonomi yang semakin menggalakkan sektor perkhidmatan juga terus bertambah baik.

Prestasi ekonomi yang menggalakkan dalam tahun 1987 merupakan hasil usaha-usaha penyesuaian dasar ekonomi yang dijalankan oleh Kerajaan. Langkah-langkah penyesuaian dasar ekonomi seperti pelonggaran syarat-syarat pemilikan ekuiti pelaburan asing dan peraturan-peraturan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) serta lain-lain insentif dan langkah-langkah yang bertujuan bagi memperkemaskini-kan kenerah pentadbiran telah pun dimaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia pada sidang-sidang yang lalu baik melalui jawapan-jawapan dan juga Laporan-Ekonomi 1987/88.

Jika keadaan ekonomi dunia terus berkembang dengan baik, prestasi pertumbuhan ekonomi kita dalam tahun 1988 juga dijangka terus menggalakkan.

PELAN INDUK TEMPAT PERANGINAN

12. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan memberitahu adakah termasuk dalam pelan induk Kementerian mengenai tempat-tempat peranginan yang jauh dari Kuala Lumpur seperti air terjun, kolam air panas dan lain-lainnya di kampung-kampung kecil dan bagaimana pula rancangan-rancangan Kementerian mengenai tempat-tempat demikian yang jauh dari bandar-bandar besar bagi meninggikan taraf hidup orang kampung.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Malaysia sebenarnya mempunyai banyak tempat-tempat yang berpotensi dari segi keindahan alam semula jadinya untuk dijadikan tarikan kepada para pelancong. Kebanyakan kawasan-kawasan ini adalah terletak jauh daripada Kuala Lumpur. Kementerian buat masa ini memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan tertentu terlebih dahulu di dalam pembangunan kawasan-kawasan pelancongan dan taraf keutamaan ini adalah ditentukan berdasarkan kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

- (i) sama ada satu-satu kawasan itu telah mempunyai kemudahan jalan masuk yang mudah dan kos pengangkutan yang murah;
- (ii) sama ada kawasan-kawasan berkenaan mempunyai infrastruktur dan kemudahan yang lengkap untuk para pelancong seperti letrik, air dan kemudahan tempat penginapan; dan
- (iii) sama ada kos pembangunannya murah, dan menguntungkan dari segi pasaran pelancongan.

Faktor-faktor yang dinyatakan di atas perlulah dipertimbangkan oleh Kementerian dengan mendalam, terutama apabila satu-satu kawasan itu hendak dimajukan sebagai kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa, supaya para pengusaha pelancong akan memperolehi keuntungan dan imej kawasan pelancongan berkenaan tidak terjejas terutama kepada para pelancong antarabangsa.

Walau bagaimanapun adalah menjadi hasrat dan rancangan Kementerian ini untuk membangunkan kawasan-kawasan tarikan pelancong yang terletak jauh dari kawasan Kuala Lumpur bukan sahaja bertujuan menarik para pelancong mengunjungi tetapi juga memberi peluang kepada penduduk kawasan-kawasan berkenaan mendapat faedah dari industri pelancongan.

rukun tetangga—JUMLAH KAWASAN

13. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapakah jumlah kawasan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan di Sabah. Sejauh manakah Jabatan Perpaduan Negara berjaya menanamkan semangat kejiranan di kalangan masyarakat majmuk di negara ini dan apakah pula langkah-langkah yang akan diambil oleh JPN supaya aktiviti-aktivitinya mendapat sambutan yang memuaskan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Setakat ini sebanyak 14 kawasan rukun tetangga (Kategori I) telah ditubuhkan di negeri Sabah iaitu 12 di Kota Kinabalu dan 2 di Tawau.

Diukur daripada sambutan-sambutan ahli-ahli sektor rukun tetangga adalah dirasai program ini berjaya meningkatkan semangat kejiranan. Banyak aktiviti diadakan yang merapatkan perhubungan jiran setempat.

Bagi memastikan agar aktiviti-aktiviti kejiranan yang dijalankan mendapat sambutan dan lebih berkesan, Jabatan Perpaduan Negara telah menganjurkan beberapa kursus, seminar dan ceramah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dengan tujuan untuk membimbing dan memberi panduan kepada mereka dalam mengelolakan aktiviti-aktiviti kejiranan. Untuk menentukan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan mendapat sambutan dan penyertaan daripada pemastautin, ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga telah dinasihatkan menjalankan tinjauan terlebih dahulu bagi mengetahui profil kawasan serta mengenalpasti kegemaran pemastautin-pemastautin supaya aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan kehendak dan selera masyarakat tempatan.

Di samping itu, pihak Jabatan Perpaduan Negara juga kini sedang mengambil langkah membentuk garis panduan bagi aktiviti-aktiviti kejiranan yang boleh dikelolakan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga supaya aktiviti-aktiviti tersebut bukan sahaja mendapat sambutan dan penyertaan daripada masyarakat Rukun Tetangga, bahkan akan dapat mencapai matlamat pemupukan semangat kejiranan dan perpaduan dengan lebih berkesan. Unsur-unsur yang menguatkan perpaduan perlu diterangkan dan digunakan untuk membinakan perpaduan yang jitu.

PELANGGAN TELEFON

14. Tuan Hu Sepang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah pelanggan-pelanggan telefon yang telefon mereka telah ditamatkan perkhidmatan semenjak perkhidmatan telefon diswastakan dan diberi kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) dan apakah jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan

tempoh sebelum penswastaan, jika ya, mengapa dan jika jumlah itu adalah kurang, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelanggan telefon yang ditamatkan perkhidmatannya pada tahun 1987 adalah 121,513 berbanding dengan 101,091 pada tahun 1986, 67,093 pada tahun 1985 dan 43,645 pada tahun 1984. Peratus pemotongan daripada jumlah pelanggan adalah 10.7% pada tahun 1986, 6.9% pada tahun 1985 dan 5.1% pada tahun 1984. Adalah diakui bahawa dari segi bilangan mutlak, pemotongan perkhidmatan telefon telah bertambah tahun demi tahun sejak 1984. Ini bermakna trend pemotongan perkhidmatan telefon tidaklah unik pada tahun 1987 sahaja apabila Jabatan Telekom diswastakan sebagai Syarikat Telekom Malaysia, mengambilalih perkhidmatan telefon. Pada pendapat saya, pertambahan pemotongan sejak 4 tahun yang lalu adalah seiras dengan keadaan ekonomi negara pada masa tersebut. Bahkan penggunaan telefon adalah satu daripada petunjuk sosio-ekonomi yang menggambarkan keadaan ekonomi sesebuah negara.

Pandangan ini dapat diperkuatkan lagi dengan maklumat mengenai bilangan pemasangan telefon yang berkurangan antara 1985-1984 dan permohonan yang berkurangan dari sejak 1984 hingga 1987.

Walaupun begitu, adalah perlu ditekankan di sini bahawa Syarikat Telekom Malaysia Berhad menanggung bayaran tunggakan terkumpul yang besar berjumlah \$190,331,533 pada tahun 1987. Ini adalah kerana pelanggan tidak membayar bil-bil telefon mereka. Langkah memotong adalah satu tindakan yang terakhir yang diambil

oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia. Tujuannya ialah untuk tidak menanggung beban hutang terkumpul yang lebih daripada yang sewajarnya.

DIVIDEN AMANAH SAHAM NASIONAL

15. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapakah dividen ASN (Amanah Saham Nasional) dikurangkan daripada 10% tidak seperti yang dijanjikan semasa pelancarannya dahulu (Tidak kurang 10%);
- (b) berapakah jumlah wang pelaburan ASN yang telah diselewengkan dan adakah penyelewengan ini hanya daripada Jabatan Pos sahaja; dan
- (c) adakah tindakan telah diambil kepada mereka yang telah menyelewengkan wang pelaburan ASN ini.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Skim ASN (termasuk Dividen dan Bonus) sejak ASN dilancarkan pada 1981 sehingga tahun kewangan berakhir 31hb Disember 1987, telah memberi pulangan kepada pelabur tidak kurang daripada 10%, di mana kadar pulangan pada tahun 1987 ialah 13% (9% dividen dan 4% bonus). Sememangnya benar pada tahun 1987 dividen yang dikeluarkan adalah kurang daripada 10%. Bayaran dividen kurang dari 10% ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kemelesetan

ekonomi yang berterusan telah menjejaskan prestasi sektor korporat dan Skim ASN tidak lagi mendapat dividen yang tinggi dari syarikat-syarikat yang dilaburkan. Walau bagaimanapun pelaburan dalam ASN masih lagi menguntungkan oleh kerana pembayaran dividen oleh Skim ASN kepada pemegang-pemegang sahamnya adalah lebih tinggi daripada pulangan yang diterima melalui bank-bank/syarikat kewangan yang lain. Juga, Skim ASN masih terus membayar bonus walaupun semasa Skim ASN dilancarkan pada tahun 1981 bonus tidak ditetapkan bayaran setiap tahun sebaliknya pembayaran bonus adalah dikira "dari masa ke semasa". Namun sejak Skim ASN dilancarkan, pembayaran bonus dibuat setiap tahun dan jumlahnya kini ialah pada kadar purata 6.7% setahun. Dengan itu pulangan ke atas pelaburan dalam Skim ASN masih melebihi 10% jika diambil kira bayaran dividen dan bonus sekali.

- (b) Sehingga 31hb Januari 1988 sebanyak 3,176 kes penyelewengan pelaburan Skim ASN melibatkan nilai \$984,590.25 telah dikesan. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,163 kes bernilai \$937,869.25 melibatkan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos.
- (c) Sehingga 31hb Januari 1988, sebanyak \$365,373 (37%) daripada jumlah wang yang terlibat telah diperolehi semula dan tindakan undang-undang telah pun diambil ke atas mereka yang didapati bersalah. Penyiasatan yang terperinci dijalankan ke atas semua kes penyelewengan yang disyaki berlaku.

BARANG KEPERLUAN NAIK SEMASA HARI PERAYAAN

16. Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setiap kali ada perayaan sama ada Hari Raya Cina, Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya harga barang-barang akan naik melambung tinggi terutama barang-barang keperluan untuk menghadapi hari raya itu oleh itu tidakkah ada usaha dari Kementerian untuk menguatkuasakan serta memastikan bahawa barang-barang ini kekal dengan harga lamanya.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya sedar bahawa harga kebanyakan barang-barang keperluan naik dari masa ke semasa di setengah-tengah tempat terutamanya di hari-hari perayaan, atau ketika berlakunya sesuatu yang di luar dugaan.

Walaupun bagaimanapun, ianya tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan dan pengawasan. Kementerian telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu dan memastikan harganya sentiasa berada di paras yang munasabah dan berpatutan. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak tanah, diesel, gas pemasak, simen dan bar bulat, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu.

Bagi Barang-barang keperluan lain pula, Kerajaan tidak menetapkan harganya. Harga barang-barang ini didapati turun naik dipengaruhi oleh kedudukan bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim. Kos pengimportan juga menjadi satu faktor atas kenaikan harga barang-barang ini. Sungguhpun barang-barang

ini tidak ditetapkan harganya oleh Kerajaan, barang-barang itu wajib diletakkan tandaharga seperti yang dikehendaki di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjualruncit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang-barang perlu diletakkan tandaharga. Di samping itu sebanyak 25 jenis barang diisytiharkan sebagai barang kawalan dalam musim perayaan sebagai tambahan kepada 20 jenis barang kawalan sepanjang masa. Tujuan pengisytiharan tersebut ialah untuk memastikan bekalan barang-barang itu mudah didapati di pasaran dan mencegah sebarang penyorokan atau penyelewengan bekalan barang-barang itu. Dengan adanya bekalan yang mencukupi di pasaran secara tidak langsung harganya akan dapat distabilkan.

Kementerian sentiasa menjalankan penyiataan dan pengawasan bagi memastikan supaya bekalan barang-barang perlu mencukupi dan harga barang-barang yang telah dipamirkan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjualruncit) 1977 dipatuhi dengan sepenuhnya dan sebarang keingkaran atau penyelewengan akan diambil tindakan tegas. Di samping itu, Kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-barang Perlu, sentiasa mengkaji dan mengawasi bekalan dan harga barang-barang perlu, terutama menjelang musim-musim perayaan, seperti Hari Raya, Tahun Baru China dan lain-lain.

Dengan adanya tindakan terus-menerus sepanjang masa ini, bekalan dan harga barang-barang keperluan didapati stabil dan berada di paras yang berpatutan. Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang, terutama di musim-musim perayaan. Pengguna-pengguna juga mestilah memainkan peranan yang

sama dengan berjimat cermat dan membeli barang-barang yang perlu sahaja tanpa sebarang pembaziran. Cara ini adalah sebaik-baik jalan untuk mengurangkan kesan inflasi dan kemelesetan ekonomi sekarang ini.

TARAF WARGANEGARA

17. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada seseorang yang telah lahir di luar Malaysia tetapi telah menetap di Sabah sebelum Hari Malaysia dan ibubapanya adalah pemegang Kad Pengenalan Biru dan Pasport Malaysia berhak mendapatkan kerakyatan Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan kurang jelas kerana beberapa maklumat penting tidak dikemukakan. Oleh itu saya tidak dapat menyatakan sama ada seseorang itu berhak atau hanya layak untuk mendapatkan taraf warganegara.

Walau bagaimanapun, mereka yang terlibat boleh mendapatkan penjelasan yang lanjut di mana-mana Pejabat Pendaftaran yang berhampiran.

KOPERASI MENGAMBIL DEPOSIT—JUMLAH

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah syarikat-syarikat koperatif yang mengambil deposit dan sama ada mana-mana syarikat koperatif itu terlibat dalam masalah kewangan seperti telah dilihat oleh 24 syarikat-syarikat koperasi yang mengambil deposit.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Bilangan koperasi yang didapati menerima deposit dari ahli-ahli dan

bukan ahli ialah sebanyak 42 buah, iaitu 38 di Semenanjung Malaysia, 3 di Sabah dan 1 di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pembangunan Koperasi mengikuti dengan teliti kedudukan koperasi-koperasi selain daripada 23 Koperasi Pengambilan Deposit yang diletak di bawah Bank Negara Malaysia di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986. Jika didapati ada di antara koperasi-koperasi berkenaan menghadapi masalah (umpamanya tidak dapat memenuhi pengeluaran deposit oleh pendeposit-pendepositnya), maka langkah sewajarnya akan diambil ke atas koperasi tersebut bagi melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit.

PUSAT PEMULIHAN DADAH— KEKURANGAN COUNSELLOR

19. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak kekurangan "Counsellor" dinyatakan sebagai salah satu penghalang utama dalam usaha untuk melahirkan pelatih-pelatih dari kebanyakan pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah di seluruh negara. Mengapakah demikian. Berapakah pelatih-pelatih yang dilaporkan menjadi penagih dadah semula setelah dikeluarkan dari pusat-pusat tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah tidak benar kekurangan "Counsellor" menjadi satu penghalang untuk mengeluarkan pelatih-pelatih dari pusat-pusat Pemulihan Dadah.

Tempoh tahanan pelatih-pelatih di Pusat-pusat Pemulihan Dadah adalah mengikut undang-undang yang menetapkan dua tahun maksima atau selepas setahun jika mereka didapati

pulih dan dibebaskan dari dadah. Namun demikian bilangan perundingcara adalah berkurangan khususnya di peringkat negeri-negeri dan daerah-daerah di mana pelatih-pelatih yang keluar dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah menjalani program jagaan lanjutan.

Bilangan bekas pelatih-pelatih Pusat-pusat Pemulihan Dadah telah menjadi penagih semula pada masa menjalani jagaan lanjutan dua tahun ialah 367 orang daripada 929 orang dalam tahun 1983 yang merupakan 39.5%, 438 orang daripada 1,037 orang dalam tahun 1984 yang merupakan 42.2%, 286 orang daripada 722 orang dalam tahun 1985 yang merupakan 39.6%, dan seramai 210 orang daripada 580 orang dalam tahun 1986 yang merupakan 36.2%.

Pemulihan dadah merupakan satu perkhidmatan yang menelan banyak belanja. Sungguhpun begitu Kerajaan terus berusaha untuk menambahkan lagi pegawai-pegawai di samping menggalakkan tenaga sukarelawan daripada masyarakat umum. Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Dadah dan PEMADAM yang dianggotai oleh ahli-ahli daripada semua lapisan rakyat menunjukkan kesan yang baik dalam membantu Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah bagi menambahkan lagi kejayaan dalam rawatan dan pemulihan dadah.

GURU BESAR DAN PENOLONG KANAN—KENAIKAN PANGKAT

20. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan guru-guru yang dinaikkan Pangkat Guru Besar dan Penolong Kanan bagi Sekolah Rendah Kebangsaan seluruh Malaysia baru-baru ini serta memberi penjelasan berikut:

- (i) syarat-syarat kenaikan pangkat; dan

- (ii) sedarkah terdapat perasaan kurang senang hati di setengah kalangan guru yang sepatutnya dinaikkan pangkat (sudah lama disahkan dalam jawatan) tetapi ada yang belum disahkan jawatan diberi peluang, seperti berlaku di Kelantan mengikut dakwaan setengah pihak.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengisian jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Guru Besar, Penolong Kanan I, Penolong Kanan II, Penolong Kanan Ko-Kurikulum dan Penyelia Petang di Sekolah-sekolah Rendah telah selesai dilaksanakan. Dalam urusan ini jumlah guru yang telah diluluskan pemangkuannya dengan tujuan naik pangkat adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Jumlah</i>
1.	PPP Kategori C2 T/Tertinggi ..	594
2.	PPP Kategori C2 T/Khas	1,693
3.	PPP Kategori C2 T/Biasa "A" ..	4,854
	Jumlah	7,141

Berhubung dengan urusan kenaikan pangkat yang dijalankan, seseorang pegawai itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

Soal perasaan kurang senang hati di setengah-setengah kalangan berhubung dengan kenaikan pangkat pegawai yang belum disahkan jawatannya tidak berbangkit oleh kerana urusan kenaikan pangkat yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Perintah Am Bab "A" dan lain-lain pekililing yang berkaitan yang memerlukan antaranya pengesahan dalam jawatan.

Suka juga saya menjelaskan di sini bahawa kenaikan pangkat guru-guru yang berkenaan diuruskan oleh satu Lembaga Kenaikan Pangkat yang bebas dan yang telah membuat

pertimbangan secara saksama. Selain daripada syarat-syarat yang biasa, Lembaga itu telah juga memberi pertimbangan kepada prestasi dan profesionalisma guru-guru berkenaan.

SEKOLAH KEBANGSAAN DURIAN BURUNG KUALA TERENGGANU—PEMBINAAN

21. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan hendak melaksanakan pembinaan Sekolah Kebangsaan Durian Burong Kuala Terengganu. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk sekolah tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek baru untuk pembinaan 18 buah bilik darjah dan lain-lain kemudahan Sekolah Kebangsaan Durian Burong, Kuala Terengganu akan dimulakan pada tahun ini (1988). Buat masa ini pihak Jabatan Kerja Raya sedang melaksanakan kerja penyiasatan tanah dan pelan tapak. Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$933,000.00.

LEBUHRAYA SANDAKAN—LAHAT DATU—PEMBINAAN

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerja Raya menyatakan kemajuan yang dicapai berkait dengan pembinaan lebuh raya Kota-Sandakan-Lahat Datu setakat ini serta pembinaan jambatan-jambatan di Kinabatangan dan Segama; bilakah projek-projek ini dijangka siap agar memurahkan perjalanan dan pengangkutan.

Tuan Luhut Wan: Projek-projek pembinaan Jalan Raya Sandakan Lahat Datu, Jambatan Kinabatangan

dan Jambatan Segama sedang dilaksanakan. Kemajuan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Jalan Raya Sandakan-Lahat Datu kemajuannya 23% dan dijangka siap pada 2-1-1989;
- (b) Jambatan Kinabatangan kemajuan 45% dan dijangka siap pada 10-2-1989; dan
- (c) Jambatan Segama kemajuannya 41% dan dijangka siap pada 10-12-1988.

(Soalan No. 23. Sila lihat soalan jawapan No. 8).

TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

24. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri:

- (a) digari;
- (b) ditutup kedua-kedua belah mata;
- (c) dipandu berpusing-pusing dengan van polis Black Maria sebelum dibenarkan berjumpa oleh saudara-mara tahanan;
- (d) tinggal bersendirian (solitary confinement) dan jauh dari cahaya; dan
- (e) tertakluk kepada tidak berperikemanusiaan dan "psychological torture" dalam masa 60 hari tempoh penahanan sebelum dakwaan dibuat terhadap setiap tahanan bila tidak seorang pun dari mereka melakukan kesalahan, politik dan sebagainya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri dikenakan

gari untuk tujuan keselamatan, dipakaikan cermin mata berwarna gelap dan dipandu mengikut jalan-jalan tertentu adalah bertujuan merahsiakan lokasi Tempat Tahanan Polis. Orang-orang tahanan pula ditempatkan seorang sebilik adalah bertujuan untuk mengasingkan mereka dengan orang-orang tahanan yang lain. Keadaan cahaya lampu di tempat tahanan adalah baik dan tempat tahanan tersebut ditadbir mengikut garis panduan undang-undang Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Orang Tahanan), 1960.

Adalah tidak benar pihak berkuasa telah melakukan "psychological torture" kepada orang-orang tahanan dan tindakan Kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah semata-mata berdasarkan kegiatan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara.

AKHBAR SIN CHEW JIT POH, STAR DAN WATAN—RAYUAN DIBERI BALIK PERMIT

25. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kementeriannya telah menerima rayuan-rayuan daripada akhbar STAR, Sin Chew Jit Poh dan Watan untuk mengeluarkan semula permit penerbitan mereka;
- (ii) sebab-sebab mengapa Kementeriannya menolak rayuan 3 akhbar itu;
- (iii) adakah mana-mana 3 akhbar tersebut merayu semula selepas rayuan awal mereka ditolak oleh Kementeriannya; dan
- (iv) sama ada Kementerian pada akhirnya akan membenarkan 3 akhbar tersebut diterbitkan semula, jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Oleh kerana soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat itu merupakan satu soalan yang berhubung kait, saya akan menjawab soalan-soalan itu dengan pendekatan yang merangkumi rangkaian-rangkaian soalan itu.

Kementerian Dalam Negeri ada menerima rayuan-rayuan daripada akhbar-akhbar Sin Chew Jit Poh, Star dan Watan supaya diberi balik permit-permit mereka. Disebaliknya, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan sekarang tidak mengandungi apa-apa peruntukan bagi rayuan permit penerbitan.

Seperti diketahui umum, ketiga-tiga suratkhbar tersebut dibatalkan permit penerbitan pada 28hb Oktober, 1987 kerana menyiarkan berita yang memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, akhbar-akhbar tersebut boleh memohon permit penerbitan baru. Kementerian Dalam Negeri sedia mempertimbangkan permohonan permit penerbitan mana-mana pihak, dan sama ada sesuatu akhbar dibenar penerbitannya adalah terpulang kepada merit-merit sesuatu kes.

KECEKAPAN STAF KERAJAAN

26. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah satu kajian telah dijalankan untuk mengetahui kecekapan kakitangan Kerajaan di dalam peringkat C dan D. Berapakah “% utilization” untuk “productive work” oleh setiap golongan pekerja di peringkat C dan D dan berapakah masa yang digunakan oleh mereka di atas urusan Kerajaan; dan

- (b) adakah benar sebahagian besar masa urusan pekerja-pekerja di golongan kategori B dan A digunakan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan lawaian-lawatan di luar negeri. Berapakah masa yang dibuang oleh setiap golongan tersebut untuk menghadiri mesyuarat dan lawatan luar negeri dalam setahun.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) setakat ini belum ada kajian dijalankan untuk mengetahui tahap kecekapan staf Kerajaan di dalam kumpulan-kumpulan C dan D. Walau bagaimanapun, dengan pelancaran Program Pengukuran Produktiviti pada bulan September, 1986, tiap-tiap agensi Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki mengukur produktiviti tiap-tiap pegawai dan staf di bawahnya.

Di bawah program ini, tiap-tiap staf dikehendaki mengisi borang-borang tertentu setiap hari di mana dicatatkan masa yang digunakan untuk menjalankan:

- (i) tugas-tugas produktif, iaitu tugas-tugas yang menyumbang terus kepada pencapaian objektif organisasi;
- (ii) lain-lain tugas rasmi; dan
- (iii) kerja-kerja persendirian

Berasaskan maklumat dalam borang-borang ini, peratus masa yang digunakan oleh seseorang staf untuk menjalankan tugas-tugas produktif dapat ditentukan. Penyelia-penyelia di tiap-tiap peringkat dikehendaki mengesan peratus masa yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas produktif oleh setiap staf.

Kajian awal terhadap pelaksanaan program ini di beberapa agensi Kerajaan Persekutuan menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada masa bekerja staf digunakan untuk menjalankan tugas-tugas produktif. Peratus ini didapati meningkat lagi dengan peningkatan dalam kesedaran staf mengenai kepentingan produktiviti.

- (b) Adalah tidak benar bahawa sebahagian besar daripada masa pegawai-pegawai dalam kumpulan-kumpulan A dan B digunakan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan lawatan-lawatan ke luar negeri. Namun demikian, apabila mereka perlu mengambil bahagian di dalam tugas-tugas itu, ianya adalah bagi tujuan yang berfaedah. Mesyuarat-mesyuarat adalah perlu bagi penyelarasan aktiviti-aktiviti di antara agensi-agensi Kerajaan supaya tidak ada penduaan dan pembaziran. Lawatan-lawatan ke luar negeri adalah diluluskan berasaskan kepada faedahnya kepada negara, sama ada dalam bidang perdagangan, perindustrian, ekonomi atau keselamatan.

Peratus masa yang digunakan bagi menghadiri mesyuarat atau membuat lawatan boleh didapati dari borang penggunaan masa telah diisikan oleh semua pegawai. Analisa secara keseluruhannya menunjukkan kebanyakan masa bekerja pegawai-pegawai di kumpulan-kumpulan A dan B adalah digunakan bagi menjalankan tugas-tugas produktif, iaitu berkaitan secara langsung dengan objektif agensi.

TAHANAN ISA DIHADAPKAN KE MAHKAMAH

27. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menghadkan semua tahanan ISA yang telah ditahan sejak bulan Oktober/November tahun lalu dalam Mahkamah supaya dibicarakan secara terbuka; jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini Kerajaan tidak bercadang menghadapkan tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ke Mahkamah. Sekiranya mereka hendak dibicarakan di mahkamah maka mereka tidak perlu dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh membuat representasi kepada Lembaga Penasihat mengenai kesnya. Di samping itu Lembaga Penasihat juga akan mengkaji semula setiap kes tidak lewat dari setiap 6 bulan.

ANCAMAN MUSUH NEGARA— LANGKAH KESELAMATAN

28. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan negara dari ancaman-ancaman musuh-musuh dari dalam dan luar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil berbagai-bagai langkah untuk menjaga keselamatan negara dari ancaman musuh-musuh negara. Langkah-langkah tersebut bercorak pencegahan dan hukuman yang meliputi langkah-langkah dalam segi perisikan, pertahanan, ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.

JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN

29. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha Kementerianannya memberi bantuan sementara kepada doktor-doktor baru yang sudah menunaikan "Housemanship" mendapat jawatan di sektor awam dan di sektor swasta, berikutan pengumuman Timbalan Menteri Kesihatan usaha menubuh 400 jawatan baru tergendala. Adakah rancangan Kementerianannya mengurangkan pengambilan mahasiswa-siswi di Fakulti-fakulti Perubatan di Universiti-universiti tempatan daripada tahun 1988/1989.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha untuk mendapatkan jawatan baru adalah usaha-usaha biasa yang berterusan dilakukan oleh Kementerian dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun mengkaji keperluan dan persetujuan secara dasar untuk menambahkan jawatan Pegawai Perubatan telah pun diperolehi berdasarkan keperluan perkhidmatan dan beban tugas. Oleh itu soal bantuan tidaklah timbul lagi.

Pengambilan mahasiswa-mahasiswa di Fakulti-fakulti Perubatan haruslah dilihat dari sudut menyediakan kemudahan pendidikan dan perubatan kepada rakyat di negara ini. Pada pandangan Kementerian Kesihatan rancangan untuk terus melatih siswa-siswi di Fakulti Perubatan wajar diteruskan menurut kemampuan Fakulti-fakulti Perubatan di Universiti-universiti yang berkenaan.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

30. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan orang-orang yang

sekarang ini masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan memberi nama-nama mereka, tarikh ditahan dan sebab-sebab mereka ditahan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Pada masa ini bilangan orang-orang yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ialah seramai 86 orang. Seramai 81 orang daripada ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Kemunting, Taiping dan 5 orang di Pusat Tahanan Polis Mukim Batu, Kuala Lumpur. Mereka ditahan kerana menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

MAKTAB PERGURUAN DI SABAH

31. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan bercadang hendak menubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat latihan perguruan di Sabah, untuk menampung masalah kekurangan guru terlatih di negeri itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran guru-guru oleh keempat-empat maktab perguruan di Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah dijangka mencukupi untuk menampung keperluan. Oleh itu Kerajaan belum ada rancangan untuk menubuhkan maktab perguruan yang baru.

TAHANAN ISA

32. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang yang ditangkap di bawah ISA sejak 27-10-1987 hingga 31-1-1988 dan sebutkan nama mereka yang masih di tahan baik pun di Kem Tahanan Kemunting atau di lain-lain tempat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan orang yang ditangkap dan ditahan bagi tujuan siasatan di bawah Seksyen 73 (1) AKDN, 1960 sejak 27-10-87 hingga 31-1-1988 ialah seramai 119 orang. Dari jumlah ini bilangan yang dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 8 (1) AKDN, 1960 ialah seramai 49 orang dan kesemuanya ditahan di Kem Tahanan Kemunting, Taiping, Perak.

PERKHIDMATAN POS— MENSWASTAKAN

33. Tuan Hu Sepang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan ingin menswastakan perkhidmatan pos dan sekiranya Kerajaan masih menimbang langkah ini, apakah alasan-alasan untuk berbuat demikian dan apakah jenis penswastaan yang akan bakal dilakukan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Penswastaan sudah menjadi dasar Kerajaan. Bagi Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia, Kerajaan belum lagi memutuskan sama ada hendak diswastakan ataupun tidak. Oleh itu, ianya terlalu awal untuk menyatakan corak penswastaannya.

FELDA—PENYERTAAN ORANG CACAT

34. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bahawa pada tahun 1985 Kerajaan telah membuat keputusan untuk membolehkan orang-orang cacat menyertai rancangan FELDA. Sehingga hari ini skim ini tidak berjaya. Apakah sebab-sebabnya dan bagaimana pihak Kementerian mengatasi masalah ini. Sekiranya rancangan ini tidak dapat dilaksanakan apakah rancangan/skim lain yang sedang diuruskan oleh pihak

Kementerian bagi memperbaiki kebajikan dan kedudukan orang-orang cacat supaya lebih baik dan sempurna lagi.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Kementerian Kebajikan Masyarakat telah berusaha dengan seberapa daya upayanya untuk membolehkan orang-orang cacat menyertai rancangan FELDA, tetapi malangnya ianya tidak dapat dilaksanakan.

Sebab utama yang tidak membolehkannya dilaksanakan ialah kerana pihak FELDA kini menjalankan sistem saham untuk peneroka di Rancangan-rancangannya di mana peneroka dibayar upah dan semua lebihan pendapatannya dimasukkan ke dalam kira-kira pendapatan "Kawasan Ladang". Oleh yang demikian maka adalah sulit bagi orang cacat mencapai tahap pengeluaran yang sama kiranya mereka beserta dengan peneroka-peneroka lain. Ini bukan sahaja akan menjejaskan pendapatan peneroka yang lain tetapi juga akan merumitkan pengiraan saham yang dilaksanakan oleh pihak FELDA.

Sebagai satu usaha untuk membolehkan orang cacat mengambil bahagian dalam Rancangan Tanah maka Kementerian Kebajikan Masyarakat sebagai ganti sedang merancang untuk mengadakan satu Rancangan Tanah Khas yang dinamakan Ladang Orang Cacat. Ladang yang dirangkangkana ini akan digunakan untuk berbagai jenis kegiatan pertanian dan ternakan dan akan diusahakan secara "Commercial". Dengan adanya rancangan seumpama ini adalah diharapkan masyarakat orang cacat yang berminat akan dapat hidup berdikari dan seterusnya dapat memainkan peranan mereka secara efektif di dalam pembangunan negara.

BADAN PENCEGAH RASUAH— TANGKAPAN

35. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah bilangan orang yang ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah mulai Januari 1987 hingga Februari 1988 dan berapa ramai pula
 - (a) kakitangan Kerajaan (nyatakan bilangan dan setiap gred);
 - (b) ahli politik;
 - (c) orang awam;
- (ii) berapa banyak kes rasuah yang masih menunggu perbicaraan mahkamah; dan
- (iii) apakah tindakan yang diambil untuk mendidik rakyat supaya memerangi rasuah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Sejak Januari 1987 hingga Februari 1988, Badan Pencegah Rasuah telah menangkap seramai 313 orang. Dari jumlah ini, seramai 173 orang terdiri dari kakitangan Kerajaan, seorang sahaja ahli politik dan seramai 139 merupakan orang awam. Dari sejumlah 173 orang kakitangan Kerajaan yang telah ditangkap, 30 orang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan di dalam kumpulan "A", 21 orang dari kumpulan "B", 54 orang dari kumpulan "C" dan sejumlah 68 orang dari kumpulan "D". Sehingga kini terdapat sebanyak 593 kes-kes rasuah yang masih menunggu perbicaraan mahkamah.

Berhubung dengan soalan terakhir dari Ahli Yang Berhormat itu, suka saya jelaskan bahawa di dalam usaha mendidik rakyat supaya memerangi rasuah, BPR sedang mempergiatkan lagi kempen pencegahan rasuahnya melalui program-penerangan, pendidikan dan perhubungan awam.

Aktiviti-aktiviti seperti ceramah, dialog, forum perbincangan hati ke hati dan sebagainya dipertingkatkan. Ianya bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan mengenai rasuah supaya dapat menimbulkan kesedaran rakyat tentang kesan buruk serta ancaman rasuah di samping menyemai sikap membenci rasuah. Program-program penerangan dan pendidikan di sekolah-sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi juga diberikan perhatian. Penekanan yang dititikberatkan ialah tentang nilai-nilai moral yang murni, kejujuran dan keburukan rasuah. Aktiviti-aktiviti seperti ceramah, pertandingan syarahan, perbahasan, melukis poster pencegahan rasuah dan pamiran dianjurkan kepada penuntut-penuntut peringkat persekolahan.

Selain daripada itu, usaha-usaha untuk menyebarkan maklumat mengenai kesan dan implikasi buruk amalan rasuah disalurkan juga melalui media massa seperti penulisan berita atau laporan tentang rasuah di akhbar-akhbar dan rancangan-rancangan tertentu di televisyen. Apabila adanya kesedaran rakyat tentang kesan negatif rasuah, maka rakyat akan bersedia untuk membantu dan bekerjasama di dalam memerangi rasuah.

PENYELUDUPAN ROKOK DI SABAH

36. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 1.2 juta kotak rokok telah diseludup ke Negeri Sabah pada tahun lalu sahaja dan peningkatan penyeludupan ini mengakibatkan Kerajaan Negeri menampung perbelanjaan bernilai lebih kurang MR 50 juta dalam kehilangan cukai dan menyebabkan terlalu banyaknya lebihan simpanan daun tembakau tempatan yang ditanam.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Adalah disedari bahawa penyeludupan rokok memang berlaku di Sabah tetapi jumlah sebenar yang diseludup tidaklah diketahui. Jumlah penyeludupan rokok di Sabah juga difikirkan telah meningkat di tahun-tahun yang sudah, yang mana adalah digambarkan melalui peningkatan jumlah rokok yang dirampas dalam tiga tahun kebelakangan. Jumlah rokok yang dirampas dalam tahun 1985 ialah sebanyak 1,656 kg. berbanding dengan 6,334kg. dirampas dalam tahun 1986 dan 5,980 kg. dirampas dalam tahun 1987. Penyeludupan ini sedikit sebanyak memang menjejaskan industri rokok tempatan yang mana mengakibatkan daun tembakau tempatan tidak dapat digunakan kesemuanya.

KERETA PERSENDIRIAN MENGAMBIL MURID SEKOLAH

37. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan bahawa pengangkutan murid-murid sekolah di luar bandar biasanya dilakukan oleh van dan kereta persendirian (private vehicle) kerana ketiadaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan lain-lain yang memasuki jalan-jalan kampung yang tidak ditarkan. Bolehkah pihak Kementerian Pengangkutan mengeluarkan permit sementara membawa murid-murid sekolah (temporary school transportation permit) kepada tuan punya van dan kereta bagi maksud membawa/mengangkut kanak-kanak sekolah dari luar bandar khususnya dalam kawasan Kuala Krai. Kenderaan yang membawa/mengangkut murid-murid ke sekolah (van dan kereta) ditahan oleh pihak berkuasa tempatan (polis) kerana tidak mempunyai permit membawa penumpang. Ini adalah disebabkan van/kereta pernah ditahan oleh pihak berkuasa tempatan (polis) kerana tidak mempunyai permit membawa penumpang.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 33, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 bagi sesebuah kenderaan bermotor digunakan sebagai kenderaan perkhidmatan awam, melainkan kenderaan berkenaan telah diberi lesen di bawah Akta tersebut. Oleh yang demikian, van dan kereta persendirian (private vehicles) yang digunakan sebagai, bas sekolah, sama ada di bandar atau luar bandar, adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda \$5,000 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya ada keperluan perkhidmatan untuk membawa murid-murid sekolah, pengusaha-pengusaha berkenaan hendaklah memohon lesen bas sekolah dari Lembaga pelesenan Kenderaan Perdagangan, di bawah Kementerian saya. Pertimbangan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai cukup modal dan sokongan dari Guru Besar sekolah yang mengesahkan perkhidmatan tersebut diperlukan. Pemilik lesen tersebut boleh menggunakan van sebagai bas sekolah.

PROJEK PEMBANGUNAN DI LABUAN

38. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan yang telah tercapai sejak wujudnya Pulau Labuan untuk dijadikan sebahagian Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984 dengan tujuan menjadikan pusat penting bagi perdagangan, perindustrian dan pelancongan hingga hari ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Kerajaan Persekutuan telah

mengambil alih pentadbiran Pulau Labuan daripada Kerajaan Negeri Sabah pada 16 April 1984. Pada masa ini, Kerajaan telah banyak menjayakan projek-projek dan program-program pembangunan, baik dari segi fizikal mahupun pentadbirannya, dalam usaha menjadikan pulau itu sebagai sebuah pusat perdagangan, perindustrian dan pelancongan.

Memandangkan Pulau Labuan masih kekurangan dari segi kemudahan infrastrukturnya, maka tumpuan Kerajaan pada masa ini ialah memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur di samping kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti jalan-jalan raya di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan, termasuk jalan-jalan kampung yang telah dan akan dinaikkan taraf. Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan bekalan air dari Takungan Air dan Sungai Kinabenua, yang memakan belanja \$7 juta, dan bekalan air dari Sungai Pedas, Tanah Besar Sabah yang menelan kos perbelanjaan sebanyak \$120 juta, yang akan siap pada tahun 1989. Kerajaan juga sedang berusaha memanjangkan landasan Lapangan Terbang Labuan dari 6500 kaki kepada 7500 kaki yang menelan belanja sebanyak \$28 juta dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1988. Tempat-tempat riadah, seperti kompleks sukan yang menelan belanja sebanyak \$20.5 juta, dan tempat-tempat beribadat, juga telah dapat diadakan. Ini akan menjadikan Labuan, sebuah Pulau yang cantik dan menarik.

Seterusnya, bagi memperbaiki pentadbiran dan kemudahan-kemudahan lain di Labuan, kerajaan telah mendirikan pejabat-pejabat baru seperti Bangunan Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kos \$4.4 juta, Bengkel Baru JKR dengan kos \$2.8 juta, Komplek Kediaman Polis dengan kos \$6.7 juta, dan penubuhan Radio Labuan dengan kos bernilai \$500,000.00.

Dalam usaha membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Tempatan di Labuan, Pejabat MARA yang dahulunya ditempatkan di Beaufort, Sabah, kini telah ditempatkan di Labuan. Begitu juga wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengadakan jadual tetap untuk datang ke Labuan dari Kota Kinabalu, Sabah, bagi membaharui lesen-lesen import dan lain-lain perkara yang berbangkit dengan perniagaan.

Selain daripada itu, pengeluaran pasport, kad-kad pengenalan dan segala hal yang berkaitan dengan hal ehwal tanah di Labuan, telah dapat dikeluarkan dan dikendalikan di Labuan sendiri, yang sebelumnya dikendalikan di Kota Kinabalu, Sabah.

Kerajaan juga telah mengadakan penerbangan terus KL—Labuan sebanyak 2 kali seminggu, dan mengadakan pengecualian cukai untuk barang-barang yang dibeli, yang tidak melebihi \$500.00 di Labuan, dalam usaha menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Labuan. Di antara lain usaha-usaha Kerajaan dalam memajukan Pulau Labuan ialah seperti berikut:

- (i) memberi peruntukan "grant" dan pinjaman berjumlah \$100 juta kepada Majlis Perbandaran Labuan (MPL) untuk menyelesaikan beban-beban hutangnya supaya Majlis Perbandaran Labuan dapat melipatgandakan usaha memelihara kebersihan dan kesejahteraan Pulau Labuan;
- (ii) Kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan pembekalan elektrik yang berkekalan dan lebih murah untuk Labuan;
- (iii) Kerajaan juga sedang berusaha memperbaiki kemudahan-kemudahan di pelabuhan Labuan terutamanya

untuk kegunaan perdagangan tukar barang dengan Filipina Selatan, yang mana dari statistik perniagaan ini yang diperolehi dari Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Labuan, adalah didapati perdagangan ini semakin maju dan meningkat semenjak tahun 1984.

Sungguhpun, usaha-usaha dan kemudahan-kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan, namun kejayaannya adalah besar bergantung kepada pengusaha-pengusaha swasta dan penduduk-penduduk tempatan sendiri, yang harus mengambil peluang dalam sektor perdagangan, perindustrian dan pelancongan.

PELABURAN ASING

39. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan negara asing atau pengusaha asing yang telah melahirkan minat mereka terhadap pelaburan dalam Malaysia sejak permulaan tahun lalu. Daripada bilangan orang ini, berapakah pelabur serta nilai pelaburan yang benar-benar telah diwujudkan dalam tempoh masa:

- (a) suku tahun pertama;
- (b) suku tahun kedua;
- (c) suku tahun ketiga; dan
- (d) suku tahun yang terakhir,

tahun 1987. Di dalam sektor-sektor ekonomi yang manakah pelaburan masing-masing dalam (a), (b), (c) dan (d) adalah paling menggalakkan sekali. Apakah pandangan Kerajaan bagi sektor-sektor ekonomi lain yang kurang menerima perhatian oleh pelabur asing. Bagaimanakah pula dengan nilai pelaburan asing yang benar-benar diwujudkan pada permulaan tahun ini.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (i) Pelabur-pelabur dari lebih dari 23 negara asing telah menunjukkan minat mereka terhadap pelaburan dalam Malaysia sejak permulaan tahun 1987. Ekuiti asing dalam projek-projek yang telah diluluskan dalam tempoh masa:

- (a) ¼ tahun pertama \$209.4 juta ialah
- (b) ¼ tahun kedua \$ 37.7 juta ialah
- (c) ¼ tahun ketiga \$157.9 juta ialah
- (d) ¼ tahun yang terakhir ialah \$345.0 juta

- (ii) Dalam suku tahun pertama penyertaan ekuiti asing adalah menggalakkan dalam sektor-sektor Industri elektronik (\$75.8 juta), Industri pengilangan makanan (\$54.0 juta), Industri barang-barang plastik (\$34.0 juta), Industri barang-barang getah (\$14.1 juta), Industri barang-barang kayu (\$14.0 juta).

Dalam suku tahun kedua pula penyertaan ekuiti asing adalah menggalakkan dalam sektor-sektor Industri pengilangan makanan (\$14.3 juta), Industri barang-barang kayu (\$9.2 juta), Industri barang-barang getah (\$4.5 juta), Industri barang-barang elektrik & elektronik (\$4.5 juta).

Dalam suku tahun ketiga, penyertaan ekuiti asing adalah menggalakkan dalam sektor-sektor Industri elektrik & elektronik (\$64.9 juta), Industri logam-logam asas (\$23.9 juta), Industri barang-barang getah (\$17.9 juta), Industri tekstil dan barang-barang tekstil (\$16.5 juta), Industri barang-barang galian bukan logam (\$12.6 juta).

Dalam suku tahun keempat, penyertaan ekuiti asing adalah menggalakkan dalam sektor-sektor Industri elektrik dan elektronik (\$119.5 juta), Industri kimia dan barang-barang kimia (\$109.0 juta), Industri pengilangan makanan (\$26.8 juta), Industri kertas, percetakan & penerbitan (\$20.9 juta). Bagi bulan Januari 1988 jumlah ekuiti asing dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan ialah \$65.9 juta.

DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGERI—MEMBUBARKAN

40. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada situasi politik semasa, sama ada Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Negeri akan dibubarkan bagi mengadakan satu pilihanraya umum yang baru.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Memandangkan kepada situasi politik semasa, tidak ada sebab maka Kerajaan perlu membubarkan Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Negeri bagi mengadakan pilihanraya umum yang baru.

PERKEMBANGAN SYIAR ISLAM DI SABAH

41. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan perkembangan syiar Islam di Sabah diselaraskan dengan perkembangan Islam di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat bagi memastikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri Sabah.

Tuan Othman bin Abdul: Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia adalah sebuah badan penasihat. Tugas utama Majlis itu ialah:

“Memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran”.

Setakat ini Majlis menumpukan usaha-usaha ke arah mengwujudkan keseragaman dan penyelarasan dalam aspek-aspek undang-undang dan pentadbiran dan mengenai fatwa bagi semua negeri termasuk Sabah.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mencapai matlamat yang dinyatakan itu ialah:

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan;
- (b) Menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam bagi Negeri-negeri di mana Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agamanya.
- (c) Mengadakan Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri sebagai forum tetap bagi membincangkan urusan pentadbiran agama Islam.

Sebagai sebuah badan penasihat, majlis tidak ada kuasa untuk memastikan perkembangan syiar Islam di Sabah diselaraskan dengan perkembangan di negeri-negeri di Semenanjung. Kuasa mengenai hal ehwal agama Islam adalah terletak di tangan pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

Mengenai Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri Sabah, Perlembagaan negeri Sabah sudah pun memperuntukkan demikian. Perkara 5B Perlembagaan itu menyebut begini:

5B(1) The Yang di-Pertuan Agong shall be the Head of the religion of Islam in the State.

(2) The Legislative Assembly shall be responsible for making provisions for regulating the Islamic religious affairs and for constituting a council to advice the Yang di-Pertuan Agong in matters relating to the religion of Islam.

Dengan itu Kerajaan-kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkembangan syiar Islam di negeri Sabah.

DASAR EKONOMI BARU— MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

42. Tuan Jawan anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada tujuan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan semasa memberi tender-tender sekolah dan kontrak-kontrak di negara ini. Sama ada benar atau tidak bahawa kebanyakan syarikat yang menggunakan nama-nama Bumiputera telah digunakan oleh kaum bukan Bumiputera untuk tujuan mendapatkan tender-tender dan kontrak-kontrak.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Selaras dengan usaha-usaha bagi menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan bagi memenuhi Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah

memberi pertimbangan sewajarnya kepada syarikat-syarikat Bumiputera melalui arahan-arahan seperti berikut:

(i) Kerja-kerja kecil yang berasaskan kepada Jadual kadar harga yang nilainya tidak lebih daripada \$25,000 hendaklah dikhaskan kepada pemborong Bumiputera sahaja.

(ii) Kerja-kerja kontrak yang nilainya dianggarkan kurang dari \$50,000 adalah dikhaskan kepada pemborong Bumiputera sahaja.

(iii) 30% dari nilai kerja-kerja kontrak selain daripada perenggan (ii) di atas dan selain dari yang dijalankan sendiri oleh JKR adalah dikhaskan kepada pemborong-pemborong Bumiputera sahaja.

Berpandukan kepada dasar tersebut didapati daripada jumlah nilai kontrak Kerajaan keseluruhan sebanyak \$1,879.33 juta dalam tahun 1985 dan 1986, sebanyak \$771.98 juta (41%) telah ditawarkan kepada Bumiputera. Bagi tender-tender sekolah khususnya, Bumiputera telah berjaya mendapat nilai kontrak bekalan bagi tahun 1986 sebanyak \$50.86 juta (76%) daripada jumlah kontrak bernilai \$66.831 juta.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat bukan Bumiputera menggunakan nama Bumiputera untuk mendapatkan tender atau kontrak, Pusat Khidmat Kontraktor telah dapat mengesan kira-kira 0.5% sahaja dari syarikat-syarikat Bumiputera yang mendaftar dengannya berbuat demikian. Tindakan-tindakan disiplin seperti melucut taraf Bumiputera syarikat-syarikat berkenaan telah diambil ke atas syarikat-syarikat tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH MERBAHAYA (PERLUCUTHAKAN HARTA)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta dan mengenai penyitaan dan melucuthakan harta yang berkaitan dengan aktiviti yang ada hubungan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini, Akta Dadah Berbahaya 1952 atau mana-mana undang-undang asing yang bersamaan dengan Akta-akta ini atau dengan peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-akta ini mengenai bantuan kepada negara-negara asing berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah berbahaya, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang tersebut terdahulu; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh.” (8hb Mac, 1988).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli dari Kuala Terengganu, sila teruskan.

3.38 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Usul untuk Menyembah dan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan di Dewan yang mulia ini.

Pada pandangan saya apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda membuat Titah Ucapan itu yang merangkumi daripada masalah ekonomi, masalah perpaduan, masalah bahasa, masalah pendidikan dan seterusnya kepada masalah perhubungan luar, ia merupakan suatu harapan, hasrat dan cita-cita daripada pemimpin yang tertinggi di negara ini untuk melihat kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat di negara ini, dan hasil daripada kesejahteraan dan keharmonian itu seluruh dan semua rakyat dari setiap lapisan masyarakat akan memperolehi faedah

dan nikmatnya. Tetapi yang menjadi perkara malang, Tuan Yang di-Pertua, apabila semalam saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang, dan pada masa sekarang kumpulan ini tidak ada dalam Dewan. Harapan dan hasrat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu akan menjadi satu harapan yang diragukan kerana masih lagi terdapat dalam golongan masyarakat di Malaysia ini, orang yang cuba mengambil dan membawa perkara-perkara yang boleh membangkitkan semangat benci di antara kaum. Dan ini amat jelas daripada ucapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Saya kira saya perlu memberi jawapan kepada beberapa perkara yang telah diungkit dan disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Yang pertama ialah mengenai Pilihanraya Tanjung Puteri di mana calon yang dikemukakan oleh Barisan Nasional hanya mendapat kemenangan dengan kelebihan undi sebanyak 31 undi. Dan dia mengatakan bahawa dengan jumlah 31 undi itu menggambarkan bahawa tidak ada kepercayaan rakyat kepada Barisan Nasional dan khususnya UMNO Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikemukakan oleh pihak akhbar bahawa pengundi-pengundi di kawasan Pilihanraya Tanjung Puteri itu yang terdiri daripada tiga kaum, dengan pecahan peratusnya seperti berikut: Pengundi Melayu lebih kurang 50%, Pengundi Cina lebih kurang 44%, dan pengundi India lebih kurang 6%. Sama ada perkara ini satu perkara yang pahit atau tidak pahit, kita mesti mengakui hakikat bahawa bentuk politik perkauman masih lagi tebal di negara kita.

Soalannya, siapa yang mewujudkan bentuk politik perkauman ini? Tidak lain dan tidak bukan, satu parti politik

yang bernama DAP itulah yang bertanggungjawab mewujudkan politik perkauman di negara ini. Dan itulah mungkin sebabnya 31 undi kelebihan yang diperolehi oleh calon Barisan Nasional. DAP selalu menyebut bahawa mereka memperoleh popular vote.

Saya percaya, kalau pengundi di kawasan Pilihanraya Tanjung Puteri ini 50% terdiri daripada orang Cina, saya pasti parti DAP akan kemukakan calon mereka kerana mereka mahu buktikan kepada rakyat dan negara bahawa mereka mempunyai popular vote, yang selalu mereka sebut dalam Dewan ini.

Memang saya akui bahawa DAP ini mempunyai popular vote, tetapi kita harus bertanya, apakah bentuk popular vote yang diperolehi oleh DAP? Popular vote yang diperolehi oleh DAP ialah sebagai suatu vote yang popular bagi parti DAP kerana sifat mereka, kerana sifat parti itu yang telah mewujudkan, yang telah boleh membangkitkan semangat kemarahan serta emosi rakyat daripada keturunan Cina, khususnya ialah semangat perkauman yang begitu nyata. Ini sudah jelas daripada ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti DAP. Tetapi sebaliknya, Barisan Nasional atau khususnya UMNO tidak memerlukan popular vote kerana hanya orang yang jahat sahaja memerlukan popular vote, tetapi orang yang baik tidak memerlukan popular vote. Tetapi keputusan Tanjung Puteri ini, telah memberi satu keyakinan baru kepada pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional, khususnya UMNO baru, kerana masih ada lagi golongan yang baik. 31 undi itu menunjukkan bahawa masih ada lagi golongan manusia yang boleh menghayati, memberi appreciation kepada kebaikan-kebaikan yang telah dikemukakan oleh parti Barisan Nasional berbanding dengan jumlah pengundi yang tidak tahu

menghargai kebaikan parti Barisan Nasional. Dan inilah yang sebenarnya menggambarkan suasana politik di negara kita pada hari ini.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah mengenai tangkapan ISA. Daripada apa yang diujahkan oleh beliau menggambarkan kegagalan pemikiran, kejahatan terhadap ISA (Internal Security Act) itu sendiri. Tetapi saya percaya di kalangan DAP itu ada yang terdiri daripada mereka adalah peguam.

Mungkin Yang Berhormat daripada Rasah boleh menerangkan tentang keadaan sebenarnya ISA kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Tangkapan di bawah ISA, bukan merupakan tangkapan jenayah yang perlu dibawa ke muka mahkamah untuk pengadilan, tetapi ialah merupakan suatu preventive detention sahaja. Ia tidak perlu dibicarakan kerana apabila ia dibicarakan, ia akan mendedahkan sesuatu yang boleh menjadikan keselamatan negara terancam kerana ada perkara-perkara yang tidak boleh dibentangkan dalam mahkamah. Sebab itu perlunya ISA. Memang ini menjadi satu fenomena bagi negara-negara membangun mempunyai ISA. Hinggakan ayah kepada DAP sendiri, PAP di Singapura pun masih melanjutkan ISA ini. Yang kita boleh anggapkan kalaulah ia mengatakan bahawa ISA ini merupakan suatu perkara yang zalim dan undemocratic maka semua negara-negara membangun yang mempunyai ISA yang perlu bagi keselamatan negara ini apakah ianya zalim dan undemocratic? Saya minta supaya Yang Berhormat dari Bukit Bintang memberikan jawapan.

Soalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah kerana orang-orang yang ditangkap itu terdiri

daripada pemimpin-pemimpin, Wakil-wakil Rakyat daripada golongan parti DAP dan dia menganggap perkara ini sebagai satu perkara yang tidak adil.

Saya tidak mahu membahaskan soal keadilan Islam kerana dia bukan seorang Islam, tetapi kalau kita membahaskan dari keadilan Barat sendiri pun, sebagaimana yang disebut oleh Plato, dalam bukunya "The Law" yang menerangkan tentang gurunya Socrates mengatakan bahawa apabila suatu hukuman itu dijalankan mengikut undang-undang maka ia merupakan suatu keadilan. Sebaliknya, kalau suatu hukuman itu dijalankan dengan tidak mengikut undang-undang, maka ia bukanlah suatu keadilan. Maka apabila Kerajaan, pihak-pihak pemerintah menangkap orang-orang ini mengikut peruntukan undang-undang, maka semestinya ia merupakan suatu keadilan. Yang dipandang tidak adil hanyalah DAP kerana ia melibatkan golongan mereka dan mereka terasa terjejas dengan pemakaian undang-undang tersebut.

Kalau mereka mengatakan bahawa penggunaan kuasa oleh pemerintah di bawah ISA ini sebagai suatu kuasa sewenang-wenangnya maka saya cabar golongan DAP ini untuk membawa tindakan ke mahkamah kerana di bawah peruntukan undang-undang, kuasa sewenang-wenang tidak boleh digunakan kerana ia bertentangan dengan kuasa budibicara. Dan di dalam negara kita, kita mempunyai satu badan kehakiman yang bebas, yang boleh memberi pentafsiran dan membuat keputusan walaupun terhadap pemerintah. Maka saya mencabar golongan DAP terutama Wakil dari Bukit Bintang supaya membawa tindakan ke mahkamah, mencabar kewibawaan tindakan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Perkara yang keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah mengenai masalah human rights. Kononnya, perbuatan menangkap ke tujuh-tujuh orang daripada parti DAP di bawah ISA itu adalah melanggar human right. Saya hendak beritahu kepada dia, kita jangan diperbodohkan oleh Barat dengan konsep human rights ataupun freedom dan sebagainya. Kerana inilah idea-idea yang boleh memecah belahkan masyarakat di negara-negara yang pernah dijajah oleh Inggeris.

Saya terbaca satu artikel di mana seorang ahli falsafah India dan pada satu waktu pernah menjadi Presiden Parti Congress yang bernama Lalla Lajpat Rai yang hidup di antara 1865-1928. Masalah yang timbul di India ialah masalah mengenai umat Islam dan orang-orang Hindu di mana Lalla Lajpat Rai berkata, saya quote dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“If we really honestly want a united India, the different religious communities in this country shall have to make a clear distinction between essentials and non-essentials in religion. Full religious freedom does not mean or imply full and unfettered liberty in the matter of observance and practices which affect the just rights of other communities or otherwise injure their feelings. The exercise of such rights either individual or communal and the belief that the British Government will enforce the practice of such rights has done a great deal of mischief in India. Take for example the case of North-West Frontier Province in a village where the population is 99% Muhammadan and only 1% Hindu, the exercise of a Hindu of his right to carry his idol in procession along the street of the village where many mosques are situated would be an extremely

foolish act. The exercise of the right of sacrificing a cow by a Muslim in a place like Ayudhia, Mathura, Varanasi or Haridwar would be of the same nature. Unhappily the British rule has encouraged both Hindus and Muhammadans to exercise such rights and to fight if they are denied”.

Kerana kalau kita lihat di Barat sekalipun pada masa sekarang yang mereka menjadi guru yang cuba mengemukakan idea human rights, apa yang dilakukan oleh pemerintah Amerika Syarikat kepada mereka yang berkulit hitam dan berkulit warna? Apakah layanan yang diberikan kepada mereka ini? Apakah layanan yang diberikan oleh Kerajaan British, oleh orang-orang Inggeris kepada mereka yang berkulit hitam dan berwarna di Britain? Apakah mereka melaksanakan human rights yang pernah mereka ajar kepada negara-negara yang dijajah oleh mereka? Tidak pernah. Maka janganlah kita tertipu oleh konsep human rights, kerana human rights

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Minta apa?

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sama ada beliau sedar bahawa konsep human rights, hak asasi kemanusiaan adalah tidak kira perbezaan kebangsaan atau national boundary, dengan izin, dan konsep human rights

bukanlah ciptaan Amerika Syarikat ataupun England, khususnya ekor dari perisytiharan Human rights Declaration oleh United Nations Organisation pada tahun 1948 yang mana hak-hak asasi tertentu harus dihormati serta diikuti oleh semua manusia tidak kira agama, bangsa dan bahasa dan sebagainya dan salah satu daripada hak-hak asasi itu ialah right to trial, right for defence before a court of law. Inilah tajuk yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Ini tidak ada apa-apa kaitan dengan pemerintahan penjajah British dan Amerika Syarikat. Orang China dari Republik China mesti ikut, Russia mesti hormat prinsip human rights tidak kira bangsa, tidak kira agama. Hak-hak asasi tertentu harus dipertahankan oleh kerana kita semua manusia. Ini sahaja.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya baru hendak menerangkan ini, dia sudah pun bertanya. Baiklah saya terangkan sekarang.

Oleh kerana itu konsep human rights ini satu idea dan pemikiran dalam sejarah pemikiran Eropah. Ia bangkit dalam pemikiran Eropah kerana suasana yang ada di Eropah pada ketika itu. Sebab itu, contohnya, Magna Carta lebihkurang dalam abad yang ke lapan di Eropah, kerana mereka bangkit akibat kezaliman gereja dan raja terhadap rakyat. Walaupun ia ditulis tetapi tidak diamalkan. Oleh kerana itu konsep human rights ini mesti ada perubahan. Mesti disesuaikan dengan keadaan tempat. Apakah suasana yang ada di Eropah itu wujud di Malaysia untuk kita laksanakan human rights sebagaimana mengikut pemikiran Eropah. Tentu tidak, kerana suasana yang berbeza.

Suasana yang berbeza inilah menuntut kita melihat keadaan di Malaysia, melihat kebudayaan di sini, alam budaya di rantau ini untuk kita

laksanakan human rights. Maka dengan sebab itu mesti ada perbezaan walaupun ia telah diisytiharkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Cuma sekadar perisytiharan sahaja. Tidak pernah ada penguatkuasaan oleh Badan Bangsa-bangsa Bersatu. Contoh, sebagaimana yang dilakukan oleh puak regim Tel Aviv kepada umat Islam di Palestin sekarang ini. Cuba beri jawapan kepada saya, Yang Berhormat dari Kuching. Renungkan perkara ini baik-baik, bukan saya bercakap mengikut emosi. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia minta saya cuba, saya boleh cubalah. Beri saya chance sahaja. Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Bukan di sini, di luar Dewan, kalau hendak terangkan pun.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia suruh saya cuba, saya mahu cuba. Yang Berhormat beri saya peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sila duduk, dia tidak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Sudah beri sekali hendak dua kali. Maka dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kita harus mengajar masyarakat kita bukan dari segi rights tetapi kita mesti tekankan dari segi obligation, tanggungjawab, kerana manusia ini kalau menekankan soal rights, hingga dia lupa tanggungjawabnya sebagaimana yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin DAP sudah munasabahlah kalau mereka itu ditangkap di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah jawapan-jawapan yang boleh saya beri kepada apa yang telah disebut sekadar menjawab dengan secara ringkas apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Di dalam membina negara Malaysia dan negara Malaysia sendiri yang dahulunya Tanah Melayu telah pun melalui berbagai-bagai peristiwa. Kadang-kadang ada di antara peristiwa-peristiwa itu masih segar di dalam ingatan kita mungkin kerana kita suka kepada perkara itu maka kita ingat dan mungkin perkara yang kita tidak suka mungkin kita lupa. Walau bagaimanapun, di antara peristiwa-peristiwa yang penting yang berlaku di negara kita ini misalnya, sebagai satu faktor sejarah, kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka telah tumbang pada tahun 1511 dan kita juga mengetahui bahawa selepas daripada kedatangan Portugis, Belanda mengambil alih pada tahun 1641 dan seterusnya oleh British pada 1784.

Pada 1942 Jepun telah menyerang Tanah Melayu. Pada 1946 Jepun kalah dan lebih kurang dua minggu negara kita diperintah oleh Bintang Tiga dan pada waktu itu lebih kurang ratusan pemimpin Melayu yang terdiri daripada Ketua Kampung, Ulamak telah dibunuh oleh Bintang Tiga.

Kemudian dalam tahun 1957 negara kita mencapai kemerdekaan; 1969 Mei 13—satu peristiwa berdarah, cetusan perkelahian di antara kaum di negara ini telah berlaku dan seterusnya yang terakhir sekali pada 4hb Februari, 1988 UMNO yang telah memperjuangkan kemerdekaan yang telah membawa kebaikan untuk negara ini telah diisytiharkan haram oleh Mahkamah Tinggi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Semua peristiwa itu masih segar dalam ingatan kita. Tetapi saya kesal, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya

tidak berupaya, Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tidak berupaya untuk mengubah fakta-fakta sejarah ini. Walaupun ianya berada dalam kemampuan untuk kita mengingatinya tetapi kita tidak mampu untuk mengubah dan inilah memang merupakan satu ciri yang terpenting bagi fakta sejarah. Dia boleh diketahui tetapi ia tidak boleh diubah.

Sebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tidak dapat mengubah masa yang lalu tentulah masa hadapan akan menjadi tumpuan kita. Sebaliknya pula masa hadapan kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan tetapi kita mempunyai kemampuan untuk membentuk masa hadapan. Masa hadapan penuh dengan tidak ketentuan dan masih samar-samar. Maka terpulanglah kepada kita bagaimana kita mahu membentuk masa hadapan.

Pada pandangan saya segala peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, yang kita ambil sebagai sejarah haruslah dijadikan panduan, direnungi, dilihat, dipertimbangkan untuk kita jadikan panduan untuk membentuk masa hadapan yang lebih gemilang. Kita harus mengikis segala kegetiran dan kepahitan sejarah yang telah dilalui oleh negara dan kita gantikan dengan kegemilangan, kegembiraan, kesukaan pada masa hadapan. Tidak ada maknanya, tidak ada ertinya sejarah kepada kita, kalau kita tidak dapat mempertimbangkan perkara-perkara yang lalu untuk kita membina masa hadapan. Suatu perkara yang penting dalam membaiki serta membina masa hadapan negara ialah Kebudayaan Kebangsaan.

Sebelum saya membicarakan soal Kebudayaan Kebangsaan, saya harus meletakkan satu caveat. Apa yang saya sebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin akan membangkitkan perasaan marah di kalangan terutama

orang-orang yang bukan Melayu. Tetapi oleh kerana ia satu fakta sejarah maka saya terpaksa kena sebut.

Kebudayaan Kebangsaan yang harus dilihat dari segi sifat, bentuk dan kandungannya. Soal Kebudayaan Kebangsaan memang kurang menarik minat orang untuk membicarakannya berbanding dengan isu-isu bersifat ekonomi kerana ianya merupakan satu perbincangan yang mungkin hanya berbentuk sentimental. Tetapi kepada saya Kebudayaan Kebangsaan itu haruslah dilihat sebagai yang terpenting kepada asas pembinaan negara kerana ianya akan memancarkan warna dan identiti masa depan negara. Untuk melihat Kebudayaan Kebangsaan maka ia haruslah dikaji berdasarkan kepada pengetahuan kita pada masa yang lalu.

Kegagalan untuk memupuk suatu bentuk Kebudayaan Kebangsaan tentulah ianya menjadikan masa depan negara penuh dengan tanda tanya dan kesejahteraan masa depan amatlah diragui sekali. Negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih kurang 31 tahun. Dulunya Tanah Melayu sekarang Malaysia yang telah bebas kembali untuk menentukan kedaulatan sendiri untuk menyambung sejarah bangsa dan budayanya di alam Melayu ini. Walaupun sudah 31 tahun merdeka tetapi masih ada lagi orang mempersoalkan asas, proses dan bentuk Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Sekurang-kurangnya seperti kelmardin yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng ataupun parti DAP tentang konsep pluralisme kebudayaan. Dari segi teori, dari segi politik, dari segi sejarah, dari segi kemasyarakatan dan kenegaraan persoalan yang seperti inilah yang merupakan satu keganjilan dan kejanggalan yang amat menakjubkan. Ianya adalah seperti menafikan segala fakta sejarah, realiti politik, proses

kebudayaan, struktur kenegaraan, yang lebih mendalam daripada itu ialah alam fikiran yang lojik dalam kehidupan di Malaysia.

Fakta sejarah dengan tegas menyatakan bahawa kedaulatan bangsa dan kebudayaan Melayu di rantau alam sebelah sini hingga bangsa Melayu dalam erti yang lebih luas menakrif dan memberi ketentuan kepada identiti wilayah sebagai "Alam Melayu". Sebab itu di rantau nusantara ini disebut "Alam Melayu". Kuatnya daulat dan kebangsaan Melayu itu. Suatu identiti geografi dan kebudayaan yang satu dan padu pada pandangan orang lain. Sebab itu beberapa nama diberikan kepada "Alam Melayu" seperti "Yabat Riffa", "Laut Selatan", "Golden Chersonese", "Malay Archipelago" atau "Tanah Jawi". Gelaran ini merupakan satu pengiktirafan zaman kuno tentang satu kesatuan dan keutuhan wilayah budaya, suatu kewujudan entiti yang nyata dan jelas yang secara struktur dalamannya bersifat Melayu.

Tanah Melayu atau sekarang Malaysia serta negara-negara yang wujud di rantau ini adalah merupakan pewaris yang sah kepada satu tradisi lampau. Mengikut sejarah kuno misalnya telah wujud negara bangsa Melayu di Campa dan Funan yang sekarang ini dikenali sebagai Kampuchea dan Vietnam. Tradisi bangsa di Funan dan di Campa itu dilanjutkan oleh:

Kerajaan Melayu-Hindu di Langkasuka di abad kelima;

Kerajaan Melayu-Buddha Sri Vijaya di abad ketujuh;

Kerajaan Hindu-Majapahit di abad kesembilan;

Kerajaan Islam Pasai di abad ketiga belas;

Temasik di abad keempat belas;

Melaka di abad kelima belas;

Johor di abad keenam belas;
 Aceh di abad ketujuh belas;
 Riau-Lingga di abad kelapan
 belas; dan
 Tanah Melayu serta Malaysia
 hingga ke hari ini.

Satu kesinambungan bangsa telah wujud bermula dari zaman kuno lagi. Ini sejarah, bukan ciptaan dan rekaan saya. Kewujudan daulat Melayu telah menunjukkan kesatuan, kebudayaan dan kebangsaan dalam alam sekitar rantau ini memberikan wadah dan identiti perpaduan kita bagi penduduknya yang berkembang secara kepulauan. Tetapi dalam keragaman begitu, wujud satu kesatuan prinsip yang lunas kebudayaan dalam perhimpunan unit-unit asas dan sistem bahasa, alam fikiran dan tanggapan alam tabii. Kesemuanya ini menyatukan mereka dikenali sebagai bangsa Melayu. Kesatuan dan kebudayaan budaya inilah yang patut menjadi asas persamaan identiti pada masa kini.

Struktur kenegaraan dari ribuan tahun itu terus kekal dalam bentuk Kerajaan dan mungkin akan kekal begini selama ianya tetap didasarkan atas prinsip kedaulatan, kerakyatan Melayu yang berwadah yang berjanji dengan Rajanya.

Seseorang atau segolongan pemerintah atau Raja Melayu tegak di atas lunas kuasa Yang di-Pertuan. Maknanya sengaja dijadikan "Tuan" dalam persetujuan rakyat dan Raja. Kedua pihak saling hormat menghormati kedaulatan masing-masing dalam perhimpunan masyarakat. Wadah itu meyakinkan, mengakui kuasa rakyat untuk menjadikan seseorang itu "Tuan" dengan persetujuan bahawa masing-masing tidak akan memberikan aib kepada yang lain.

Inilah dia prinsip demokrasi daripada alam budaya Melayu. Demokrasi yang asas, asas prinsip demokrasi sekarang iaitu demokrasi asasi dan Kerajaan berperlembagaan, menjadi sang sifat kenegaraan Melayu yang teguh dari dahulu sehingga sekarang dan ianya bukanlah suatu yang diambil daripada budaya asing kerana mengikut fahaman ramai, konsep demokrasi itu datangnya daripada Barat. Sebenarnya tidak, ia sudah ada di dalam alam budaya Melayu sejak daripada zaman dahulu lagi. Oleh kerana adanya ciri ulung ini, perlanjutan sistem pemerintahan Melayu dalam bentuk Kerajaan sehingga kini dapat dilangsungkan. Maka dengan itu wajarlah diterima kedaulatan bangsa dan kebudayaan Melayu sebagai teras kepada Kebudayaan Kebangsaan dan kenyataan yang seperti ini tidak layak dipersoalkan lagi.

Dewasa ini terlalu banyak tanggapan lain tentang rangka sosio politik Melayu. Tetapi ialah merupakan tanggapan-tanggapan yang dibuat ini ialah merupakan suatu usaha kuat, satu ikhtiar untuk menafikan dan meniadakan fakta sejarah yang telah saya sebutkan tadi. Ini juga adalah merupakan suatu penyelewengan atau lebih daripada itu ia juga menggambarkan suatu mentaliti kependatangan yang menggambarkan juga kerendahan akal budi mereka, atau mungkin juga memang sifat atau sikap sedemikian merupakan suatu perkara biasa kepada golongan-golongan yang seperti itu.

Dr Ting Chew Peh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta apa?

Dr Ting Chew Peh: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kuala Terengganu yang memperkatakan tentang kepelbagaian

budaya itu dan kawasan Gopeng disebutkan. Saya rasa, saya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang hal ini. Saya rasa Yang Berhormat dari.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak beri penjelasan, saya tak benar, kalau minta penjelasan saya beri.

Dr Ting Chew Peh: Saya minta penjelasan iaitu saya memang mengakui bahawa faktor sejarah itu penting tetapi pada masa yang sama, saya ingin mengetahui sama ada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu juga menganggap bahawa kenyataan sosial hasil daripada perkembangan sosial itu penting juga, iaitu masyarakat kita pada ketika ini terdiri daripada berbagai kaum serta juga berbagai kebudayaan dan agama. Saya rasa perkara ini cukup rapat hubungannya dengan Rukunegara. Dalam Rukunegara ada dengan jelasnya disebutkan bahawa kepelbagaian budaya itu boleh menjadi suatu kekuatan negara kita. Itu yang pertama saya minta penjelasan.

Yang kedua, saya ingin menarik perhatian juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu iaitu saya ingin memetik daripada firman Allah dalam Surah Al-Hudjurat ayat 13. Maksudnya: "Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu".

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dari mana itu, Yang Berhormat?

Dr Ting Chew Peh: Ini daripada Surah Al-Hudjurat, ayat 13 Al-Quran.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia baru minta penjelasan.

Dr Ting Chew Peh: Saya belum habis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak tanya, bila dia belajar Islam.

Dr Ting Chew Peh: Saya belum Islam lagi. (Ketawa) Jadi, kepelbagaian kaum dan budaya itu sebenarnya memang ciptaan Tuhan dan tersirat dalam firman tadi ialah manusia sanggup bersatu-padu melalui kepelbagaian. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu adakah Yang Berhormat mempertikaikan kenyataan yang dibuat tadi iaitu Surah Al-Hudjurat, ayat 13 itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau jawapan saya kepada soalan pertama tadi itu, saya hendak terangkanlah. Saya hendak baca, saya hendak terangkan semua sekali, jadi dia dengar baik-baik, barulah dia faham. Saya hendak terangkan dalam dua tiga ayat tak mungkin, sebab soal kebudayaan ini bukan soal dua tiga ayat, ia soal yang panjang.

Yang kedua, soal ayat Al-Quran itu, beginilah oleh kerana Yang Berhormat dari Gopeng ini bukan Islam, pertama, dia tak tahu kalau kita baca ayat Al-Quran kita kena ada juga belajar yang dipanggil asbabul nuzul, sebab-sebab turunnya ayat Al-Quran. Yang

Berhormat dari Pengkalan Chepa mungkin tahu. Jadi, kalaulah dia tak tahu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya rasa patut Yang Berhormat itu menghormati orang yang tidak Islam boleh faham Islam tetapi orang Islam sendiri tak faham Islam. Kenapa sokong orang bukan Islam pula.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak beritahu bahawa di dalam kita hendak terangkan tentang ayat Quran tadi disebut Surah Al-Hudjurat itu, saya tahu sudah ayat itu tetapi tentulah ada asbabul nuzul yang dia tidak tahu. Untuk saya menerangkan perkara ini mungkin memerlukan satu masa yang lain sebab subjek yang saya hendak cakap ialah Kebudayaan Kebangsaan. Sebab itu dalam akhir ayat itu disebut yang maksudnya: "Semulia-mulia di antara kamu di sisi Allah—itu betullah Tuhan sudah sebut: ".dijadikan kamu daripada lelaki dan perempuan dalam bentuk yang berbilang bangsa dan kaum untuk kamu berkenalan-kenalan", tetapi akhir ayat itu disebut, "tetapi yang paling mulia di sisi Allah", akhir pada ayat itu ialah orang yang bertaqwa kepada Allah s.w.t. Tentulah satu significant.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Duduk! saya tak mahu beri. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Zubir bin Embong: Kamu jangan ganggu, saya tak mahu beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tak hendak beri. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri?

Tuan Zubir bin Embong: Saya tak beri.

Tuan Yang di-Pertua, soal Islam ini bukan milik parti PAS sahaja. (*Tepuk*) Orang yang mengetahui tentang Islam boleh membicarakan soal Islam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Sekarang saya hendak buat penerangan, hendak beri penerangan kepada Yang Berhormat dari Gopeng. Saya bukan hendak beri penerangan kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kerana saya sudah tahu dia itu tok guru.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tak beri penjelasan. Penjelasan apa sebab dia sudah tahu. Saya hendak jelas ini kepada orang yang tidak faham. Maka kepada orang yang faham kalau saya jelas tak ada guna.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jangan guna ayat untuk kepentingan diri.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak guna ayat untuk kepentingan diri saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan debate.

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi PASlah yang guna ayat untuk kepentingan diri PAS.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila duduk. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun memang hendak teruskan, dia pula ganggu, susah saya. Sikap mereka yang saya katakan tadi yang cuba membawa satu rangka tanggapan tentang bentuk sosio-politik Melayu yang berbedza daripada apa yang telah saya terangkan tadi, mungkin mereka ini, golongan ini meyakini bahawa segala reality hidup adalah merupakan hasil binaan dan usaha manusia semata-mata, yang boleh dibuat-buat dan bukan sebagai suatu natijah dan kehendak manifestasi kada' dan kadar Allah s.w.t., manifestasi alam ghaib.

Maksud saya di negeri sebelah sana Timur Jauh untuk orang-orang China, di sebelah sini alam Melayu, di sebelah sana alam India, kemudian jauh lagi alam Arab. Itulah dia manifestasi qada' dan qadar Allah Subhanahu wa-ta'ala dan mereka ini menafikan qada' ini, menafikan ketentuan ini tetapi meletakkan bahawa ianya boleh dibikin sebagaimana usaha yang telah dijalankan oleh satu negara yang berjiran dengan negara kita dan mahu menafikan sejarah di mana alam ghaib itu memang berkuasa untuk menentukan kewujudan umat manusia. Hal ini dinafikan sebagai satu realiti dan ia menganggap ianya boleh disusun semula. Dengan itu juga mereka cuba mengeneipkan realiti yang ada di Malaysia sebagai satu penentangan keras terhadap kesahihan tuntutan Melayu yang menganggap bahawa mereka sebagai pribumi yang sudah menakrifkan negara ini sebagai Darul Islam.

Dari fakta yang telah saya sebutkan tadi ia memaparkan bahawa Kebudayaan Kebangsaan adalah merupakan satu sistem konsep yang

boleh menjadi rangka pemikiran, pegangan dan penanaman sikap yang luas di kalangan warganegara Malaysia. Mengikut kaum bijak pandai menakrifkan kebudayaan adalah sebagai ciri-ciri hidup manusia yang dipelajari sebagai sistem perhubungan di antara individu dan masyarakat sebagai hasil penyesuaian anggota masyarakat dengan alam tabii sekitarnya dan mempunyai sifat perlanjutan melebihi hayat hidup manusia yang mendukung. Ciri-ciri ini akhirnya akan membentuk anasir-anasir yang kemudiannya menjadi tradisi, kemudiannya menjadi sejarah dan kemudiannya terus menjadi satu tamaddun, tetapi ianya mempunyai ikatan dengan masa. Ciptaan kebudayaan adalah satu rumusan kehidupan manusia yang relatif dan cucuk atau padan untuk tempoh masanya sahaja, namun demikian terdapat juga ciri kekal atau mutlak yang sesuai sepanjang masa. Dengan itu, pasti ada ciri yang asli atau teras yang menjadi perlanjutan budaya. Tanpa tunjangan yang keras ini tentulah tidak ada perlanjutan budaya. Maknanya juga apabila tidak ada perlanjutan budaya, tidak ada tamaddun dan juga ertinya tidak ada tradisi. Bahagian teras inilah yang lebih mutlak bagi pertumbuhan peradaban dan kelanjutan kewujudan manusia dan masyarakatnya. Demikian juga kebudayaan ini mempunyai ruang tempat tumbuh dan berkembang dengan mengalami perubahan, penambahan dan pengurangan. Dengan itu bahan-bahan kebudayaan dapat mencapai persamaan sifat dan keperibadian dalam masa dan pada tempat yang berlainan dalam satu wilayah budayanya kerana bahan budaya itu sentiasa terikat erat dengan identiti alamnya.

Semua bahan yang diambil dari alam budaya asing akan perlu mengalami pentafsiran semula sesuai dengan kerangka budaya yang mengambalnya, sama ada proses itu akan berlangsung

secara "defusion" yang perlahan ataupun "acculturation" yang rapat perhubungan antara budaya ataupun secara "domination" yang memaksakan proses pemindahan bahan di antara budaya. Walaupun begitu, integrasi bahan budaya sentiasa mengikut tahap-tahap penyesuaian melalui pendedahan, penerimaan, pemilihan dan akhirnya penyebatian jika didapati sesuai dengan keperluan dan nilai masyarakat yang mengambilnya.

Wujudnya keragaman budaya, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan hasil perpindahan dan penjelajahan kelompok dalam serumpun bangsa sebagaimana yang berlaku di alam Melayu, tetapi ianya berlangsung dalam satu wilayah budaya yang sama. Kes yang seperti ini mudah kerana ianya akan berlaku penyebatian yang kemudiannya akan melahirkan ciri teras atau induk yang sama tetapi yang menimbulkan masalah ialah budaya mendatang yang bersifat serpihan budaya asing, satu budaya yang serpihan kecil dari sistem masyarakat dan budaya kerana tidak ada golongan manusia atau kelompok masyarakat yang mana masyarakat itu dan budayanya dapat mengetahui seluruh kandungan budayanya. Itulah yang dimaksudkan "budaya serpihan budaya asing". Mereka yang datang ini kerap kali bukanlah datang daripada golongan yang "Mandarin" atau bangsawan, tetapi ialah pembawa budaya yang rendah dan kasar. Kalau kenyataan seperti ini benar, maka ia akan mengakibatkan berlakunya pertembungan antara budaya induk dengan budaya serpihan yang dibawa oleh golongan-golongan ini yang asing dan rendah dan tidak bermutu. Budaya serpihan ini pula tidak sama dengan budaya kecil atau budaya sukuan. Budaya serpihan adalah pecahan yang terhad dan terputus hubungannya dengan budaya induk. Itu yang saya maksudkan dengan "budaya serpihan".

Proses sejarah manusia nyata menyebabkan banyak budaya serpihan itu terpecah dan terpisah dari budaya induknya melalui proses penjelajahan atau penjajahan oleh negara asing. Kelompok-kelompok manusia berpindah dari satu alam budaya kepada alam budaya yang lain dengan cara sukarela atau paksaan yang penuh dengan eksploitasi, kekejaman dan layanan buruk. Faktor ekonomi dan politik penjajahan menganggap kumpulan orang asing yang dipindahkan di antara negara-negara jajahannya adalah hanya sebagai buruh, satu faktor pengeluaran atau negara perang yang murah untuk menyokong dan melindungi bilangan penjajah yang kecil yang memegang kuasa besar. Melalui penguasaan ke atas ekonomi, pentadbiran, teknologi perang dan organisasi tentera yang lebih cekap, manusia yang dipindahkan itu terdiri daripada golongan yang amat lemah dan daif, amat memerlukan penempatan yang terdiri daripada petani-petani miskin yang dipujuk atau dipaksa menjadi buruh dan kuli bagi sistem ekonomi di negara jajahan dan naungan melalui penggubalan undang-undang oleh mereka sendiri. Kumpulan ini yang terpisah dari budaya induk kerap menjadi mangsa tekanan dan kekejaman. Bukan sahaja kerana dianggap seperti barangan "factor of production" yang "impersonal" bahkan juga merupakan golongan bawahan yang miskin di dalam sistem budaya induk mereka. Penghijrahan mereka ke negara jajahan British adalah sebagai kuli dan buruh sementara untuk mencari kekayaan dan memperbaiki taraf hidup mereka yang akan kembali ke negara asal mereka kelak. Apakah fenomena ini wujud di negara kita?

Saya ada terbaca sebuah buku yang bertajuk "Comparative Studies In South East Asian Education", oleh Francis Wong Hoo Kee. Dia sebut di

sini, saya baca, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak membuktikan apa yang saya kata tadi sebagai betul;

“They have no intention of settling permanently abroad and assimilating themselves with the people among whom they live. They look upon their new home as a place of exile to which they had been driven by poverty. Its sole attraction was that they would make far more money there and they intended to return to China as soon as they could afford it. Eventually, the majority did so and were replaced by new comers. They were migrants and not permanent settlers and the new arrivals particularly had no loyalty to their adopted country. The Chinese had a superiority complex and looked upon their own culture as superior to those of other races. They were of course exceptions but broadly speaking the loyalty of the Chinese was reserved for China”.

Ini bukan kata saya, saya tidak kata macam ini, tetapi buku yang kata macam ini.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan. Apakah zaman yang Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sebut-sebutkan adakah itu zaman tahun 1980an atau satu abad lebih kurang 1,500 atau 1,600 atau 1,700. Adakah abad ini? Adakah tujuan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu menimbulkan pertanyaan taat setia orang China dan orang India yang hari ini bermastautin di negara ini yang sudah berpuluh-puluh tahun ada di negara ini. Ada yang semacam saya sudah tiga, empat generasi saya dilahirkan di sini dan akan mati di sini. Adakah dia menimbulkan soalan taat setia saya? Adakah itu tujuannya?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan kepada saya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

dari Petaling Jaya, senang sahaja. Saya cakap daripada awal-awal tadi, saya hendak sebutkan ini soal sejarah, sebab dengan sejarah itu kita jadikan panduan untuk membina masa depan negara. Kemudian saya quote ini sebagai menyokong apa yang saya hujahkan di sini. Maka ia bukanlah pemikiran saya sahaja. Ini juga pandangan yang dikemukakan oleh Francis Wong Hoo Kee. Kalau dia tidak percaya saya jemput dia supaya baca buku Francis Wong Hoo Kee. Bukannya orang Melayu tulis, tetapi Francis Wong Hoo Kee. Kemudian kalau betul dia kata dia generasi ketiga, tetapi dalam satu buku yang ditulis oleh Francis Wong Hoo Kee, saya petik “Even sixth generation”—walaupun selepas daripada 6 generasi orang China masih bersifat demikian. Saya baca di sini, dengan izin, “No immigrant group which has kept its own language exclusively has been assimilated in the developing countries. This point is well illustrated by the overseas Chinese, they have used their language as a defence against attempt to break their own community and even after sixth generation, they have remained foreigners in their country of adoption.”

Dr Ting Chew Peh: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Hendak minta penjelasan?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dua-tiga kali menyebutkan istilah asimilasi. Saya cuma ingin bertanya sama ada beliau benar-benar percaya bahawa asimilasi boleh berjaya di Malaysia dan saya juga ingin kalau dibenarkan buat satu petikan. Ini juga dari buku yang mengatakan, dalam bahasa Inggeris “Perhaps the alternative to a society tearing apart through excessive polarisation is not homogenisation but harmonisation”. Jadi, maksudnya di sini ialah barangkali jalan keluar kepada sesuatu

masyarakat yang hancur hasil daripada polarisasi kaum yang berlebihan, bukannya menyeragamkan semua kaum di negara itu, tetapi mengharmonikan kaum-kaum itu. Jadi, ini juga satu quotation daripada Andrew Greeley seorang tokoh sosiology. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat percaya bahawa cuma asimilasi, cuma keseragaman yang dapat mewujudkan perpaduan negara. Kalau beliau percaya itu, maka saya juga ingin bertanya mengapa Indonesia misalnya percaya kepada falsafah “Bhineka Tunggal Eka”, yang bermaksud penyatuan melalui kepelbagaian.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu belum habis saya jawab lagi. Maka izinkanlah saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Petaling Jaya dahulu sebelum saya pergi kepada Yang Berhormat dari Gopeng. Dia menyatakan bahawa apakah boleh dipersoalkan soal kesetiaan orang-orang China kepada negara ini. Saya bukan hendak mempersoalkan, saya beli satu buku yang bertajuk “National Culture and Democracy; Edited by Phuah Tiang Sung. Saya percaya Yang Berhormat dari Petaling Jaya baca buku ini. Saya petik apa yang disebutkan oleh “Joint Memorandum national Culture” submitted to the Ministry of Culture, Youth and Sports by the major Chinese Organisation in Malaysia, 1935. Hendak tahu siapa? Chinese Association mana! Saya bacakan:

“The Selangor Chinese Assembly Hall, Penang Chinese Town Hall, Perak Chinese Association, The Federation Chinese Association Johore State, Trengganu Chinese Assembly Hall, Kelantan Chinese Assembly Hall, Negeri Sembilan Chinese Assembly Hall, The Federation of Chinese Association Sarawak, United Chinese Schools

Committee Association of Malaysia, United Chinese Schools Teachers Association of Malaysia, Pahang Chinese Chambers of Commerce, Malacca Chinese Chambers of Commerce, Kedah Chinese Chambers of Commerce, Perlis Chinese Chambers of Commerce, Sabah United Chinese Chambers of Commerce. Di paragraph 4, our objection to present policies on National Culture.

Saya baca dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih. Paragraph 4 (1)—“We oppose the present policies on National Culture, language and education and the principles used by the Ministry of Culture, Youth and Sports to mould the National Culture”. Apakah ini tidak cukup untuk menjadi satu hujah dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu sendiri? Sila nyatakan kepada saya sebab apa gabungan golongan China, Persatuan-persatuan China seluruh Malaysia menyatakan “we oppose”, sedangkan dalam Dewan ini duduk, Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP dengan caranya menyatakan bahawa mereka menyokong. Itu hanya sekadar parti yang bermain dengan politik di dalam Dewan yang mulia ini.

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Tuan Zubir bin Embong: Duduk, tidak beri peluang. Tidak payah. Penjelasan ada kemudian.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 36 (10) (c). “Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu

kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948". Perkara-perkara Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sudah menimbulkan adalah bertujuan menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan perkauman.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk sekejap. Saya rasa belum sampai ke tahap itu lagi. Teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua pun tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi hadkan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya cerita sejarah, saya beritahu tadi Tuan Yang di-Pertua, saya letakkan "caveat" sebelum saya bercakap. Apa makna caveat, Tuan Yang di-Pertua? Maklumlah Yang Berhormat dari Petaling Jaya ini bukan seorang peguam, dia seorang doktor, jadi tidak tahu apa makna caveat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Maksud saya jangan langgar dengan kes-kes itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak, saya tidak langgar. Kalau saya langgar, Tuan Yang di-Pertua boleh stopkan saya, berhentikan saya, saya sedia berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Belum sampai ke tahap itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi saya hendak nyatakan di sini ialah kerana kita mesti merenung masa depan negara kita. Saya menganggap orang China dan orang India seperti saya juga, mempunyai hak, tetapi ada

justifikasinya dan inilah yang saya hendak terangkan kepada mereka dan dalam Dewan yang mulia merupakan satu forum yang terbaik untuk saya menerangkan perkara-perkara ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, daripada semalam sehingga hari ini saya nampak Yang Berhormat dari Gopeng ini dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hendak minta penjelasankah?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dari siapa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tetapi hendak kaitkan dengan Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Soalannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan debatekan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasannya begini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hendak minta penjelasan apa ini?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: "Bhineka Tunggal Eka" iaitu penyatuan melalui kepelbagaian di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta Yang Berhormat dari Kuala Terengganu menjelaskan adakah sama Malaysia dengan Indonesia sedangkan Malaysia ini adalah corak masyarakatnya bermajmuk, lain budaya, bahasa dan keturunan, sedangkan Indonesia itu satu rumpun bahasa, cuma mungkin ada sedikit-sedikit agama berbeza. Jadi apa fasal Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan Gopeng sibuk sangat dengan Indonesia ini? Adakah sebab dia hendak putar alam? Sila jawab Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat dari Marang itu kerana alam budaya yang sama yang telah saya terangkan tadi tetapi Yang Berhormat dari Gopeng—dia ini doktor tetapi tidak berapa dapat menangkap apa yang saya sudah kata, perpindahan dalam bentuk yang terpendcil, bentuk kepulauan tetapi melahirkan satu keseragaman.

“Bhineka Tunggal Eka”, itulah satu yang mana ia mempunyai suatu induk dan asas yang sama sedangkan dalam konteks yang sedang kita bicarakan sekarang ini adalah berbeza.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . .

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Kalau point of order, saya duduk, kalau tidak point of order, saya tidak duduk.

Tuan Sim Kwang Yang: Tolong beri “chance”. Jalan takut.

Tuan Zubir bin Embong: Okay.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bukanlah UMNO lawan UMNO, UMNO pun lawan MCA. Apa yang telah berlaku kepada Barisan Nasional?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu tidak timbul Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya keliru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan apa ini?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya minta penjelasan sahaja, apa yang telah berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, ini soal kita hendak cari kebaikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab itu Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Dia patut jaga hal DAP, jangan menjaga hal MCA dengan UMNO, UMNO dengan MCA memang baik, kita adik-beradik, macam saya dengan Yang Berhormat dari Gopeng. Kalau tidak, takkan saya beri macam ini. (*Ketawa*) Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi golongan buruh dan kuli ini dalam proses penyesuaian budaya yang berlaku secara sendiri dan terlindung melahirkan bersamanya suatu dorongan yang agresif, tambah lagi dalam keadaan ini termasuk kehadiran

kongsi gelap dan Mafia sebagai pelindung dan penyusun masyarakat mereka.

Apabila menyebut soal kongsi gelap dalam masyarakat Cina dan Mafia dalam masyarakat Cina, saya teringat apabila saya menonton satu filem "The Year of the Dragon"—mungkin Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menyaksikan filem itu. "The Year of the Dragon" menceritakan tentang masyarakat imigran Cina di Amerika Syarikat, bukan di Malaysia, di mana 4 unsur yang besar yang mahu dipaparkan oleh produser filem tersebut mengenai masyarakat imigran Cina di Amerika dalam "The Year of the Dragon".

Pertama ialah kongsi gelap; yang kedua ialah dadah; yang ketiga ialah pelacuran, yang keempat ialah perjudian. Saya harap keempat-empat ini bukan unsur dalam budaya Cina.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Tuan Zubir bin Embong: Memang panjang lagi. Saya diganggu begitu rupa, Tuan Yang di-Pertua patut memberi peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah satu jam, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Baru satu jam, itu perkara biasa, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 10 minit lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Terlalu tidak adil untuk saya hendak menerangkan perkara yang besar ini dalam tempoh 10 minit. Kerana saya masih ada lebih kurang sedikit sahaja lagi, berilah peluang kepada saya untuk menghabiskannya.

Dan dengan lindungan kuasa berserta dengan sistem kolonial ini, masyarakat serpihan berfungsi dalam sistem ekonomi kolonial sebagai budaya bertali, "parasitic culture", menghisap makanan dari kekayaan negara orang lain dengan tujuan untuk pulang ke negara asal. Mereka selalu menghujahkan bahawa kedatangan mereka ke negara-negara yang membawa ke negara-negara yang dijajah oleh Inggeris ialah untuk telah membawa kemajuan, pembangunan. Apa ertinya tujuan dan hasrat kedatangan mereka pada kali yang pertama? Ini harus dijelaskan.

Kedatangan mereka ialah bukannya untuk memberi pembangunan kepada negara yang dijajah oleh Inggeris tetapi kedatangan mereka ialah untuk mencari peluang kehidupan yang lebih baik dengan mengumpul wang sebanyak mungkin dan selepas itu pulang ke tanah asal mereka.

Jadi alasan kehadiran masyarakat serpihan ini adalah kerana kewujudan penjajahan dan kolonialisme tetapi kalau tidak ada penjajahan di negara ini maka tidak ada kedatangan orang-orang yang mendatang tadi tidak wujud pula kebudayaan serpihan yang terpisah daripada budaya induk mereka. Oleh itu, kepada kebudayaan serpihan ini perlulah mencari penyesuaian baru dalam konteks budaya tradisi dan peribumi untuk ia terus wujud. Untuk terus wujud ia memerlukan suatu perubahan asasi dari segi bentuk dan sikap serta isi dan fahaman.

Masyarakat majmuk sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Gopeng, masyarakat majmuk pernah disebut orang terutama oleh tokoh-tokoh politik, ianya kalau kita lihat daripada segi sejarah merupakan suatu konsep yang sangat mengelirukan kerana konsep masyarakat majmuk ini pernah dikekalkan oleh seorang pengkaji masyarakat yang bernama J. S. Funiver

dalam bukunya yang bertajuk "Netherlands/India—A Study of Plural Economy". Funiver mentakrifkan masyarakat majmuk seperti berikut:

"It is in the strictest sense a medley for they mix but do not combine. Each group holds by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet but only in the market place in buying and selling. There is a plural society with different sections of the community living side by side but separately within the same political unit".

Kajian Funiver adalah ke atas masyarakat kolonial, bukannya ke atas masyarakat tempatan yang merdeka. Ciri utama ditekankan oleh Funiver ialah kewujudan berdampingan tanpa interaksi yang mendalam antara golongan ethnic. Jika premis kolonial itu menjadi asas bagi pembentukan masyarakat majmuk, maka dalam masyarakat negara merdeka, sistem masyarakat bumiputeralah pula yang seharusnya berfungsi sebagai sistem induk. Dengan ketiadaan sistem kolonial, premis utama kemajmukan tidak wujud sama sekali. Demikian pula interaksi antara kaum sudah berlaku lebih mendalam dalam semua bidang kehidupan, lapisan dan sistem kemasyarakatan. Justeru itu, adalah tidak wajar dan tidak adil untuk mensifatkan masyarakat nasional di negara kita ini sebagai sebuah masyarakat majmuk.

Sebenarnya ada sebabnya kenapa fahaman kemajmukan itu sengaja dipertahankan atau cuba dikekalkan sebagai suatu ideologi politik seperti yang dibawa oleh DAP, ialah untuk meneruskan suatu kepentingan dan status perkauman serta mentality kolonialisme yang cuba mencabar kedudukan budaya induk. Dalam keadaan sekarang, persoalannya ialah bagaimana golongan mendatang dengan budaya serpihan yang digalakkan serta dilindungi oleh sistem

kolonial pada suatu masa dahulu harus menyelesaikan masalah mereka, berintegrasi di dalam konteks negara dan masyarakat yang berteraskan peribumi. Masalah ini ialah masalah masyarakat dengan budaya serpihan itu sendiri.

Saya ingin mengemukakan beberapa soalan untuk dijawab oleh mereka:

Apakah mereka mahu kekal dalam satu metos kepompong budaya asal mereka yang pun telah mengalami perubahan di negara asal mereka kerana penyesuaian iklim antarabangsa?

Atau, apakah mereka mahu terus kekal hidup dalam suatu cultural imperative sendiri dan territorial imperative di negara ini seperti fenomena "China Town" dan sebagainya dengan budaya asal mereka terus diamalkan tanpa interaksi dengan arus kebangsaan.

Yang ketiga, apakah mereka mahu menyertai dan terlibat dalam arus nasional. Kalau mereka mahu terlibat dalam arus nasional sudah tentu ianya menuntut perubahan yang amat radikal dalam sikap dan pegangan bersama menjadi penyambung megah kepada tradisi budaya dan kenegaraan kita. Tanpa perubahan radikal dalam budaya tradisi mereka ianya menjadikan kedudukan, keturunan kependatangan mereka sentiasa akan dipandang sebagai asing.

Sistem Kebudayaan Melayu yang telah lama berupaya memberi teras dan wadah bagi kewujudan negara, kewujudan rakyat di negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum dan keturunan. Zaman ini bukanlah pertama kali bangsa Melayu mengandungi berbagai asal dan keturunan manusia di dalamnya. Proses ini telah berkurun lamanya berlaku sehingga rupa bangsa yang bernama Melayu itu jarang sekali ditakrifkan dengan mudah secara fizikal, sebab itu ada di kalangan orang

Melayu yang warna kulitnya putih, ada juga di kalangan orang Melayu yang warna kulitnya sawo matang dan ada juga yang hitam manis. Jadi amat susah untuk mentakrifkan Melayu dari segi fizikal, kerana dia telah menerapkan semua bentuk ke dalam takrif Melayu tadi.

Ciri-ciri budaya Melayu dapat memberi pola-pola kelakuan yang distinctive sebagai Malaysia sambil ianya bersedia kepada perubahan moden. Setiap anggota masyarakat mempunyai satu pola tegas untuk berpegang dalam menghadapi desakan luar, tanpa terumbang-ambing yang merugikan masa dan tenaga muda di dalam mencari berbagai pola asing. Semua warganegara walau apapun keturunan mereka mesti mendapat kedudukan dalam sistem ini dengan meresapi nilai dan bentuknya.

Manusia perlukan akar umbi dalam negaranya dan tunjangan itulah didapati melalui pendirian tegas terhadap tradisi negaranya, bukan di atas tradisi bumi lain. Setiap gerakan politik masakini yang mahu mengekalkan mentaliti kolonial yang mengasingkan serta menentang arus kemajuan masyarakat yang sedang membentuk suatu wadah Kebudayaan Kebangsaan perlulah didedahkan dan diasingkan sebagai suatu perjuangan yang ketinggalan zaman.

Adalah lebih malang lagi jika mereka mahu mengekalkan pemikiran atau mentaliti teras dagang dan imigresen, di mana negara tempat wujud ini hanya merupakan tempat singgah sahaja dan bukan tempat untuk menyatakan seluruh dan sepenuhnya ikatan kesetiaan jiwa dan semangat pengucapan kasih dan orientasi sikap, selama itulah golongan ini akan kekal dengan ciri budaya mendatang, tetap dipandang sebagai dagang dan asing tanpa diberi pengiktirafan terhadap kehadiran dan sumbangan mereka.

Masyarakat dunia selepas zaman kolonial ternyata teguh menegapkan sistem pemerintahan moden yang demokratis, tetapi berteraskan kelanjutan kedaulatan dan kewibawaan peribumi terutama pada status ketua negara yang berdaulat tinggi. Masyarakat mendatang sebagai serpihan masyarakat asal mereka amat bergantung kehidupan dan kedudukan mereka kepada niat dan kehendak masyarakat teras peribumi. Kedudukan mereka ditakrifkan oleh masyarakat teras, meskipun biasanya kedudukan itu ditakrifkan dan ditentukan dalam sebuah Perlembagaan Negara yang disifatkan sebagai kompromi demokratis di antara masyarakat peribumi dengan masyarakat mendatang. Oleh itu perubahan sikap dan orientasi yang beradikal.....

Tuan Chua Jui Meng (Bakri):
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bakri bangun.

Tuan Chua Jui Meng: On a point of order. Saya minta Tuan Yang di-Pertua ambilkira 36 (10) (b) dan 10 (c).

Pada pandangan saya sudah sampai tahap, itu satu ucapan yang menghasut dan kita tidak boleh menggunakan "pendatang" atau "datang daripada asing". Itu menaikkan sikap atau semangat bermusuhan-musuhan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera atau Melayu dengan bukan Melayu. Saya minta keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dari segi sejarah.....

Tuan Chua Jui Meng: Bukan sahaja sejarah, dia bukan sebutkan sejarah ini.....

Tuan Zubir bin Embong: Bahagian mana Tuan Yang di-Pertua, sebutlah dengan jelas, kalau hendak sebut

“order” sebutlah dengan jelas “order!” ini bahagiannya, ucapan mana yang saya sebut?

Tuan Chua Jui Meng: Standing Order.....

Tuan Zubir bin Embong:ialah ucapan mana?

Tuan Chua Jui Meng: Saya sudah sabar lama....

Tuan Zubir bin Embong: Apa perkataan yang telah saya sebutkan?

Tuan Chua Jui Meng: Saya sudah sabar lama, sebab niatnya jahat tetapi beliau bukan menggunakan lidah sendiri, beliau menggunakan lidah lain orang, tetapi sasarannya tetap, kita tahu beliau hendak menaikkan perasaan permusuhan-permusuhan antara kaum dengan kaum lain. Saya minta keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila gulungkan.

Tuan Zubir bin Embong: Oleh itu perubahan sikap dan orientasi yang radikal sangat diperlukan kerana mereka yang termasuk ke dalam lengkongan kenegaraan peribumi, yang merupakan warganegara yang harus menyertai sistem teras dan kebangsaan. Kebudayaan Kebangsaan semestinya berasaskan kepada kebudayaan peribumi dan persaingan dengan unsur-unsur asing haruslah dihentikan, persaingan ertinya mencabar kedudukan ulung budaya peribumi kekuasaan daulatnya. Ertinya juga mencabar perjalanan sejarah dan akhirnya lahir perjuangan di antara Sistem Budaya Kebangsaan dengan sistem budaya serpihan.

Untuk keharmonian saya syorkan perlu ada sikap menerima dan menghormati, keutamaan peribumi jangan dierti sebagai sekatan kebebasan individu untuk hidup

seperti yang diinginkan oleh mereka. Kebebasan individu untuk memilih cara hidup adalah hak asasi manusia, persoalan apakah segolongan individu itu sengaja menyusun kelompok mereka untuk memperjuangkan ciri budaya kelompoknya lalu mencabar kedudukan budaya teras dan induk pada peringkat nasional harus dipandang sebagai suatu yang sihat kepada pembinaan Kebudayaan Nasional. Oleh itu pembinaan Kebudayaan Kebangsaan wajarlah dipandang sebagai suatu penerapan nilai dan penyertaan dalam bentuk-bentuk Budaya Kebangsaan, secara rela dan kemahuan sendiri oleh individu-individu.

Memang diakui bahawa setiap kelompok mempunyai pegangan identiti bagi keperluan perpaduan dalam kelompok yang lebih besar, tetapi harus diingat identiti kelompok hanya berfungsi pada tahap kelompok kecil sahaja dan tidak harus digembelinkan dalam kancah politik untuk naik mencabar ke tahap kebangsaan. Apakala identiti kaum dan ethnic yang asing rupanya dan sifatnya apa lagi sebagai serpihan tradisi kecil daripada budaya luar mahu dikembangkan sebagai alternative, tindakan ini memancarkan keterasingan kaum itu dari arus nasional.

Perjuangan untuk mengembangkan ciri budaya asing seperti itu adalah gambaran sikap walaupun dia menganggap dia warganegara, tetapi menggambarkan sikap dagang warganegara itu sendiri yang belum mendapat akar umbi di negara ini. Sudah pasti penerimaan kedudukan sebagai warganegara berertinya bersama penerimaan itu obligasi kepada setiap individu untuk menerima dan mengamalkan sepenuhnya sistem kebudayaan dan nilai-nilai serta-menyertai bentuk-bentuk budaya yang menjadi asas kehidupan dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sukalah saya minta Yang Berhormat gulungkan. Satu minit.

Tuan Zubir bin Embong: Kerakyatan adalah barangkali suatu hak dan status yang diberi dengan takrifan khusus dalam Perlembagaan. Menerimanya juga ialah suatu bererti rela untuk menerima segala implikasinya. Apabila implikasinya ditolak, maka sudah tentu hak kerakyatan itu boleh dipersoalkan. Keanggotaan seseorang dalam negara mesti dipandang lebih tinggi daripada keanggotaan dalam satu kumpulan atau kaum. Oleh kerana seorang warganegara itu bergantung hidup dan rezeki kepada negara, maka ia mempunyai obligasi besar untuk tunduk di bawah kehendak negaranya. Identiti kaum tidak memberi fungsi sedemikian dan keanggotaan kaum adalah tidak bermakna tanpa negara. Oleh itu, keanggotaan kepada negara adalah lebih diperlukan daripada keanggotaan kepada kaum itu sendiri. Segala implikasinya sebagai warganegara ialah menerima segala obligasi dengan sepenuhnya dan bukan dengan secara terpilih, yang dia suka dipertahankan sebagai legitimate, yang dia tidak suka, dipersoalkan sebagai paksaan. Kelakuan seperti inilah suatu kelakuan orang-orang munafik, mulut menerima dan hati menolak serta melakukan sesuatu yang bertentangan. Kemunafikan tidak boleh dibiarkan di dalam sesebuah negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Ada dua baris lagi, Tuan Yang di-Pertua. Fungsi penerapan nilai dan pola kebangsaan yang lebih-lebih lagi utama bagi kalangan anak-anak Malaysia yang bakal pewaris sah kepada pemerintahan negara ini, mereka harus dapat menegakkan identiti negara dengan penuh yakin, bangsa dan

bermaruah di kalangan bangsa-bangsa seluruh dunia. Mereka tidak wajar diajar ciri-ciri asing dari luar alam budaya yang tidak relevant dengan kewujudan mereka sebagai warganegara di Malaysia. Kenapa perlu anak-anak kita belajar bahasa asing jika itu hanya beban kepada pembinaan dan kemajuan peribadinya sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai bahasa sendiri. Bahasa tambahan seperti bahasa kedua dan ketiga hanya perlu bagi tugas untuk mendapatkan ilmu dalam bahasa lain, untuk memperkaya dan membangun kebudayaan itu sendiri. Apakala bahasa itu. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Zubir bin Embong: Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua menyuruh saya berhenti, maka dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Saratok.

5.04 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama rakan-rakan yang lain memberi terima kasih dan menyokong penuh Titah Ucapan Di-Raja semasa pembukaan penggal yang kedua Parlimen yang Ketujuh sekarang dan suka mengambil kesempatan di sini untuk memberi pandangan diri saya tentang Titah Ucapan Di-Raja itu.

Sebagai sebuah parti dalam negeri Sarawak, saya suka mengulangkan sokongan yang telah diberi oleh parti SNAP kepada pucuk pimpinan di peringkat Pusat yang ada sekarang meneruskan kepimpinan itu supaya

kestabilan politik di negara kita dapat diwujudkan dan segala pembangunan dapat berjalan dengan licin. Begitu juga segala pelaburan dari luar negeri ataupun dalam negara kita sendiri makin bertambah dari masa ke semasa dan rakyat di seluruh negara dapat menikmati segala kemudahan dan perubahan yang baik untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di-Raja ada memberi terima kasih kepada Angkatan Tentera ataupun Security Forces, dengan izin, kita di negara ini. Di sini saya suka menyambung sedikit apa yang telah disentuh oleh Timbalan Menteri Pertahanan dalam Dewan ini tempoh lalu berkenaan dengan butir-butir penghargaan yang sedang difikirkan dan sumbangan Kerajaan dan rakyat kepada pahlawan kita yang telah dikurniakan pingat keberanian tertinggi negara, iaitu Sri Pahlawan Gagah Perkasa. Tetapi pada masa sekarang, belum lagi kita dengar, apakah keputusan tentang penghargaan itu. Saya telah mengetahui iaitu Kerajaan Negeri Sarawak ada memberi sumbangan kepada seorang penerima anugerah tertinggi ini. Ianya pegawai waran I yang bersara, Kanang anak Langkau, s.p., p.g.b. iaitu pingat yang kedua. Tetapi sumbangan itu tidaklah berkekalan sebab sumbangan yang berkekalan, haknya Kerajaan Pusat sahaja dapat memikirkan dan sekiranya tepat pada masanya ini boleh diatur oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, apa saya maksudkan di sini, penerima anugerah yang tertinggi di negara kita kepada seseorang pahlawan patut disamakan mengikut cita-cita Perdana Menteri kita dan pandangan pemimpin-pemimpin yang lain dalam negara kita ini terhadap taraf hidup ataupun taraf negara kita patut disamakan dengan negara lain dalam dunia ini. Jadi, maksudnya iaitu anugerah pahlawan tertinggi di negara kita ini, sipenerima

itu patut disamakan tarafnya dengan anugerah yang tertinggi macam misalnya di negara Great Britain iaitu Victoria Cross. Saya telah diberitahu iaitu penerima Victoria Cross ada diberi pencen dan sekiranya pencen ini kalau diberi nanti, peraturannya patut mengikut pencen biasa iaitu kalau penerimanya telah meninggal dunia, balunya dapat menerima separuh dari pencen suaminya dan begitu juga anak-anak sipenerima itu kalau umurnya belum sampai 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pengambilan Tentera Darat, saya dapat tahu dari suratkhbar tempatan iaitu di Sarawak, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ada menyeru supaya pemuda-pemuda di Sarawak dapat masuk dan berkhidmat sebagai anggota Tentera Darat. Adakah orang pemuda-pemuda di Sarawak tidak macam masa dahulu? Di masa lampau yang saya ketahui dari akhir tahun 1940an ataupun 50an ataupun 60an ataupun awal 70an, anak-anak Sarawak suka sekali berkhidmat dalam Tentera Darat. Jikalau tujuan Timbalan Menteri berkenaan mengeluarkan di suratkhbar setempat kerana anak Sarawak sekarang tidak macam dahulu, tentu sebabnya dapat diketahui. Kalau tidak, adakah Kementerian berkenaan berusaha mencari sebab-sebabnya sekarang.

Di sini saya suka memberi pandangan bukannya tentang pengambilan Tentera Darat sahaja, tetapi dapat mengatur langkah-langkah supaya segala projek misalnya projek parit dan taliair, peruntukan perbelanjaan capital cost, dengan izin, dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pertanian Persekutuan. Sekiranya ukuran tidak memuaskan kalau dibanding dengan keadaan di Semenanjung, patutlah diberi pertimbangan kepada projek di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun meluluskan satu projek,

oleh kerana projek begini kalau dia sudah berjalan dengan lancar beberapa tahun kemudian tentu dapat memberi hasil yang lebih daripada apa yang didapati oleh orang yang memasuki projek itu di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun meluluskan satu projek ada berlainan jika dibandingkan dengan memberi kemudahan atau perasaan yang sama sekeluarga dalam Angkatan Tentera walaupun pegawai-pegawai dan perajurit itu daripada Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak tentu sekali tiada sebabnya anak-anak Sarawak kalau ada, kurang keyakinan untuk berkhidmat di Angkatan Tentera sekarang. Saya harap apa yang keluar dalam suratkhbar tempatan di Sarawak minggu lepas ialah pemberitahu dengan orang ramai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi pandangan mengenai peruntukan yang diagih kepada orang-orang di luar bandar supaya dapat menikmati kemudahan janakuasa elektrik ke dalam rumah-rumah mereka lebih-lebih lagi kepada negeri Sarawak mengikut peruntukan yang difikirkan sesuai dan seimbang memandangkan keadaan di negeri Sarawak semasa merancang Rancangan Malaysia Kelima. Sebanyak \$227 juta telah disampaikan kepada Kerajaan Pusat tetapi hanya \$30 juta yang diberi kepada negeri Sarawak untuk tahun 1986 dan tidak ada peruntukan untuk tahun 1987 lepas, dan saya dapat tahu tahun 1988 ini hanya \$3.98 juta sahaja dan dijanjikan untuk tahun 1989 dan 1990 ialah \$4 juta tiap-tiap satu tahun. Maknanya kurang dari satu suku sahaja yang dapat diberi oleh Kerajaan Pusat dalam masa Rancangan Malaysia Kelima, sekiranya tidak ada ditambah lagi untuk tahun 1988, 1989 dan tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan yang sebenar, di kawasan saya di Seratok, iaitu pekan Seratok, sungguhpun penduduknya jauh kekurangan jika dibandingkan dengan pekan di Semenanjung di sini, tetapi pekan ini telah mencapai lamanya 100 tahun, tahun ini. Ada 367 keluarga mendapat janakuasa elektrik daripada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat dan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Elektrik Sarawak pada tahun 1975. Sebelum itu terdapat janakuasa elektrik dari orang perseorangan, private supply, dengan izin. Kebanyakan orang ini ialah daripada orang-orang kedai dan pegawai-pegawai Kerajaan yang berhampiran. Selepas itu dalam tahun 1983, 38 keluarga daripada orang yang mempunyai rumah dan pekebun-pekebun sepanjang 5 kilometer dari simpang jalan dari pekan Seratok sampai ke jalanraya utama Sarawak. Dengan adanya peruntukan \$30 million kepada Sarawak dalam tahun 1986, orang-orang di Kampung Masjid di sebelah ulu dan Kampung Melango di sebelah hilir berhampiran dengan pekan dan Pejabat Daerah di Seratok, sebanyak 172 keluarga telah mendapat janakuasa elektrik.

Akhir sekali, kebanyakannya 70 keluarga orang-orang di sebuah rumah panjang dan rumah perseorangan di tepi jalanraya utama Sarawak mendapat janakuasa elektrik dalam tahun 1987 dengan memakai peruntukan yang diagih dari Kerajaan Pusat dalam tahun 1986. Di sinilah saya menyeru Kerajaan Pusat dan Kementerian Kewangan menambah peruntukan kepada negeri Sarawak supaya dapat menyambung dan memberi kemudahan janakuasa elektrik kepada rumah-rumah panjang dan rumah perseorangan di sepanjang jalanraya utama dan simpang-simpang jalan yang berdekatan dengan pekan Seratok. Begitu juga dengan rumah-rumah panjang dan rumah

perseorangan yang berdekatan dengan pekan-pekan yang lain seluruh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi di Dewan yang mulia ini saya menyeru Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kewangan memberi lebih perhatian mengenai peruntukan kepada negeri Sarawak untuk membaiki dan menurap jalan utama Kuching ke Miri lebih-kurang 2/3 yang belum dibaiki dan diturap supaya keadaan jalanraya utama itu apabila siap dari Kuching sampai ke Miri tentu sekali melahirkan perasaan kasih sayang Kerajaan Pusat kepada rakyat luar bandar di negeri Sarawak lebih-lebih lagi jalanraya utama tersebut telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Pusat baru-baru ini.

Sungguhpun keadaan jalanraya utama tidak semacam awal tahun 1986 yang saya huraikan di hujung tahun 1986 dahulu di Dewan ini, kerana banyak tempat jalanraya utama ini telah disembur dengan batu tetapi apabila hujan pada hujung tahun 1987 dan awal tahun 1988 ini, keseluruhan jalan yang belum dibaiki dan diturap timbullah longkang di sana sini dan kenderaan yang baru sahaja didapati tahan lasak, manakala kenderaan yang dua tahun lamanya itu tetap mengalami bermacam-macam masalah dan kenderaan baru itupun apabila berjalan di jalan ini lekas menjadi lama rosak.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Oleh sebab itulah, dengan semangat bertolak ansur dan mengetahui keadaan yang sebenar di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi negeri yang masih mundur, terutamanya rakyat luar bandar di Sarawak, saya yakin Kementerian Kewangan dan Kerajaan Pusat menerusi Kementerian

Kerjaraya dapat memikir dengan mendalam supaya masalah yang dirasakan sekarang apabila jalanraya utama telah siap dibaiki dan diturap, tidak timbul lagi segala masalah yang dihadapi sekarang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.16 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian berucap bagi menjunjung kasih di atas Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada Persidangan Belanjawan tahun lalu, saya tidak sempat mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan Negara oleh kerana pada waktu itu saya telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah s.w.t. sesudah 47 hari dalam tahanan, akhirnya saya dibebaskan tanpa syarat. Pembebasan saya membuktikan kepada seluruh negara bahawa saya bukanlah di antara golongan-golongan yang boleh mencetuskan huru-hara atau ketegangan negara sebagaimana kehendak di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh itu saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ketua Polis Negara dan lebih-lebih lagi kepada pihak Polis yang bertanggungjawab yang akhirnya mencadangkan supaya saya dibebaskan tanpa syarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan ini di atas beberapa tajuk iaitu perkara-perkara pokok sebagai mukaddimah, dan kemudian mengenai kemiskinan dan ekonomi negara, mengenai ASEAN dan Dasar Luar Negara kita, Dasar Kebudayaan Nasional dan lain-lain, jika kesempatan masa.

Tuan Yang di-Pertua, nasionalisme adalah senjata dan falsafah perjuangan kita sejak kita berjuang mencapai kemerdekaan negara. Sekarang kita memerlukan sebuah semboyan dan falsafah yang universal bagi memastikan kita boleh hidup sebagai sebuah masyarakat inter-national dengan aman dan selamat. Semua bangsa hari ini ditimpa bencana apa yang dikatakan kacau-bilau agung di abad ke-20. Masing-masing cuba mencari jalan tersendiri untuk membebaskan diri dari petaka abad ke-20 ini. Oleh itu, kita secara berani mestilah keluar dari kemelut ini sama ada bersendirian atau bersama negara-negara lain.

Adakah kita mampu membebaskan diri kita dari kemelut ini? Kalau kita membiarkan gejala negatif bergabung dengan gejala negatif lain untuk terus mencengkam kita. Faham kebendaan dan chauvinistic mencetuskan sesuatu krisis kepada masyarakat kita. Beberapa skandal di negara kita seperti kita tahu berpunca dari faham kebendaan yang dahsyat dan menakutkan termasuklah peristiwa-peristiwa chauvinistic sepertimana kita tahu skandal BMF, penyelewengan koperasi, peristiwa membangkitkan isu-isu ataupun perkara-perkara yang telah termaktub di dalam Perlembagaan di waktu kita mencapai kemerdekaan dahulu dan berbagai peristiwa lagi. Gejala-gejala negatif inilah yang menjadikan politik dipandang jijik oleh kalangan muda-mudi yang idealistik.

Tuan Yang di-Pertua, inilah soal yang perlu kita fikirkan hari ini. Inilah tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua Ahli-ahli Dewan. Inilah bebanan yang harus diselesaikan oleh kepimpinan parti-parti politik di negara kita. Selagi mana kita membiarkan fahaman kebendaan dan chauvinistic mengawasi diri kita, aktivis politik dan ahli-ahli maka selama itulah masalah perpaduan

negara sukar ditemui. Selagi mana kita membiarkan gejala negatif ini mencengkam kita maka selama itulah kita berada di bawah bayangan takut kepada bayang-bayang sendiri. Sesungguhnya kita sedang menunggu, memanggil dan membina zaman kemusnahan bangsa kita.

Perpecahan yang berlaku di dalam negara kita sejak akhir-akhir ini, perpecahan masyarakat Melayu yang semakin jelas dan meruncingkan. Pemisahan orang-orang Melayu kepada parti pemerintah dan parti pembangkang semakin ketara di mana parti pemerintah dan PAS menjadi dua parti yang terbesar yang sentiasa bersengketa dan berkonfrantasi. Begitu juga parti pemerintah dengan parti DAP. Ini jelas sudah cukup kalau kita lihat kepada trajedi-trajedi yang telah berlaku seperti di Lubuk Merbau dan Memali.

Kita Ahli-ahli Dewan supaya dapat berfikir secara rasional dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara. Kita dengan dada yang terbuka dan fikiran yang menerima, harus melihat bahawa kejadian seperti ini akan mengancam keselamatan negara. Sejarah mengajar kita bahawa keruntuhan sesuatu bangsa itu semakin hampir apabila mereka dilanda apa yang saya maksudkan itu. Bila fahaman Arab dan Memali, fahaman Syiah dan Quarish mencengkam Kerajaan Bani Umayyah, maka kita dapati Kerajaan tersebut telah tersungkur. Begitu juga nasib yang menimpa Kerajaan Abbasiah di Baghdad.

Adakah kita hari ini sedang menunggu suatu peringatan dari Tuhan iaitu dia akan menukarkan kepimpinan sesuatu bangsa dari benih yang lain. Peringatan ini jelas kepada kita apabila Tuhan meruntuhkan Dinasti Abbasiah yang dilanda krisis oleh serangan orang-orang Tartar di bawah Timurlang dan Hulagu.

Di peringkat awal kemerdekaan negara, biarpun terdapat perpecahan dari segi fahaman agama dan politik tetapi perpecahan di waktu itu dapat diatasi dengan semangat perpaduan dan perjuangan kebangsaan yang kuat. Sekarang semangat perjuangan kebangsaan sudah pudar dan politik kebangsaan sudah diganti dengan politik wang dan politik kuasa dan semangat perpaduan sudah digantikan dengan semangat yang boleh memecahbelahkan.

Adakah ianya lahir kerana penyelewengan di kalangan parti-parti politik atau kerana ketidakseimbangan falsafah kebangsaan demokrasi sekarang atau kerana kadang-kadang kedua-duanya sekali.

Tradisi mengkritik untuk kebaikan bersama harus dipupuk di dalam masyarakat kita. Kritikan-kritikan hendaklah dibuat dengan kaedah yang bertujuan untuk membetulkan penyelewengan dan tidak menganggap bertujuan merosakkan. Kritikan cara ini boleh membetulkan penyelewengan dan boleh membangun bangsa dan negara kita.

Tradisi mengkritik sebenarnya adalah amalan yang sihat dan menjadi suruhan Tuhan sepertimana firmanNya yang bermaksud "kamu orang-orang mukmin adalah umat yang telah diwujudkan di dunia, kamu menyeru kebaikan dan melarang kejahatan dan berimanlah kepada Allah s.w.t."

Konsep demokrasi mencangkup di dalamnya kebebasan untuk mengkritik penyelewengan dalam masyarakat. Tetapi kebebasan mengkritik yang dihalalkan oleh konsep demokrasi itu telah disalah-tafsirkan oleh pihak-pihak tertentu. Peringatan Tuhan yang bermaksud "kamu hendaklah melawan kejahatan dengan cara yang terbaik supaya seorang yang dahulunya musuh kamu, boleh menjadi kawan yang rapat". Oleh itu marilah kita Ahli-ahli

Dewan sekali-an berfikir dan bertindak secara rasional serta berunding secara bijaksana di antara kita untuk mencapai perpaduan serta memperkukuhkan ketahanan negara.

Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan sejak lebih 30 tahun, biarpun kita telah mendewasakan diri kita bersama lanjutan usia demokrasi di negara ini, biarpun kita telah menyesuaikan sistem liberal demokratik dengan selera bangsa kita, tetapi kita masih tidak mampu membebaskan diri dari pemahaman masyarakat terbahagi dua iaitu pembangkang dan Kerajaan.

Kesan dari pemahaman yang salah itulah maka setengah di kalangan kita menganggap bahawa tugas mengkritik hanya boleh dilakukan oleh pihak pembangkang sahaja. Tugas Wakil Kerajaan hanyalah memberi sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan manakala anggapan yang salah ini membawa erti bahawa kritikan tidak boleh dilakukan dari dalam Kerajaan atau parti pemerintah. Oleh itu terjadilah perpecahan di dalam masyarakat di mana tugas anggota Kerajaan atau parti Kerajaan ialah menyokong Kerajaan tanpa syarat dan tugas parti pembangkang mengkritik Kerajaan tanpa syarat.

Anihnya, kejadian seperti ini tidak berlaku di Eropah dan Amerika Syarikat. Adakah ini menandakan demokrasi mereka lebih dewasa daripada kita? Adakah ini menunjukkan suatu amalan biasa di negara dunia ketiga. Adakah ini menunjukkan kita benar-benar mengenali erti demokrasi? Tugas mengkritik yang bathil haruslah dilakukan oleh semua pihak. Tugas menyokong yang makruf haruslah dilakukan oleh semua pihak. Hanya dengan berbuat demikian barulah kita boleh membangunkan bangsa dan negara kita. Dapatkah kita melahirkan sebuah negara yang baik dan kukuh

kalau kita tidak boleh mengkritik sesuatu yang bathil dan kita sendiri tidak boleh berbuat baik? Oleh itu kritikan dan sokongan adalah dua pertimbangan daripada suatu neraca kebenaran dan keadilan. Jika tidak dilakukan kritikan terhadap kebathilan dan kezaliman, bagaimana kezaliman dan kebathilan boleh terhapus. Kita telah saksikan bahawa banyak pendedahan dan kritikan berlaku di barat dan di Amerika Syarikat yang bertujuan untuk menegakkan kebathilan.

Peristiwa Profumo di Britain dan skandal Watergate di USA adalah sebagai contoh di mana kritikan-kritikan boleh dilakukan dari dalam Kerajaan. Fenomena ini berbeza dengan kita di mana sekarang kita terpaksa melakukan sesuatu tetapi kadang-kadang disalah anggap oleh pihak-pihak tertentu.

Kita sebagai bangsa yang bermaruah dan merdeka haruslah memilih satu cara baru yang boleh menyelamatkan bangsa kita dan kita tidak boleh berterusan menuju ke jalan yang semakin kusut dan sesat ini. Kejayaan dan kegagalan bangsa kita adalah ditentukan oleh kita dengan pertolongan daripada Allah s.w.t.

Hari ini kita umat Melayu ataupun parti pemerintah dan parti pembangkang berpecah hebat. Perpaduan umat Melayu dan perpaduan bangsa turut terjejas. Kita mestilah secara jujur mengakui bahawa perpecahan bangsa kita berpunca dari sectorism ideology. Masing-masing parti membawa ideologi dan maksud kepada ideologi-ideologi itu. Ideologi-ideologi inilah yang menimbulkan salah faham baik pada corak politik mahupun bukan. Inilah punca perpecahan kita yang sebenarnya.

Ini semua sebagai ingatan kepada kita iaitu semakin jauh kita menyusur ke akar maka semakin tinggilah risiko

yang akan kita hadapi. Tetapi kita yakin pemimpin kita yang jujur serta patriotik akan berusaha ke arah penyatuan umat Melayu dan bangsa kita. Semoga dengan ini kita dapat melayani umat Melayu kita dengan cara yang paling baik. Semoga kita diberkati Allah s.w.t. kerana mengingati firmannya yang bermaksud "Katakanlah kepada hamba-hambaKu supaya mereka menyelami sesama sendiri dengan cara yang paling baik kerana syaitan sentiasa akan mencuba untuk memecah-belahkan mereka. Syaitan sebenarnya ialah musuh ketat manusia".

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita juga berhadapan dengan kemelut ekonomi negara. Masalah kemiskinan masih menghantui rakyat. Masalah pengangguran telah menjadi serius dan boleh mencengkam golongan siswazah. Masalah kedudukan modal asing harus difikirkan secara terbuka dan rasional. Masalah program dan teori ekonomi negara perlu dikaji dan diteliti akan keberkesannya. Dijangka perkembangan ekonomi yang pesat selama dua dekad di antara 1970 hingga 1990 akan mempercepatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Ramalan tentang penurunan tingkat kemiskinan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 17% pada tahun 1990 nampaknya akan meleset.

Begitu juga dengan ketetapan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berada di sekitar 800 tahun jauh dan kejituan. Perangkaan tahun 1984 menunjukkan kadar kemiskinan luar bandar ialah 24.7% sedangkan di kawasan bandar hanya 8.2%.

Kalau dilihat mengikut pecahan pekerjaan dan perbandingan antara tahun 1970 hingga 1984 maka kita dapati kedudukan kemiskinan luar bandar ialah: pekebun kecil getah 64.7% manakala tahun 1984 43.4%, penanam padi 88.1% tahun 1970

manakala 57.7% tahun 1984, nelayan 73.2% tahun 1970, 20.7% tahun 1984, pekebun kecil kelapa 52.8%, 46.9% tahun 1984, petani-petani lain 89% tahun 1970 dan 34.2% tahun 1984.

Banyak teori-teori kemiskinan luar bandar dikemukakan. Zaaba melalui, dengan izin, dalam buku bertajuk *The Poverty of the Malays* menyentuh soal sikap orang Melayu. Professor Di Raja Ungku Aziz mengingatkan dengan penindasan malangnya membataskan dirinya kepada peringkat yang paling rendah sekali iaitu orang tengah, tuan tanah dan peminjam wang.

Isi keluarga kemiskinan telah bertambah sebanyak 81,700. Isi keluarga kalau dibandingkan tahun 1980 ke 1983. Pada tahun 1980 terdapat 653,000 isi keluarga tetapi pada tahun 1983 ia meningkat kepada 717,600 isi keluarga. Jika peratus saiz keluarga seramai 5 orang, ini bermakna dalam tempoh tiga tahun kita dapati seramai hampir setengah juta rakyat kita ditelan oleh bencana kemiskinan.

Perangkaan tahun 1984 menunjukkan terdapat 18.4% atau kira-kira 2.5 juta rakyat di Semenanjung Malaysia di himpit kemiskinan. Adakah kita dapat menghalalkan petaka ini dengan menyalahkan kemelesetan ekonomi dunia sahaja dan kita boleh bergembira dengan 2.5 juta itu terlalu kecil kalau dibandingkan dengan jumlah 1,200 juta penduduk dunia dilanda kemiskinan.

Kita tidak boleh memandang ringan kerana 1.2 juta rakyat miskin itu merupakan suatu jumlah yang besar kepada kita. Pertambahan hampir setengah juta selama tiga tahun dari tahun 1980 hingga 1983 itu menunjukkan suatu pertambahan yang tidak menggembirakan. Kita perlu insaf dan sedar bahawa mereka juga berhak ke atas kekayaan di negara ini.

Kita menjadi anih memikirkan tamaddun moden dengan segala kemajuan sains dan teknologi tidak boleh menyelesaikan masalah kemiskinan. Dunia memiliki 1,200 juta manusia yang berada di bawah paras kemiskinan. Negara kita menyimpan 2.5 juta dari jumlahnya.

Mengikut Michael Harington dalam "The Other America" melaporkan 25% daripada rakyat Amerika hidup dalam kemiskinan. Mengikut Harris Holmes dalam "The Saint Society" ketidaksamaan pendapatan lebih luas di Rusia dari Amerika atau England. Kekuasaan negara dan perbezaan kelas lebih besar di Rusia dari mana-mana negara kapitalis. Adakah kekayaan negara kita ini dan dunia seluruhnya kerana kemiskinan itu seperti mana dianggap oleh Gerner Midele iaitu putaran kemiskinan itu sebagai putaran ganas.

Negara kita telah lama bergantung kepada modal asing. Sejak merdeka hingga hari ini kita masih diyakini bahawa syarikat-syarikat gergasi antarabangsa iaitu Multi National Corporation merupakan ejen yang penting dalam proses pembangunan perindustrian negara hingga hampir keseluruhan pembangunan negara ASEAN yang berteraskan sektor perkilangan pembuatan memerlukan keadilan asing supaya matlamat pembangunan akan tercapai.

Perindustrian melalui pelaburan asing dapat mengurangkan pengangguran kerana peluang-peluang pekerjaan yang disediakan dan pelabur tempatan tidak mempunyai kemahiran seperti syarikat-syarikat antarabangsa dan teknologi yang dibawa bersama oleh pelabur asing dapat mengurangkan resource gap seperti kemahiran pengurusan dan pemasaran antarabangsa.

Di samping itu jentera dan peralatan yang dibawa oleh pembekal teknologi yang utama oleh syarikat gergasi diharapkan dapat meningkatkan

produktiviti seterusnya menjamin kesejahteraan masyarakat negara membangun. Tetapi dari apa yang kita kesali dan masalah yang berdepan dengan kita masa kini memaksa kita berfikir kembali tentang perlunya modal-modal asing ini. Jelas kepada kita terdapat kesan-kesan negatif seperti penindasan pekerja kilang dengan bayaran gaji yang rendah dan di musim kelembapan ekonomi tenaga pekerja itu dibuang.

Teknologi yang dibawa oleh pelabur asing sering tak sesuai kerana berinsentifkan modal dan tidak menggunakan sumber faktor pengeluaran yang mempunyai tenaga buruh yang ramai. Kita juga dapati bahawa pemindahan teknologi ke negara penerima tidak berkesan kerana pemilik cuba mengawal teknologi mereka. Oleh itu masa berkiblat kepada teori Barat sahaja perlu dirombak dan kita perlu menerima teori-teori negara yang senasib dengan kita. Teori-teori dan pemikiran baru yang lebih logik dan bernas banyak dikeluarkan di negara-negara dunia ketiga.

Dalam sidang antarabangsa mereka sering mengeluarkan deklarasi tentang struktur ekonomi yang melibatkan mereka dengan punca-punca pokok yang menyebabkan kemunduran negara dan kemiskinan rakyat.

Kesedaran telah lama timbul di negara dunia ketiga bahawa punca terbesar kemunduran negara mereka dan kemiskinan rakyat adalah kesan dari penguasaan dan penindasan ekonomi yang dilakukan oleh pemodal monopoli dari negara besar. Keuntungan dari dunia ketiga dipungkah ke negara asalnya menjadikan hasil kekayaan negara tidak dapat digunakan bagi kepentingan rakyat di negara dunia ketiga.

Melihat kepada kesan-kesan negatif dari pemodal-pemodal luar yang langsung tidak memberi simpati

kepada kita di masa ekonomi dunia dalam kemelut ini apakah Kerajaan masih yakin tentang polisi menjemput pemodal-pemodal asing ini. Tidakkah Kerajaan cuba memikirkan suatu alternatif lain dari terus bergantung kepada modal asing sedangkan Kerajaan sendiri telah tahu natijahnya. Adakah Kerajaan tidak bersedia untuk merombak sistem ekonomi negara kerana negara-negara kapitalis dan komunis telah menyedari bahawa sistem ekonomi sekarang telah mula tidak sesuai dengan dunia hari ini. Adakah Kerajaan bersedia untuk menjadikan sistem ekonomi Islam sebagai suatu sistem alternatif kepada sistem kapitalis kita?

Kita telah berdepan dengan saranan untuk mengatasi masalah kemiskinan negara dan rakyat. Antara sasaran tersebut ialah tindakan menetapkan peranan dan pelaksanaan badan-badan institusi Kerajaan. Ianya bertujuan untuk menguatkan lagi peranan institusi dan Kementerian menyelaraskan pembaziran, tindih-menindih projek, penyelewengan subsidi, konflik kepentingan dan sebagainya.

Kita harus berani membebaskan diri dari ikatan teori ekonomi dan cengkaman ideologi Barat. Kita harus jujur menyatakan kepada rakyat bahawa teori materialis, liberal democratic dan Marxist socialist telah gagal menyelesaikan masalah dunia. Dunia telah dilanda petaka ketidakadilan sosial sejak zaman berzaman tetapi keadilan sosial telah terserlah dan terpancar di zaman demokratik Islam di bawah pimpinan Nabi Muhammad s.a.w. dan Khalifahur-Rashidin. Biarpun ianya sementara tetapi sudah cukup untuk dijadikan modal bagi kita menyelaminya.

Lipatan sejarah mengajar kita bahawa melihat eksperimen sosial yang dimulakan sejak Zolister, Buddha, Confucius dan keagamaan Kristian.

Kita telah menyaksikan kegagalan eksperimen Zolister, Buddha dan Confucius. Kita telah menyaksikan kegagalan eksperimen keagamaan Kristian sejak abad ke 8 hingga 15. Kita telah menyaksikan eksperimen liberal democratic dan Marxist socialist sejak abad 17-20 yang rata-rata telah gagal. Kejayaan sistem demokratik Islam bukan sahaja dapat memberi keadilan sosial malah melahirkan satu tamaddun kepada manusia.

Kita menyedari suatu eksperimen sosial yang besar dan berjaya di dunia ini ialah eksperimen yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w., maka adalah wajar bagi kita menoleh, mendekati, mengkaji dan meminjam dari eksperimen itu bagi menghadapi masalah kemiskinan, kemunduran, kebakuan dan kesempitan fikiran rakyat kita.

Kita harus bersedia bahawa pemikir-pemikir Barat dan Timur yang mula menyedari perlunya mendekati teori-teori Islam. Kalau mereka boleh berbuat demikian, kenapa kita tidak? Oleh itu, kita harus mengumpul semua cendekiawan kita tanpa mengira dari kumpulan mana asalkan mereka bersedia melahirkan suatu ideologisme baru dalam bentuk falsafah bangsa yang konkrit untuk membangun negara.

Ekonomi Islam menjamin suatu taraf hidup minimum, sederhana bagi semua serta menggalakkan pertumbuhan dan penghasilan ekonomi. Paul Harison dalam "The Third World Tomorrow" menyebut ianya sebagai: Ini adalah aliran fikiran terbaru di dunia, gabungan konsep pertumbuhan dengan konsep keperluan-keperluan pokok.

Kita sedar bahawa satu pandangan baru tentang kemajuan dan pembangunan telah muncul dalam masyarakat antarabangsa dalam dekad ke 7 yang tidak lagi berdasarkan nilai-nilai material Barat, baik liberal capitalis ataupun Marxist socialist.

Pandangan baru ini terkandung dalam dua buah dokumen Bangsa-bangsa Bersatu, iaitu Perisytiharan Kokoyok diterima dalam Oktober, 1974 dan rancangan UNESCO untuk 1977 ke 1982 diterima dalam 1977. Kedua-dua dokumen ini menekankan pembangunan manusia bukan benda. Lihat perisytiharan-perisytiharan itu, tujuan pembangunan sepatutnya bukanlah untuk membangun benda-benda tetapi membangun manusia—Perisytiharan Kokoyok. Pembinaan mestilah ditujukan kepada kemajuan spiritual, moral dan material manusia seluruhnya sebagai seorang anggota masyarakat dari segi perkembangan individu yang dihasilkan dari Perisytiharan UNESCO. Jelas kepada kita bahawa Islam mengajar manusia untuk memperseimbangkan pembangunan manusia dan kebendaan. Dengan ini kita perlu mencari falsafah itu kerana ianya berada di samping kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin Menteri Pendidikan mampu menjalankan tugasnya walaupun menghadapi tentangan dari golongan chauvinis berhubung dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Akta Pelajaran 1961, No. 43/1961, Fasal 21 (2). Kita yakin hanya dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan pengejalan Fasal tersebut sahaja hasrat penubuhan satu sistem pendidikan kebangsaan akan tercapai. Tuntutan dan desakan oleh pemimpin chauvinis dari pihak Pembangkang atau dalam Kerajaan selama ini menjadi penghalang kepada pencapaian satu sistem pendidikan kebangsaan. Kesan dari layanan terhadap tuntutan yang tidak munasabah itu hingga membenarkan kewujudan sistem pendidikan yang tidak selari dengan sistem pendidikan kebangsaan yang berhasrat untuk menegakkan satu bangsa yang teguh. Oleh itu diharap agar pihak Kementerian dan Menteri Pendidikan menghentikan layanan terhadap suara-suara sumbang tersebut.

Barangkali telah sampai masanya untuk Menteri Pendidikan mengkaji semula tentang kuota kemasukan pelajar ke universiti. Kedudukan kuota bumiputera 55% dan bukan bumiputera 45% itu perlu dikaji kembali kerana jelas pengekalan kuota itu tidak akan mencapai 30% bumiputera di bidang ikhtisas. Di samping itu, Menteri Pendidikan mestilah mengecualikan Universiti Kebangsaan dari terikat dengan kedudukan kuota tersebut. Kita sedia maklum bahawa Universiti Kebangsaan tertubuh atas perjuangan menegakkan aspirasi nasional Melayu dalam pendidikan. Oleh itu, pelaksanaan dasar ini mestilah setimpal dengan dasar asal penubuhan universiti tersebut.

Selama ini kita mengharapkan sistem pendidikan berfungsi sebagai alat pembudayaan setiap warganegara untuk melahirkan satu masyarakat kebangsaan dan satu bangsa Melayu Malaysia yang teguh dan kita telah meletakkan keyakinan bahawa Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar sepenuhnya kepada semua peringkat dan jenis sekolah. Dengan ini penggunaan bahasa lain sebagai bahasa pengantar mestilah dipandang sebagai bahasa sementara sebelum menuju kepada Bahasa Kebangsaan. Hanya dengan cara ini sahaja kita dapat melihat pembentukan satu pendidikan nasional bagi semua negara, maka sistem persekolahan mestilah hanya merupakan sekolah kebangsaan.

Sistem KBSR telah 6 tahun diwujudkan dan sambung pula dengan KBSM. Apa yang jelas pendekatan atau kaedah menghafal dan mengingat telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan kita dari dahulu masih diteruskan oleh KBSR, juga KBSM. Pendekatan cara membaca, menghafal, mengingat dan menjawab soalan adalah mirip kepada sistem pendidikan cara pertandingan. Satu sistem pertandingan yang disediakan

untuk dilakukan oleh kanak-kanak. Program pendidikan yang berbentuk pertandingan seperti ini telah lama melemahkan sifat kreatif dan bakat intelektual seseorang murid. Di samping itu, ianya membentuk sikap negatif di kalangan murid-murid iaitu mengharapkan orang lain gagal dan mendoakan semoga rakan-rakannya tidak berjaya sepertinya. Dengan itu tertanamlah sifat dengki, irihati dan tamak.

Kedua, bagi mengatasi kelemahan diri sendiri, seorang kanak-kanak itu bersedia meniru kanak-kanak lain yang difikirkan pandai. Sifat menipu dan berpura-pura mula tertanam dan membesar bersama usianya. Untuk memperolehi kejayaan, ada di antara kanak-kanak yang bersedia menghalang kejayaan murid lain secara kasar seperti dalam sesuatu permainan. Dengan ini tersemam sifat agresif, memaksa dan memeras. Oleh itu diharapkan Kementerian Pendidikan akan memikirkan satu kaedah baru agar kanak-kanak tidak tertanam dengan sifat-sifat negatif tersebut.

Kita sedar bila rasa kemanusiaan semakin menipis kepada generasi akan datang jelaslah ianya sedang menuju ke arah kehancuran dan kemusnahan masyarakat. P.A. Sorokin dalam "Contemporary Sociological Theories" mengatakan kemajuan manusia berpunca daripada kerjasama dan perpaduan lebih daripada pertentangan, sengketa dan kebencian antara kelas.

Di samping itu, Kerajaan juga harus mengkaji kembali saguhati kepada keluarga perajurit yang terkorban sebanyak \$10,000 itu. Saguhati itu sebenarnya terlalu kecil kalau dibandingkan dengan sumbangan mereka kepada negara. Kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Pertahanan kerana nampaknya bersungguh-sungguh

dalam usaha menyediakan penempatan kepada tentera semoga ianya tidak indah khabar dari rupa. Oleh itu diharapkan usaha ini dilakukan bersungguh-sungguh supaya peningkatan Angkatan Tentera kita lebih berjaya atau sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan mereka, walaupun tidak menyelesaikan tekanan yang mereka hadapi. Kita ingat bagaimana kes Prebet Adam berpunca dari masalah tekanan sebagaimana setengah laporan.

Kerajaan telah pun memberi penghargaan kepada budayawan dan sasterawan negara melalui hadiah Sasterawan Negara dan lain-lain. Usaha ini patut disokong, bagaimanapun ruangnya terlalu sempit dan jangka masa terlalu singkat. Kita melihat negara Barat, selain muzium, mereka juga menempatkan tokoh-tokoh negara mereka dengan hasilan mereka ke satu tempat khas. Maka saya rasa kita juga perlu membuat demikian. Negara perlu meletakkan tokoh negara yang mewakili semua bidang ke satu tempat selain daripada disimpan dimuzium. Oleh itu tokoh-tokoh yang telah pergi di dalam berbagai bidang ini perlunya mendapat perhatian terhadap hasil-hasil dan perjuangan mereka, begitu juga tokoh ketenteraan, polis dan lain-lain. Kita boleh memilih satu tempat khas yang sekaligus juga boleh menarik para pelancong dan memberi sumber inspirasi kepada generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan ASEAN dan Dasar Luar Negara kita, jelas kepada kita bahawa Asia Tenggara kini terbahagi kepada dua, iaitu blok komunis dan blok bukan komunis. Pembahagian yang jelas dan nyata ini boleh mempengaruhi situasi dan kondisi di rantau ini pada bila-bila masa. Kehadiran serta keinginan kuasa-kuasa besar untuk melibatkan diri di rantau ini hanya sebagai berpotensi untuk mewujudkan suasana yang tidak

aman dan huru-hara sahaja. Kegelisahan di Kampuchea dan ketidakstabilan di Filipina semuanya merupakan "time bomb" yang bila-bila masa boleh meletup dan membakar Asia Tenggara. Melihat keadaan ini maka Malaysia haruslah berhati-hati dalam menentukan dasar luarnya. Malaysia haruslah meningkatkan semangat ASEAN kepada semua anggotanya dan berusaha supaya cita-cita keamanan di rantau ini terjamin. Malaysia mestilah secara serius dan secara jujur membuktikan bahawa kita adalah sebuah negara yang berkecuali. Blok komunis di Indo-China walaupun terdapat persaingan antara mereka bukan mustahil masalah itu tidak boleh mereka atasi. Perebutan pengaruh antara dua gergasi komunis di daerah itu bukan menjamin yang kita akan mendapat keuntungan darinya.

Kita sedar selepas kejayaan komunis di Indo China pada tahun 1975 dan perpecahan di kalangan parti-parti komunis telah mencercakan gusar kepada negara bukan blok komunis di Asia Tenggara. Perpecahan dan kelemahan komunis berpunca dari permusuhan etnik antara Vietnam dengan Kampuchea, antara Vietnam dengan China, perubahan sosial yang ekstrim hingga mengorbankan 2 juta rakyat, penggantung Vietnam kepada Russia dan kegagalan ekonomi sedikit sebanyak menguntungkan negara bukan komunis di Asia Tenggara.

Soalnya bagaimana perpecahan mereka berakhir, bagaimana kalau pendudukan Russia di Indo-China sudah tidak mampu digugat oleh China, bagaimana kalau China meneruskan bantuan kepada parti-parti komunis di Asia Tenggara seperti tradisinya. Di negara bukan komunis terdapat jurang yang nyata antara golongan elit dengan golongan rakyat biasa. Kongkongan terhadap pandangan dan kritikan serta rasuah yang berleluasa, penyelewengan yang

ketara di sebarang negara membawa kepada tidak tenteram di mana kita saksikan jatuhnya regim Marcos. Amerika dan Jepun mahu memastikan bahawa Asia Tenggara terus menjadi kawasan pelaburan dan perniagaan yang menguntungkan mereka. Jelas kepada kita yang Amerika dan Jepun sentiasa mengambil berat segala perubahan yang terjadi di mana-mana negara di rantau ini supaya kepentingannya tidak terancam. Russia terus memperkuat cengkamannya yang sangat membimbangkan Cina. Semuanya akan menjadi ancaman kepada keamanan Asia Tenggara. Bagi menjamin kedaulatan kita dan memastikan Malaysia tidak terheret dalam mana-mana konflik antara kuasa besar tersebut, maka Malaysia haruslah berpegang teguh kepada dasar berkecualinya.

Kita yang mempopularkan ZOPFAN yang dahulunya mestilah meneruskannya tanpa menoleh ke arah lain. Kita mestilah terus berdialog dengan Vietnam supaya dapat menyelesaikan masalah di Indo-China dan di masa yang sama memujuk Burma supaya menyertai pakatan ASEAN. Soalnya sejauh manakah kejayaan diperolehi di dalam mempengaruhi Vietnam supaya melepaskan cengkamannya ke atas Kampuchea. Apakah langkah yang lebih berkesan yang telah dan akan diambil untuk menjayakannya. Kita juga kurang jelas tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memujuk dan mempengaruhi Burma supaya menyertai ASEAN. Burma sebagai negara yang benar-benar berkecuali mestilah didekatkan dari masa kesemasa, seperti mana lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Burma baru-baru ini. Dengan slogan berkecuali itu kita lebih bebas dalam menentukan corak ekonomi negara termasuk hal dagangan dengan mana-mana negara di dunia yang boleh

menguntungkan kita. Kita juga perlulah memupuk dagangan yang lebih dengan negara ketiga supaya mengurangkan pergantungan kita kepada kuasa besar.

ASEAN perlu terus menjalinkan hubungan sosial, budaya dan ekonomi dengan tidak menjadikannya pakatan militer. Sebarang negara yang cuba menukarkannya kepada pakatan militer perlulah ditentang kerana ini boleh menimbulkan keadaan huru-hara. Pakatan seperti ia mudah terseret kepada pergeseran kuasa-kuasa besar yang sentiasa mengintai dan menghulurkan jejaringnya di rantau ini.

Kita harap Malaysia telah bersedia menghadapi sebarang tekanan daripada mana-mana kuasa luar termasuk anggota ASEAN yang cuba menukar pakatan ini kepada pakatan militer. Malaysia dan ASEAN mestilah bersatu dan melahirkan kerjasama bagi mencapai kekuatan ekonomi yang bebas dan kemerdekaan budaya. ASEAN boleh menegakkan sifat berkecuali bila berdagang, pembangunan industri, saluran informasi bebas dari cengkaman mana-mana blok dan berdikari dalam semua hal. Bagaimanapun nampaknya ASEAN tidak serius dalam memperkuat ekonomi bersama. Terdapat perebutan pengaruh dalam memperkuat ekonomi negara masing-masing. Ini jelas dari sikap Indonesia, seperti contoh, yang turut memperhebatkan menanam kelapa sawit sedangkan ia tahu bahawa tanaman itu adalah usaha penting Malaysia. Kesannya bukan sahaja Malaysia terpaksa bersaing dengan Indonesia dalam mendapatkan pasaran, malah harganya turut jatuh, kerana tindakan negara jiran kita itu. Soalnya adakah Kerajaan telah mengingatkan Indonesia berhubung soal ini atau sengaja anggota ASEAN tersebut tidak mahu mendengarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan haruslah mempertingkatkan kempen supaya kuasa besar tidak campur tangan di rantau Asia Tenggara dan menggesa kuasa besar supaya menghormati kemerdekaan semua negara. Selagi mana-mana kuasa besar melekatkan jari-jemarinya di rantau ini selama itulah kita terdedah kepada perang dan huru-hara.

Kita lihat krisis di Kampuchea dan Afghanistan dan juga Palestin. Rata-rata kerana kuasa besar. Di Kampuchea, Amerika terlibat dengan menjatuhkan Norodom Sihanouk dan membentuk kuasa boneka Lon Nol, kemudian Khmer Rouge di bawah Pol Pot yang disokong oleh China membentuk regimnya, lepas itu Russia menjatuhkannya dan membentuk bonekanya sendiri.

Di Afghanistan, Noor Taraki menggulingkan President Daud pada tahun 1978 dengan bantuan Russia. Revolusi ekonominya memberi kesempatan kepada musuhnya melahirkan penentangan dengan menggunakan Islam sebagai kuasa penyatu Amerika, China dan Negara Islam yang rapat dengan Amerika turut membantu gerila-gerila menentang boneka Russia. Bila Russia melihat Hafizullah, pengganti Taraki tidak mampu menghadapinya maka Russia dengan kekuatan ketenteraannya menguasai Afghanistan. Keganasan dan sikap sombong Russia mestilah dikutuk oleh semua insan yang cintakan kebebasan dan keamanan. Perlanggaran Russia ke atas Afghanistan adalah jauh lebih dahshat kalau dibandingkan dengan kemasukannya ke Hungary dan Czechoslovakia satu ketika dahulu.

Malaysia harus mengambil sikap yang lebih positif untuk mempengaruhi negara-negara dunia ketiga dan negara-negara Islam dalam

menghadapi kezaliman sosio-imperialis Russia ini. Daripada kedua-dua kes ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa selain dari terdapat golongan dalam negeri mencari bantuan dari kuasa luar iaitu kuasa besar untuk mengalahkan pihak lawannya, terdapat kuasa besar yang sememangnya berminat dan mencari kesempatan dari perebutan kuasa di negara-negara berpotensi. Malaysia haruslah mengambil iktibar daripada kes tersebut dan haruslah membantu membebaskan diri dari negara-negara yang menjadi cengkaman yang saya sebutkan tadi. Malaysia perlu berhubung dengan semua pihak dengan lebih rapat supaya ianya dijalin bagi menginsafkan kesemua negara-negara ini untuk hidup secara aman dan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, Palestin dan masalah Palestin telah lama berdepan dengan kita. Nasib 4 juta rakyat Palestin harus diperjuangkan supaya mereka dapat kembali ke tanahair dan mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan telah menunjukkan sikap yang positif dan sentiasa sensitif dengan masalah ini. Dalam hal ini Kerajaan harus meluaskan ruang lingkupnya melihat isu ini. Kerajaan tidak hanya perlu mengutuk Israel terhadap perbuatan ganas, zalim, biadap dan tidak bertamaddun itu. Kerajaan secara jujur mestilah mengutuk sama sekutu-sekutu Israel tanpa rasa cuak dan takut. Kerajaan tidak harus mempersempitkan pemahaman berhubung dengan soal ini dengan fahaman Zionis dan imperialis Israel sahaja. Kerajaan dengan cara terbuka mestilah menuntut supaya Amerika menghentikan campurtangan dan membantunya kepada Israel.

Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan menubuhkan Tabung Palestin, tetapi selain daripada derma-derma yang diberi oleh rakyat maka saya menganjurkan supaya Kerajaan

sendiri menentukan jumlah sokongan dan bantuan kewangan selain daripada bantuan yang diberi yang dihulurkan oleh rakyat melalui Tabung Palestin. Kerajaan harus sedar dan insaf selagi mana Amerika mendalangi Israel dan memperkuatkan cengkamannya di Asia Barat oleh sekutu-sekutu Arabnya maka selama itulah masalah Palestin sukar diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar terdapatnya hubungan yang rapat dan baik antara Kerajaan kita dengan negara-negara Islam. Hubungan ini telah lama terjalin dan kita melihat Kerajaan dari masa ke semasa mengilap persefahaman dan kemesraan dengan negara-negara Islam ini. Kita juga sedar bahawa pasaran di negara-negara tersebut adalah besar dan kemampuan serta pelaburan mereka juga besar walaupun setakat ini Kerajaan telah mencuba mendapatkan pasaran yang nampaknya berhasil, tetapi kalau dibandingkan dengan beberapa negara lain nampaknya kedudukan kita masih boleh diperbaiki. Jadi, Kerajaan haruslah memandang serius peluang-peluang ini disamping itu Kerajaan harus menyakinkan negara-negara tersebut bahawa peluang untuk melabur di negara ini adalah baik. Oleh itu, sesuatu yang konkrit mestilah difikir dan dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tajuk yang akhir ialah bersabit dengan nilai-nilai baik dan Kebudayaan Nasional. Kita telah jelas dengan konsep Kebudayaan Nasional dan kita tidak mahu mempersoalkan tentang pendekatannya, juga tidak berhasrat untuk membincangkan sama ada asimilasi merupakan satu syarat untuk mencapai integrasi nasional, juga tidak cuba membincangkan yang mana lebih berkesan antara asimilasi dengan pengepungan. Apa yang mahu dikatakan di sini ialah nilai-nilai yang baik daripada semua kebudayaan yang telah dirangkumkan dalam

Kebudayaan Nasional dan mahu mengukur sejauh mana nilai-nilai yang baik dari semua kebudayaan yang ada menjadi ikutan masyarakat hari ini, di mana dirasakan nilai-nilai itulah yang penting dan sebagai asas kebudayaan daripada salurannya. Nilai yang terpancar dan tersurat dalam kegiatan kebudayaan jauh lebih penting daripada persembahannya. Kita tidak seharusnya memberi perhatian utama kepada rupa bentuk luar, upacara-upacara dan amalan-amalan yang tertentu daripada nilai-nilai, isi kandungan yang terdapat dalam sesuatu kebudayaan itu.

Kita mestilah melihat nilai-nilai sejagat seperti kebebasan, kebenaran, keadilan, kejujuran dan peri kemanusiaan yang terdapat pada kebudayaan di Malaysia. Semua nilai-nilai ini boleh mempercepatkan lahirnya integrasi nasional, boleh melahirkan ketahanan nasional dan boleh membangunkan negara, ianya sebenarnya teras kebudayaan yang kurang diambil kira oleh setengah-setengah kalangan kita kerana kebudayaan rakyat dan setengah-setengah pemimpin masyarakat kurang mementingkan nilai-nilai dalamannya, maka dalam menentukan Kebudayaan Nasional terdapat kekalutan di kalangan mereka, sehingga terpancar pandangan extreme yang merugikan. Pandangan seperti ini hanyalah mengekalkan metos-metos perkauman yang akhirnya tegak menjadi tembok yang memisahkan kaum dan melambatkan proses integrasi nasional. Terdapat ketakutan di kalangan mereka akan kehilangan upacara-upacara, amalan-amalan yang dari segi nilainya tidak begitu penting dan kurang bermakna.

Sekiranya pemimpin negara dan masyarakat Cina seperti contohnya, memahami ingatan Confucius, maka tidaklah kedengaran suara-suara terhadap penentangan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran

Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Nasional yang bertujuan membangun sebuah masyarakat yang lebih adil di negara ini. Oleh itu diharapkan soal-soal yang sensitif kepada orang-orang Melayu janganlah ditimbulkan lagi seperti baru-baru ini. Dan janganlah suara-suara sumbang itu mahu menurun bila disergah oleh nasionalis Melayu atau ditekan oleh Kerajaan sahaja. Setiap sesuatu yang mahu disuarakan yang menyentuh perasaan orang lain perlulah berhati-hati dan diteliti sama ada ianya sopan mengikut tata-susila dan menghormati perasaan orang lain sepertimana saranan Confucius.

Kejadian pembakaran masjid, masalah dadah yang semakin serius, vandalism, lesbian, homoseks, perogolan, pembunuhan adalah manifestasi kegagalan dalam penonjolan nilai-nilai baik dari semua kebudayaan yang terdapat di negara ini. Rasa kemanusiaan semakin terhakis oleh kebudayaan ganas yang diimport melalui media elektronik. Sifat kejujuran, kesedaran, keadilan dan peri kemanusiaan semakin terhakis ditelan oleh nafsu gelojoh kebendaan yang merupakan nilai buruk yang diajar oleh kebudayaan kapitalis. Kebudayaan menjenguk ke negara ini bersama imperialis malah ke seluruh dunia ketiga di mana kemasukan imperialis kapitalis telah melanda kebudayaan tradisional kerana kegagalan kebudayaan tradisional menyesuaikan diri dengan perubahan masyarakat termasuk pertembungan dengan sains dan teknologi.

Masalah dadah, vandalism, lesbian, homoseks, perogolan dan keganasan yang saya sebut adalah nilai kebudayaan kuning hasil daripada kesan penonjolan yang berterusan melalui media cetak dan media elektronik yang kita lihat yang berlaku pada hari ini. Bila menyedari hakikat ini, maka kita perlulah bertindak

dengan segera dan serius. Kita perlu menggali ke akar umbinya. Kita perlu merawatinya dari teruk merebak. Kita perlu mencantas puncanya supaya tidak berterusan.

Oleh itu kita berharap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bukan sahaja mengambil perhatian tetapi mestilah bertindak dengan penuh rasa tanggungjawab kepada bangsa dan kebudayaan kita. Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan supaya kebudayaan kapitalis ini dapat disekat dari terus melanda masyarakat kita. Apakah persediaan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan supaya galakan pelancongan tidak menjual harga diri dan kebudayaan kita yang bersih dan bermaruah? Kita tidak mahu AIDS yang kini menjadi salah satu isu antarabangsa sampai bersama pelancong. Kita tidak mahu lesbian, homoseks meresap ke negara kita bersama dengan pelancong. Dahulu, sarjawan mengatakan "Bendera datang bersama kapal dagang", atau tegasnya, imperialisme datang bersama kapitalisme. Kita tidak mahu nanti ahli kaji masyarakat mengatakan kebudayaan durjana datang melalui kontek pelancong atau kebudayaan terjual bersama dengan barangan pelancong.

Kesan dari tidak mementingkan nilai-nilai yang baik di dalam kebudayaan inilah maka kita dapati ramai di kalangan kepimpinan hari ini melakukan kerja-kerja yang keji, hina dan jijik di kalangan masyarakat kita. Kesan dari tidak mementingkan nilai-nilai inilah terdapat setengah kepimpinan menyoal tentang perlunya Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Mereka yang tidak menyelami ke dasar kebudayaan mereka itulah yang menolak Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar lain. Mereka yang jahil dengan kebudayaan sendirilah yang dihingapi penyakit gelojoh, tamak

haloba dan sentiasa mencurigai pelaksanaan dasar-dasar yang saya sebutkan tadi.

Hari ini kita dapati rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, penindasan berlaku di hadapan mata kita di mana-mana sepertimana yang kita dengar. Kita digegarkan dengan skandal BMF yang jijik dan hina dahulu, kita gerun dengan skandal koperasi yang mengaibkan itu. Semuanya kejadian ini bertentangan dengan nilai-nilai yang baik yang terdapat dalam semua kebudayaan yang ada. Orang Melayu dengan kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam dan juga kebumiputeraan. Orang Cina dengan kebudayaan Cina yang berteraskan Taoism dan Buddhism. Orang India dengan kebudayaan India berteraskan Hindu dan kalau dilihat kepada semua agama tersebut, semuanya pada prinsipnya mempertahankan nilai-nilai yang sama khasnya pada peringkat falsafah sosial seperti kesedaran, keadilan, kebenaran dan perikemanusiaan. Kepimpinan dalam masyarakat Cina harus tidak melupai saranan Confucius di mana kekayaan tidak menjadi matlamat tanpa memikirkan cara-caranya. Beliau menyebut: Kejayaan, kekayaan dan kemuliaan dikehendaki oleh setiap orang, tetapi jika ini semua diperolehi hanya dengan melanggar jalan yang betul, ianya tidak boleh direbut.

Langkah mengawal artis-artis tempatan dari menggambarkan ciri-ciri keruntuhan yang terdapat pada kebudayaan kuning belum cukup. Langkah mengalih suara beberapa filem dan siri-siri atau keseluruhan tayangan di TV bukanlah cara yang berkesan dalam menyekat nilai-nilai kebudayaan jelik dari Barat. Pengawasan artis tempatan tetapi dalam masa yang lain menayangkan artis Barat mengalih suara filem Barat tetapi membiarkan ciri-ciri dan bibit-bibit buruk di dalamnya adalah suatu

gambaran kekeliruan. Mengalih suara hanyalah sebagai saduran dan luaran sedangkan nilai isinya terus dipampang dan disogokkan kepada anak bangsa. Inilah kekeliruan yang sangat menonjol dalam media cetak, media elektronik kita pada hari ini. Dan kalau hal ini dihalalkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, maka jelaslah bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, maka jelaslah bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sendiri gagal memahami konsep Kebudayaan Nasional yang didokongnya.

Sekiranya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan Kementerian Penerangan sama-sama terkeliru, maka terpaksalah kita hari ini mengingatkan mereka tentang kekeliruan itu. Sesungguhnya kita mempunyai perbezaan dalam melihat dan mentakrif nilai-nilai baik di dalam kebudayaan negara. Dalam hal ini kita meminjam pendapat Confucius: Mengikut fitrah manusia kira-kira sama, pengetahuan dan kelakuannyalah yang membezakan mereka.

Menyentuh soal mengalih suara oleh RTM yang hanya menyentuh soal saduran itu, perlulah diambil kira oleh pihak Kementerian Penerangan di mana apakah ianya dibuat atas asas keperluan bangsa, patriotism, kebudayaan atau kepentingan lain. Di segi bahasa kita akui kebenarannya, di segi patriotism sangatlah diragui, tentang kebudayaan jauh dari kejituannya. Sebenarnya dengan mengalih suara itu keberkesanan mengimport kebudayaan kapitalisme yang jelik nampaknya lebih berjaya. Dengan mengalihkan suara itu jelaslah RTM akan berjaya mengimport dan mendedahkan kebudayaan jijik kepada seluruh masyarakat kita tanpa meninggalkan ceruk dan sempadan.

Kita berharap kepada Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan

bersikap lebih bertanggungjawab supaya nilai baik kebudayaan kita yang semakin terhakis ini kembali subur dan bermakna supaya generasi akan datang dapat hidup bebas dari gejala petaka seperti yang saya sebutkan tadi yang berlaku dalam masyarakat kita, supaya generasi akan datang dipayungi dan disedarkan oleh nilai-nilai budaya kita iaitu kejujuran, kesederhanaan, keadilan, kebenaran, peri kemanusiaan dan kebebasan. Kita jangan lupa Tuhan mengingatkan kita supaya mengajar manusia kepada kebaikan, menyeru kebaikan dan menegah kejahatan.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mestilah menilai semula masyarakat, melihat, mengkaji, menilai, mendekati semua kebudayaan di negara ini—Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan—tanpa mengorbankan prinsip-prinsip yang telah dipersetujui sebelum ini. Adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mampu membina asas tamadun baru kepada masyarakat kita yang semakin rapuh dan runtuh ini? Adakah Kebudayaan Nasional yang dibangunkan itu terpilih dari segala nilai baik sepertimana firman Tuhan yang bermaksud: “Berilah tahniah kepada hamba-hambaKu. Mereka mendengar apa juga pendapat dan mengikut yang paling baik. Inilah mereka yang diberi bimbingan oleh Allah Subhanahu wataala”. Adakah Kebudayaan Nasional kita mampu melahirkan masyarakat yang menerima dan memiliki idea-idea sosial utama iaitu kekhudusan nyawa manusia, kebebasan berfikir yang mutlak, kehidupan baik, persamaan di sisi undang-undang, persamaan lelaki dan wanita, larangan terhadap pencerobohan, pemerintahan berdasarkan undang-undang yang adil, pemerintahan melalui perundingan, kepimpinan sosial kepada masyarakat yang berakhlak, menentang kezaliman dan keadilan sosio-ekonomi?

Tuan Yang di-Pertua, inilah ucapan yang dapat saya sampaikan bagi menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ucapan saya ini perlulah saya tegaskan adalah atas asas prinsip sebagai Wakil Rakyat yang mewakili rakyat. Kita datang daripada rakyat di atas satu prinsip sepertimana firman Allah Subhanahu wataala: “Innasaloti wanusuki wamayahya wamamati lillahi rabbil alamin”, iaitu “Sesungguhnya sembahyangku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah taala”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh.

6.10 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan bimbang dan tidak puas hati masyarakat kaum Cina terhadap Jabatan Pendidikan menghantar guru-guru yang tidak fasih berbahasa Mandarin untuk memegang jawatan tinggi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah masalah pelajaran dan tidak seharusnya dianggap sebagai masalah perkauman.

Pada tahun lepas masalah ini telah menimbulkan peristiwa yang tidak menyenangkan dan ini adalah disebabkan oleh sikap Kementerian Pendidikan yang sengaja menangguhkan penyelesaian masalah ini. Sungguhpun keadaan menjadi tenang semula berikutan dengan tindakan penahanan tetapi masyarakat kaum Cina kini masih merasa bimbang dan tidak puas hati pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4hb Oktober tahun lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Liew Ah Kim: telah mengisytiharkan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanah Merah minta

Tuan Hashim bin Safin: Boleh saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Seputeh?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Beliau hendak penjelasan Yang Berhormat!

Tuan Hashim bin Safin: Saya bercakap baik, perlahan sahaja. Tadi Yang Berhormat tanya masih banyak tidak puas hati dan kalau boleh menyatakan apa yang belum puas hati supaya boleh sama-sama kita perbincangkan untuk harmoni semasa kita.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah! Ucapan saya belum habis baru bermula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, pada 4hb Oktober tahun lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengisytiharkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet seramai 5 orang yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, dan satu kenyataan Timbalan Perdana Menteri telah memberitahu bahawa Jawatankuasa tersebut akan menyelesaikan masalah kenaikan pangkat guru-guru Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Cina dengan secepat mungkin. Kami yakin bahawa Jawatankuasa berkenaan telah pun mengadakan mesyuarat membincangkan masalah tersebut dan mereka harus mengatasinya dengan segera. Menurut kata-kata Timbalan Perdana Menteri "Rakyat berhak mengetahui apa sebab Jawatankuasa yang berkenaan masih belum mengumumkan cara mengatasi masalah menghantar guru-guru yang tidak fasih berbahasa Mandarin untuk memegang jawatan tinggi di SRJK (C)." Adakah ini sikap sebuah Kerajaan yang menggelar dirinya "Cekap dan Amanah"? Kami harap Kementerian Pendidikan menghormati hasrat rakyat dan menukar guru-guru yang tersebut di atas ke tempat yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan ISA

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, nanti kalau banyak susah pula.

Saya minta penjelasan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Seputeh tadi

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: . . . mengatakan bahawa kenapa Jawatankuasa itu belum mengambil tindakan untuk menggantikan guru-guru yang sepatutnya naik pangkat ke SRJK (C) dan mengaitkan pula dengan Kerajaan "Bersih, Cekap dan Amanah", ini memang perangai DAP suka kaitkan benda yang tidak patut kait, tidak apalah boleh dimaafkan.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat apakah sedar ketidakcukupan guru-guru yang berkecukupan untuk dihantar mengganti tempat-tempat tersebut?

Tuan Liew Ah Kim: Yang Berhormat yang berkenaan itu memang faham apa hasrat kaum China. Mengenai masalah menghantar guru-guru yang tidak memahami bahasa Tionghua itu untuk memegang jawatan tinggi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, mereka berharap semua guru-guru yang tidak

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Liew Ah Kim: fasih dalam

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: berbahasa Cina itu ditukar ke tempat ke sekolah-sekolah yang lebih sesuai.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Itulah hasrat rakyat kaum Cina.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan! Boleh beri penjelasan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada Yang Berhormat hendak penjelasan, boleh?

Tuan Liew Ah Kim: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan soal Guru-guru Besar yang tidak memahami bahasa Cina. Di Sidang Dewan Rakyat dahulu kita pun sudah berbahas panjang mengenai isu ini dan saya kira isu ini sudah tutup kes kerana dahulu kita sudah menyebut bahawa tidak cukup guru-guru Cina untuk dilantik di sekolah-sekolah berkenaan dan saya tidak percaya bahawa ianya aspirasi masyarakat Cina, sebab rata-rata masyarakat Cina tidak

menimnbulkan masalah, yang timbul ialah Parti Pembangkang, jadi tuntutan ini adalah merupakan tuntutan politik DAP, itu sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Sebenarnya Yang Berhormat itu tidak faham perkara yang berkenaan, tidak cukup guru-guru itu adalah satu masalah yang wujud dalam tanahair kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Liew Ah Kim: tetapi masalah ini sekarang Parti Pembangkang

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: bukan soal tidak

Tuan Liew Ah Kim: Masalah yang kita hadapi ialah

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan

Tuan Liew Ah Kim: . . . satu masalah

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan! Sedikit sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: . . nasional oleh kerana Jabatan Pendidikan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan sedikit fasih bercakap bahasa Mandarin.

Tuan Liew Ah Kim: Menghantarkan guru-guru yang tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas, biar dia bercakap dahulu, kemudian baru tanya.

Tuan Liew Ah Kim: Bukan kita timbulkan masalah itu, yang sepatutnya Parti Pembangkang tidak boleh mencipta apa-apa masalah dalam negara kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay.

Tuan Liew Ah Kim: Sekarang ini masalah itu tidak timbul.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan okay! Sedikit.

Tuan Liew Ah Kim: Kita cuma mahu selesaikan apa sahaja masalah yang telah timbul dalam tanahair kita. Itulah maksud dan hasrat kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya

Tuan Liew Ah Kim: Saya ingat tidak baik

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas dia tidak beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bukan tidak faham, 47 hari duduk dalam jel, banyak saya "beristirehat", lebih faham politik DAP ini.

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak beri jalan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh teruskan.

Seorang Ahli: Masuk lagi satu kalilah!

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan ISA, saya ingin hendak menyentuh sedikit sebanyak berkenaan isu itu. Seperti mana rakan saya dari kawasan Bukit Bintang petang semalam ada menyentuh penahanan di bawah ISA, yang mana kami mendapat tahu bahawa ada lebih daripada 30 orang tahanan masih ditahan di tempat tahanan perlindungan Kemunting setakat ini. Antaranya 7 orang adalah Ahli-ahli Parlimen DAP termasuk Ahli Parlimen Kawasan Tanjong, Ahli Parlimen Kawasan Jelutong, Ahli Parlimen Kawasan Kepong, Ahli

Parlimen Kawasan Ipoh, Ahli Parlimen Kawasan Pasir Pinji, Ahli Parlimen Kawasan Kota Melaka dan Ahli Parlimen Kawasan Puchong.

Kerajaan kita ini adalah Kerajaan pilihan rakyat. Manakala tujuh orang yang tersebut juga Wakil Rakyat yang terpilih. Mereka sepatutnya berpeluang seperti kita di sini menyampaikan hasrat dan harapan rakyat kepada Kerajaan di Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya mereka kini masih berada di Kem Tahanan dan tidak dapat berkhidmat kepada para pengundi di kawasan mereka.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, nanti sekejap.

Tuan Liew Ah Kim: juga tidak dapat memainkan peranan mereka sebagai Wakil Rakyat.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, ada yang bangun. Saya hendak tahu apa sebab yang dia bangun

Tuan Liew Ah Kim: Saya rasa sudah cukup.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak semesti Wakil Rakyat itu membuat kesalahan dan kesilapan. Chin Peng pun wakil juga, tetapi komunis.

Tuan Liew Ah Kim: untuk penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanah Merah, dia tidak beri. Tidak payah, duduklah!

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah, tadi

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau Yang Berhormat gentleman, kita bincangkan dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya telah pun beri peluang kepada Yang Berhormat itu

Tuan Hashim bin Safin: Kalau tuduh-tuduh itu tidak ada penjelasan, tidak baik.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah, saya fikir tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak payah.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau tidak payah, okaylah.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: (*Bangun*)

Dr Eng Seng Chai: Duduklah!

Tuan Liew Ah Kim: Bolehlah beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Parit dibenarkan.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat faham tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat, janganlah dikesalkan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat kerana sebagai Wakil Rakyat hendaklah menauladani rakyat. Jadi, kalau kita orang yang bertanggungjawab tidak berlaku sebagaimana berlakunya kepada sahabat-sahabat kita ke tujuh-tujuh orang yang ditangkap di bawah ISA.

Lagi pun penjelasan bersabit ISA ini akan dijelaskan sejelas-jelasnya dalam Kertas Putih. Jadi, tidak payahlah buang masa untuk bercerita berhubung dengan ISA ini lagi. Lagi pun yang saya dengar tadi sebut satu persatu; yang ini masuk, yang itu masuk. Semua orang sudah tahu, tidak payah hendak diberitahu. Masa yang ada dalam Dewan ini adalah terhad dan hendaklah digunakan sepenuhnya dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Jadi, saya minta penjelasan supaya perkara ini janganlah memperbodohkan diri sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Seputeh, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya ingat dia bukan hendak beri penjelasan, dia buka tuduhan sahaja, ambil peluang untuk menghilangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat wakil dari Seputeh sama ada isu mengenai penahanan Ahli-ahli Parlimen yang diketuai oleh Yang Berhormat wakil dari Tanjung merangkap Ketua Pembangkang adalah satu isu yang amat penting dan haruslah dibincangkan dalam Parlimen ini?

Tuan Liew Ah Kim: Memang betul. (*Tepuk*) seratus peratus saya bersetuju atas hujah-hujah yang disampaikan oleh Wakil dari Bukit Bintang.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, ini berpakat. Dia berpakat, lepaskan kertas itu turun ke bawah.

Tuan Lee Lam Thye: Jangan cemburulah.

Tuan Liew Ah Kim: Mengenai pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit, menyentuh Kertas Putih mengenai penahanan di bawah ISA, nampaknya Yang Berhormat itu pun tidak berapa sedar kerana berapa lama sehingga hari ini lebih tiga bulan hujah-hujah Kertas Putih kita dengar, tetapi sehingga hari kita tidak nampak Kertas Putih. Kertas Putih mana

Seorang Ahli: Ya, betul.

Tuan Liew Ah Kim: nampaknya kertas hitam sahaja, belum ada lagi. Mengapa begitu lewat untuk menyampaikan Kertas Putih kepada Dewan ini untuk dibahaskan. Itulah saya ingat kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak buat ucapan nanti boleh beri jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang memegang kepada demokrasi, maka mereka harus membebaskan orang-orang tahanan apabila keadaan sudah memulih. Kami tetap tidak bersetuju Kerajaan menyalahgunakan ISA ke atas sebarang parti politik dan orang-orang yang mempercayai demokrasi dan mencintai negara kita.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan, boleh?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Tuan Zubir bin Embong: Sekali sahaja. Takutkah?

Tuan Liew Ah Kim: Yang Berhormat buat ucapan panjang lebar lebih dari satu jam, lagi hendak mengganggu saya buat ucapan. Ini tidak patutlah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Teruskan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Jika Kerajaan menganggap mereka bersalah dan harus menerima hukuman undang-undang, maka kami mencabar Kerajaan supaya mendakwa mereka ke mahkamah. (*Tepuk*) dan mengadakan perbicaraan secara terbuka. Jika tidak, Kerajaan harus membebaskan mereka tanpa syarat dengan segeranya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Parti DAP telah menerima aduan-aduan daripada ahli keluarga orang-orang tahanan yang ditahan di Kem Kemunting di bawah ISA iaitu ahli keluarga Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Ahli Parlimen kawasan Kepong dan Ahli Parlimen kawasan Ipoh bahawa mereka yang ditahan di lima kawasan telah menerima layanan yang tidak berperikemanusiaan di mana mereka tidak diberi katil sama sekali dan terpaksa tidur di atas lantai simen. Menteri Dalam Negeri harus menjelaskan mengapa Wakil-wakil Rakyat seperti mereka tidak diberi katil untuk tidur, sedangkan orang-orang

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Ah Kim: tahanan yang biasa juga diatur supaya tidur di katil kayu. Bukankah ini satu penyalahgunaan yang kejam ke atas ahli-ahli politik yang tersebut di atas.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Boleh tanya sedikit? Katil itu hendak buat apa? Orang lain tidak pakai katil tidak apa-apa.

Tuan Liew Ah Kim: Ini cement bed.

Tuan Lee Lam Thye: Kacau sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Sejuk sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Mengenai masalah setinggan, saya ingin menyentuh sedikit-sebanyak. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah rumah setinggan adalah satu masalah sosial dan ekonomi yang serius pada hari ini. Sungguhpun pada awal tahun 70an Kerajaan telah bersetuju menguruskannya berdasarkan peri kemanusiaan, tetapi malangnya banyak penduduk-penduduk setinggan di negara ini tidak dapat layanan yang

sepatutnya daripada Kerajaan Pusat ataupun Negeri. Contohnya, peristiwa merobohkan rumah setinggan di kawasan Petaling Jaya pada bulan lepas di mana penghuni rumah setinggan tidak menerima sebarang penempatan yang sesuai sebelum operasi merobohkan rumah dijalankan oleh tuanpunya tanah berkenaan. Ini telah mengakibatkan kesengsaraan, kehilangan tempat lindung para pengundi setinggan yang berkenaan. Arahan Kerajaan Negeri Selangor melalui Menteri Besar supaya berhenti membekalkan perkhidmatan telefon kepada penghuni setinggan juga telah menyebabkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Cukuplah untuk hari ini, esok sambung. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.